

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KETIGA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 42**

**Isnin**

**26 Oktober 2015**

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Perbekalan 2016	(Halaman 24)
<b>USUL-USUL:</b>	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 23)
Anggaran Pembangunan 2016	(Halaman 24)

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KETIGA**  
**MESYUARAT KETIGA**  
**Isnin, 26 Oktober 2015**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)]  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]** minta Menteri Pendidikan menyatakan langkah kerajaan bagi mengurangkan bebanan kerja luar hakiki bagi lebih 500,000 guru supaya tugas hakiki sebagai pendidik tidak terjejas.

**Menteri Pendidikan [Dato' Seri Mahdzir Khalid]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan selamat pagi. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Sabak Bernam yang bertanya soalan yang berkaitan dengan tanggungjawab Kementerian Pendidikan untuk bagaimana langkah-langkah diambil untuk mengurangkan bebanan kerja luar hakiki guru sebagai pendidik.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat empat pertanyaan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini menyentuh tentang beban tugas guru. Pertanyaan tersebut daripada Yang Berhormat Sabak Bernam bertarikh 26 Oktober, Yang Berhormat Bachok dan Yang Berhormat Lipis bertarikh 27 Oktober dan Yang Berhormat Tanah Merah bertarikh 3 Disember. Oleh sebab isu yang dibangkitkan ini berkaitan antara satu sama lain, izinkan saya menjawab kesemua pertanyaan tersebut secara serentak.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang beban tugas guru ini, ia telah lama sebenarnya diperkatakan. Malah kajian-kajian ditunjukkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bermula dari tahun 2006, 2010, 2012 dan 2015 serta inisiatif NBOS iaitu *National Blue Ocean Strategy* yang kelapan serta Laporan Kebangsaan Pemeriksaan Sekolah 2015 telah menemukan pelbagai perkara yang dirumuskan sebagai punca wujudnya beban tugas guru. Justeru itu, pernyataan saya pada 31 Julai 2015, sebaik saya menerajui kementerian ini, langkah pertama adalah untuk meneruskan usaha bagi menangani beban tugas guru.

Dapatan daripada beberapa kajian Kementerian Pendidikan Malaysia menyatakan beban tugas guru ini membawa maksud pelbagai tugas yang rencang, yang dilakukan oleh guru sehingga menjejaskan masa berkualiti bagi melaksanakan proses Pengajaran dan Pembelajaran serta amalan profesionalisme keguruan iaitu selain daripada melaksanakan tugas mereka di bilik darjah, guru juga perlu melaksanakan pelbagai tugas khas seperti urusan data, perpustakaan, warden, guru kelas, guru disiplin, guru SBBT, setiausaha PIBG, setiausaha peperiksaan,

setiausaha kokurikulum, penyelaras ICT dan kerja-kerja perkeranian. Guru juga terlibat dalam pelbagai aktiviti agensi lain yang sebahagiannya tidak berkaitan langsung dengan tugas utama dalam Pengajaran dan Pembelajaran. Kesemua tugas ini telah menyumbang kepada kerencaman tugas guru di sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan yang berkuat kuasa, tugas guru merangkumi tujuh aspek utama iaitu:

- (i) kurikulum, Pengajaran dan Pembelajaran termasuk pentaksiran;
- (ii) kokurikulum, sukan dan permainan, kelab dan persatuan dan badan beruniform;
- (iii) pengurusan hal ehwal murid yang berkaitan dengan keselamatan, kebajikan, kesihatan, bina insan;
- (iv) sistem maklumat murid, koperasi dan lawatan;
- (v) pengurusan pejabat dan pentadbiran serta kewangan;
- (vi) pembangunan fizikal, pembangunan staf; dan,
- (vii) hubungan komuniti, hubungan dengan masyarakat.

Ingin saya jelaskan di sini berdasarkan tugas-tugas yang dinyatakan tadi, masa yang digunakan oleh seorang guru dalam aspek kurikulum sahaja puratanya adalah 48 jam seminggu. Jumlah tersebut tidak mengambil kira masa aktiviti kokurikulum, dua hingga enam jam seminggu dan pengurusan hal ehwal murid puratanya enam jam. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kajian Kementerian Pendidikan Malaysia tahun 2015 berkaitan dengan beban tugas guru mendapati, secara puratanya 56 jam seminggu digunakan untuk tugas hakiki dan purata tugas guru dalam seminggu konsisten antara 56 jam hingga 66 jam seminggu.

#### ■1010

Sehubungan dengan itu, saya akan memastikan langkah-langkah yang telah, sedang dan akan dilakukan bagi menangani beban tugas guru, dipantau dan dilaksanakan sepenuhnya.

Pertamanya, memastikan pengurusan di peringkat kementerian negeri, daerah dan sekolah memahami dan mematuhi semua pekeliling atau surat siaran berkaitan yang sedang berkuat kuasa. Ini maksud saya kita mesti mematuhi pekeliling-pekeliling yang sedia ada, yang telah dikeluarkan oleh kementerian.

Keduanya, mengurangkan amalan penyediaan sambutan berlebih-lebihan. Khususnya di peringkat sekolah sehingga menjejaskan masa pengajaran dan pembelajaran. Ada sesetengah sekolah sekarang ini telah mengambil inisiatif. Misalnya menyambut tetamu di sekolah tidak lagi dibuat oleh guru tetapi dibuat oleh PIBG sekolah. Maknanya ibu bapa yang secara langsung mengambil bahagian untuk membuat aktiviti sambutan tetamu di sekolah.

Ketiganya, adalah kepimpinan sekolah yang berkesan, yang diperkasakan. Sekarang ini ada satu program yang dikenali sebagai *National Professional Qualification for Educational Leaders (NPQEL)* yang telah diperkenalkan bagi pemimpin-pemimpin sekolah ataupun yang

akan menjadi pengetua dan guru besar mesti ke NPQEL yang diadakan di Institut Aminuddin Baki (IAB).

Keempatnya, adalah memastikan pemantauan amalan melindungi masa, *instructional* dilaksanakan sewajarnya. Akhir sekali ialah memperkasakan pengintegrasian data melalui inisiatif *Single Sign-On*. Langkah ini akan memastikan guru-guru tidak perlu menggunakan pelbagai sistem untuk merekodkan data.

Di samping itu, Strategi Lautan Biru Kebangsaan juga telah memfokuskan untuk menangani isu beban tugas guru, *teachers' administrative workload* dengan izin, melalui inisiatif *Repositioning of Teachers' Core Duties* dengan izin yang dirintis pada masa ini di Melaka dan di Kedah akan diperluaskan. Subjek yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bachok, langkah kerajaan menempatkan pembantu guru ini sangat membantu meringankan beban guru. Secara keseluruhannya, pelaksanaan rintis ini telah berjaya mengurangkan beban tugas guru dan skop kerja perkeranian dan teknikal ICT daripada purata tiga jam hingga 7.4 jam seminggu bergantung kepada jenis tugas khas yang dipegang oleh guru. Pengurangan beban tugas yang tiada kaitan dengan tugas hakiki guru ini telah mengembalikan ke fungsian dan profesionalisme guru. Sehubungan itu, adalah wajar program dapat diperluaskan ke seluruh negara. Namun, pelaksanaan ini bergantung kepada kemampuan kewangan kerajaan. Terima kasih.

**Tuan Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberikan jawapan sebentar tadi. Saya memang sangat akur dan apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri, tugas-tugas itu memang saya telah jalankan semasa saya menjadi guru selama 20 tahun dan di pejabat pelajaran daerah selama 13 tahun. Jadi saya berkhidmat di Kementerian Pelajaran selama 33 tahun. Saya memahami tugas-tugas itu dan tugas-tugas yang dijalankan di sekolah memang saya telah jalankan dan saya rasa rakan-rakan guru di seluruh Malaysia telah menjalankan tugas itu.

Akan tetapi cuma Yang Berhormat Menteri, ada beberapa perkara yang kita perlu halusi dan kita lihat. Memandangkan pembelajaran abad ini telah memerlukan pengurusan pendidikan secara *online*. Rata-rata guru telah menjelaskan tentang apa yang dikatakan Aplikasi Pangkalan Data Murid dan Sistem Pengurusan Sekolah (SPS) atau Sistem Analisis Peperiksaan (SAP) dan lain-lain memerlukan talian internet yang perlu mencapai internet yang luas. Jadi saya mengharapkan kepada Kementerian Pendidikan ataupun bahagian komunikasi supaya mengambil berat tentang sistem talian *online* ini. Ini kerana rata-rata – kerana saya pernah berpengalaman menguruskan tentang talian ini dalam bidang peperiksaan. Ini kerana saya dahulu masa di pejabat pelajaran daerah dan di sekolah, saya menguruskan bahagian ini. Saya lihat kadang-kadang ada sesetengah guru apabila hendak mencapai talian internet ini sehingga pakai pukul 12 malam, pagi. Ini kerana apa yang dibekalkan oleh sekolah itu. Jadi soalnya iaitu apakah tindakan Kementerian Pelajaran mengambil tindakan yang perlu untuk meluaskan lagi pencapaian internet di sekolah. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Sabak Bernam yang bertanya mengenai dengan soalan tambahan. Saya yang pertamanya saya ingin menyatakan di sini bahawa rakan-rakan guru di luar sana sememangnya telah memikul semua tanggungjawab yang saya sebut dalam soalan tadi. Mereka telah membuat kerja bukan sahaja dalam kerja hakiki yang disebut tetapi juga kerja-kerja yang berkaitan dengan perkeranian yang disebut oleh Yang Berhormat Sabak Bernam.

Jadi sebab itu sukalah saya sebut bahawa pada masa dahulu, kerja-kerja perguruan ini, kerja-kerja seorang guru ini dia lebih kepada manual. Dia kena buat juga dahulu, dia kena tulis buku rekod pengajaran dan pembelajaran yang hendak diajar. Akan tetapi sekarang ini telah diubah sistem itu daripada rekod manual ini kepada *online system* ataupun kepada digital dan juga internet, maka pada waktu ini ada satu perkara yang sememangnya menjadi kerunsingan semua pihak kerana capaian internet yang ada di sekolah.

Ingin saya jelaskan di sini bahawa dalam capaian Internet yang ada di sekolah ini, kita sebenarnya sekolah ini terbahagi kepada enam buah komponen kedudukan geografi:

- (i) kawasan bandar atau *urban area*.
- (ii) pinggir bandar atau *suburban area*; dan
- (iii) luar bandar.

Akan tetapi ada satu lagi selain dari luar bandar ini ialah kawasan pedalaman. Kawasan pedalaman atau kawasan *interior* ini ada tiga lagi iaitu dipanggil:

- (i) pedalaman satu
- (ii) pedalaman dua; dan
- (iii) pedalaman tiga.

Pedalaman satu, dua dan tiga ini kebanyakannya ada di Wilayah Sarawak dan Sabah dan juga di negeri-negeri Semenanjung ini yang termasuk dalam pedalaman satu (P1), dan pedalaman dua (P2). Jadi dalam – apabila kita letakkan dari segi geografinya, kita faham di mana capaian internet yang lebih berbanding dengan satu tempat ke satu tempat. Sudah pastilah capaian internet terbesar adalah di kawasan-kawasan bandar dan kawasan pinggir bandar, dan akhirnya ke luar bandar.

Jadi sekarang ini tanggungjawab kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan adalah untuk melihat bagaimana kita boleh mempertingkatkan capaian internet yang ada, yang menjadi faktor penyumbang antaranya kepada beban tugas guru ini dan terutamanya di kawasan luar bandar. Untuk tujuan ini saya ingin memberi maklumat kepada Dewan yang mulia ini bahawa kita akan meneruskan usaha-usaha untuk bekalan talian internet melalui *Internet Service Provider* ini. Sekarang ini boleh saya sebut bahawa ada 6,688 buah sekolah telah dibekalkan dengan kemudahan akses internet. Pemasangan teknologi berkelajuan tinggi 4G bergantung kepada pembinaan menara komunikasi satu *brace* yang memerlukan juga kelulusan pihak berkuasa tempatan.

Saya berharap bahawa dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ini dalam lima tahun daripada sekarang dapat kita secara berperingkat dapat menyelesaikan hal yang berkaitan

dengan kelajuan internet khususnya yang disebut oleh Yang Berhormat Sabak Bernam tadi di luar bandar. Dengan harapan itu, mudah-mudahannya kita akan dapat melihat bahawa beban tugas guru yang termasuk dalam komponen yang berkaitan dengan capaian internet ini dapat kita atasi. Terima kasih.

■1020

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Walaupun, skim terhadap guru ini kita lihat agak baik. Akan tetapi, ini bukanlah satu bentuk kepuasan yang ada kepada guru, walaupun gaji skim mereka baik. Akan tetapi apa yang pentingnya ialah kepuasan untuk mereka berkhidmat dan bekerja terutama di dalam soal pengendalian mereka ataupun untuk melaksanakan P&P di dalam kelas masing-masing.

Jadi, persoalan saya kerana setiap kali tukar Menteri kadang-kadang bertukar pula dasar dan juga pendekatan sehingga guru-guru yang menimbulkan bebanan. Persoalan saya ialah ada atau tidak satu piawai standard yang diletakkan oleh kementerian untuk memastikan ada supaya tahap, misal kita katakan dalam tahap pelaksanaan lima tahun ataupun 10 tahun yang dilaksanakan di peringkat sekolah-sekolah ataupun oleh guru-guru supaya ia tidak menimbulkan kecelaruan dan kesusahan di pihak guru. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Terima kasih pada Yang Berhormat Bukit Gantang yang telah mengemukakan soalan mengenai dengan skim guru, kepuasan dan juga dasar. Saya ingin menyebut di dewan yang mulia ini bahawa yang pertamanya saya sedar bahawa salah satunya bukan sahaja dalam perkhidmatan perguruan tapi dalam perkhidmatan apa juga walaupun barangkali gaji yang tinggi tapi kalau kita tidak rasa puas, ada kepuasan untuk bertugas itu kita akan menghadapi masalah.

Jadi, dalam perkhidmatan perguruan ini salah satu komponen yang telah diletakan adalah untuk melihat bagaimana skim gaji diberi kepada guru yang berasas kepada *time based*, dengan izin. Itu adalah satu daripada kesungguhan kerajaan melihat bagaimana hendak membantu perkhidmatan perguruan ini menjadi satu perkhidmatan yang berada di barisan hadapan.

Keduanya, berkaitan dengan yang disebut oleh Yang Berhormat Bukit Gantang tadi, dasar pendidikan ini adalah dasar pendidikan yang jelas. Sebagai Menteri yang baru mengambil alih kementerian saya sudah jelaskan di awal-awal pengucapan saya apabila saya mengambil alih kementerian ini bahawa kita tidak akan mengubah apa-apa dasar yang sedia ada. Apa yang kita buat adalah untuk penambahbaikan sahaja kepada sistem yang sedia ada.

Saya kira bahawa dasar yang sedia ada adalah dasar yang sememangnya dasar yang telah melangkaui keupayaan masyarakat untuk mengambil tanggungjawab bersama untuk membantu bagi anak-anak kita mendapat pencapaian pendidikan yang terbaik. Jadi sebab itu, saya katakan bawah kalau adapun nanti yang kita hendak buat adalah kita membuat penambahbaikan. Contohnya, yang berkaitan dengan pembelajaran bahasa Melayu, pembelajaran bahasa Inggeris di sekolah-sekolah dan kita sedar bahawa di samping itu, kita juga bukan sahaja memerlukan guru-guru yang profesional, guru-guru yang terlatih tetapi kita juga

memerlukan para pentadbir sekolah ataupun pemimpin sekolah sebagai pengetua dan guru besar yang mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang tinggi.

Ini juga adalah termasuk dalam komponen untuk meletakkan bahawa bukan sahaja dasar itu yang diutamakan tetapi dari segi pelaksanaan kepada dasar yang sedia ada. Kalau pelaksanaan ini dapat disempurnakan dengan baik dan mempunyai kualiti kepimpinan perguruan yang baik di bandar dan di luar bandar, saya yakin bahawa kita mampu sebenarnya untuk mencapai dasar yang telah kita adakan selama ini. Terima kasih.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang soalan tambahan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Saya ingin menyatakan di sini lanjutan daripada jawapan Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Kita sedar bank dunia sendiri telah membuat kajian terhadap sistem pendidikan Malaysia dan mendapati kebanyakan keputusan itu terlalu berpusat di peringkat kementerian sehingga agak lama sebelum rintihan guru didengari. *Now*, berkait dengan jawatankuasa kaji beban guru tadi Yang Berhormat Menteri sebut. Disebut juga antara penyelesaian iaitu projek rintis pelaksanaan pembantu guru gred N17 ini telah didapati meringankan beban bagi semua guru yang juga pegawai kerajaan gred 41.

Jadi persoalan saya, di manakah komitmen kementerian? Di mana, "*Sudah terang lagi bersuluh*". Jelas bahawa projek rintis ini memang membantu meringankan beban guru, jawatan kuasa pun sudah lama buat kerja. Di manakah komitmen di mana belanjawan kali ini akan dilaksanakan secara menyeluruh bagi bidang pendidikan? Saya fikir tidak akan ada perbezaan mana-mana pihak untuk memastikan pendidikan diutamakan dan bukannya projek-projek mega seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri. Mohon komitmen Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai atas soalan. Saya ingat mengenai dengan belanjawan ini ia telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan, oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, jadi bukan semua di bawah Kementerian Pendidikan. Jadi, ada perkara-perkara yang daripada kementerian-kementerian lain dan agensi-agensi yang lain.

Sukalah saya menyebut di sini bahawa kajian yang dibuat ini ataupun rintis yang dibuat ini adalah atas usaha kerajaan untuk melihat beban tugas guru dan ada sebuah jawatankuasa yang telah membuat kajian ini yang diletakkan di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan yang kelapan. Fokusnya adalah untuk melihat mengenai dengan bagaimana boleh mengatasi beban tugas guru. Saya sebut tadi rintis telah dibuat di Melaka dan Kedah. Rintis ini telah dilaporkan semula untuk dikendalikan oleh kementerian.

Pada peringkat ini, kita telah melihat bagaimana kita boleh meneruskan, bukan sahaja rintis tapi meneruskan projek ini di negeri-negeri yang lain. Untuk tujuan itu, kita mestilah menyediakan satu, bukan sahaja daripada segi jumlah jawatan yang perlu untuk diselesaikan oleh pihak JPA tetapi juga kita memerlukan sejumlah peruntukkan kewangan secara berpanjangan bila kita hendak tidak buat begini. Oleh sebab itu bila kita masuk pada fasa yang

kedua ini kita sedang melihat bagaimana boleh dilaksanakan di negeri lain secara yang berskala lebih besar, berasaskan kepada keputusan yang akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan juga kelulusan kewangan daripada Kementerian Kewangan. Terima kasih.

**2. Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan komuniti perubatan mendapati Stevia boleh menggantikan gula dan produk ini tidak mempunyai *properties* merbahaya kepada kesihatan manusia. Adakah kerajaan bercadang untuk mempromosikan tanaman Stevia dan apakah kekangan untuk menanam di negara ini jika ada.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tuan Nogeh anak Gumbek]:**

Selamat pagi, Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani atas soalan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, Stevia nama saintifik *Stevia rebaudiana* juga dipanggil *sweet honey leaf* berasal dari Paraguay, Amerika Selatan. Stevia merupakan sumber pemanis semula jadi dan mempunyai faedah kepada kesihatan yang lebih baik berbanding dengan gula kerana tidak mengandungi kalori, tidak memberi komplikasi kepada pesakit diabetes, berupaya mengurangkan berat badan, tidak menyebabkan kerosakan gigi dan tidak menyebabkan kesan sampingan.

Sehingga ini, belum ada satu perangkaan rasmi mengenai keluasan tanaman Stevia di Malaysia memandangkan tanaman ini boleh dikategorikan sebagai tanaman yang baru diperkenalkan dan masih dalam peringkat penyelidikan. Walau bagaimanapun, terdapat syarikat-syarikat yang telah mengusahakan secara komersial bagi tujuan makanan tambahan untuk kesihatan. Namun demikian, adalah dianggarkan keluasan tanaman Stevia di Malaysia hanya sekitar 50 ke 60 hektar sahaja dan kebanyakannya ditanam di negeri Pahang, Selangor dan Perak.

■1030

Hasil penyelidikan yang dilaksanakan juga menunjukkan terdapat kekangan untuk menanam Stevia di Malaysia berdasarkan faktor berikut;

Pertama, jangka masa siang yang kurang dari 13 jam di negara ini telah mendorong Stevia berbunga terlalu awal. Pembungaan terlalu awal ini tidak membolehkan pengeluaran hasil dan pemanis yang tinggi. Apabila berbunga awal, kutipan daun perlu dilakukan sebelum bunga berkembang sepenuhnya bagi mengekalkan tahap kemanisan dalam daun. Kutipan awal ini juga menyebabkan pusingan kutipan hasil menjadi kerap sehingga 10 sampai 12 kali setahun yang akan meningkatkan kos pengeluaran dan menjadikan penanaman Stevia tidak kompetitif dari segi kos. Di iklim hawa sederhana, kutipan hanya dilakukan satu atau dua kali sahaja setiap kali penanaman.

Kedua, kandungan bahan pemanis dalam daun Stevia didapati rendah berbanding kandungan pemanis di kawasan asal akibat kutipan hasil yang awal.

Ketiga, pada masa ini, variasi Stevia yang sesuai masih belum ditemui sungguhpun enam aksesori berpotensi telah disenaraipendekkan daripada 68 aksesori yang dibawa masuk dari serata dunia.



Justeru itu, promosi tanaman Stevia sebagai tanaman komersil yang boleh dijadikan industri bahan pengganti gula di negara ini belum dapat dipergiatkan dan masih dalam peringkat penyelidikan.

Potensi untuk mengkomersialkan tanaman Stevia perlu dilihat dari dua aspek iaitu teknikal dan ekonomi. Dari segi teknikal, tanaman ini boleh diusahakan di Malaysia. Namun begitu, aras pemanisnya adalah rendah daripada yang diperolehi dari sumber luar negara.

Dari segi ekonomi pula, tanaman Stevia di negara ini memerlukan tenaga buruh dan kos yang tinggi terutamanya untuk operasi mengutip hasil. Namun, tanaman berkenaan boleh diusahakan bagi tujuan pemasaran bahan herba atau dijadikan makanan tambahan dalam makanan dan minuman kesihatan. Terima kasih.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Mas Gading, sahabat saya yang telah dilantik menjadi Timbalan Menteri. Gaya cakap itu macam kualiti Menteri sudah, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa] Insya-Allah.*

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2013, Kementerian Kesihatan menyebut bahawa terdapat 2.6 *million*, bukan bilion ya, *million*, pesakit-pesakit diabetes di Malaysia. Pada tahun 2015, tahun ini sahaja, kita telah pun melepasi jumlah itu dan dijangkakan 3.1 *million* mereka yang telah pun mendapat penyakit diabetes. Negara membelanjakan Tuan Yang di-Pertua, lebih daripada RM1 bilion untuk merawat mereka yang sakit diabetes.

Jadi soalan tambahan saya kepada Menteri ialah, sementara kita masih lagi pemegang rekod untuk orang yang sakit diabetes di Asia Tenggara, saya rasa Stevia harus diberikan perhatian walaupun terdapat kekangan-kekangan- dan itu pun saya rasa kementerian mempunyai banyak institusi-institusi untuk melihat bagaimanakah produktiviti dan juga kualiti Stevia ini boleh diperbaiki. Ini kerana, pernah kita waktu dahulu pun padi kita ada masalah, tetapi kita telah pun membuat penyelidikan dan sebagainya, akhirnya, sekarang ini kita boleh tanam padi dalam keadaan yang bukan sahaja kualiti baik tetapi juga mempunyai jangka masa yang cepat dan juga luas ditanam di Malaysia.

Oleh kerana itu Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Paraguay atau pun Brazil, malah *Japan* dan China juga menanam Stevia sekarang ini kerana ia menjadi alternatif kepada gula. Jadi saya rasa kerajaan harus melihat khususnya kementerian, Menteri yang baru ini, harus melihat bahawa ini ialah alternatif kepada gula yang bukan sahaja boleh menyelesaikan masalah bekalan tetapi masalah diabetes yang dihadapi oleh rakyat Malaysia kerana kita masih lagi pemegang rekod *diabetic* yang paling tinggi di Asia Tenggara, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Nogueh anak Gumbek:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Petani kerana begitu prihatin dengan pesakit-pesakit *diabetic*. Kerajaan memang mengambil kira perkara ini dan kita akan, dengan izin, *intensify* lagi penyelidikan supaya satu hari nanti kita dapat variasi yang boleh ditanam di negara kita yang dapat mengeluarkan hasil yang cukup banyak manisnya juga dan juga dengan kos yang kurang.

Kita menggalakkan pengguna-pengguna juga untuk membeli produk-produk Stevia ini yang sekarang ada secara *online*, ada juga stokis-stokis di negara kita dan ada perusahaan ataupun syarikat yang telah mengimport bahan Stevia ini dalam bentuk *liquid* untuk digunakan di Malaysia dan dipasarkan di Malaysia. Jadi kita haraplah orang-orang yang ada penyakit diabetes dapat memberi daripada stokis-stokis yang sudah ada di negara ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan. Tanaman herba sebagai perubatan telah semakin popular di negara ini untuk mengubati pelbagai penyakit. Soalan saya ialah apakah tindakan kerajaan untuk menggalakkan penanaman tanaman herba bagi tujuan perubatan pada masa hadapan? Terima kasih.

**Tuan Nogeh anak Gumbek:** Terima kasih atas soalan. Kementerian ada beberapa program untuk menggalakkan petani-petani kita menanam herba. Pada setakat sekarang ini pun, industri herba kita sudah meningkat dan kita akan mempergiatkan lagi aktiviti-aktiviti dan program-program untuk mendorong petani-petani kita untuk menggalakkan menanam bermacam-macam herba supaya industri ini akan berkembang lagi. Sekian, terima kasih.

**3. Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [Sipitang]** minta Perdana Menteri menyatakan langkah dirancang bagi memperkasa dan memperkuat Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dari segi keanggotaan dan kelengkapan, untuk menghadapi pengurusan bencana alam di negara ini.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha telah diambil untuk mempertingkatkan keupayaan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia melalui langkah-langkah seperti berikut.

Pertama, JPAM telah dilantik sebagai sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negara di peringkat pusat, negeri dan daerah. Maka dengan itu, persiapan fasa sebelum, semasa dan selepas sesuatu bencana akan dilakukan secara bersama dengan agensi-agensinya berkaitan. Peranan sekretariat ini dilaksanakan oleh Majlis Keselamatan Negara di semua peringkat pada masa yang lepas.

Kedua, selaras dengan peranan JPAM dalam fasa sebelum, semasa dan selepas suatu bencana, JPAM telah dan akan menggerakkan penubuhan dan pengaktifan Pasukan Tindak Balas Kecemasan Pertahanan Awam Komuniti ataupun *Civil Defense Emergency Respond Team* (CDERT) di peringkat komuniti di lokasi-lokasi yang dikenal pasti berisiko bagi memastikan tindak balas semasa menghadapi suatu situasi bencana dapat ditangani dengan segera. Pasukan CDERT dilatih oleh pegawai-pegawai JPAM dan terdiri daripada pemimpin dan penduduk setempat yang berperanan memantau, memberi maklumat kepada JPAM atau pihak berkuasa yang lain dan memberi bantuan awal sekiranya berlaku bencana di kawasan yang didiami.

Ketiga, penempatan semula ataupun *redeployment* pegawai-pegawai ke kawasan yang berisiko tinggi bagi meningkatkan lagi tahap penyampaian perkhidmatan JPAM. Kita juga akan membuat pengambilan pegawai-pegawai kontrak dan sementara bagi tujuan untuk mengisi

kekosongan atau menampung kekurangan pegawai di pejabat-pejabat JPAM. Kita juga bercadang untuk melantik bekas anggota Kor Siswa Pertahanan Awam atau Kor SISPA yang terpilih dan berkemahiran dan telah menamatkan pengajian yang belum mempunyai pekerjaan untuk membantu pengurusan dan pentadbiran di pejabat-pejabat JPAM.

■1040

Kita juga sedang mempertingkatkan penyelarasan logistik dan juga aset serta sistem amanat awam (*public warning system*) JPAM bagi memastikan bantuan bencana disampaikan lebih berkesan. Terima kasih.

**Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita ucapkan tahniah kepada JPAM yang diangkat menjadi APM dan sekali kepada Menteri, tahniah.

Soalan saya ialah, sejauh manakah kebajikan anggota JPAM ini ataupun APM ini diberikan perhatian yang serius? Terutama sekali apabila anggota ini bertugas siang dan malam dan bencana berlaku tiba-tiba, bukan sekadar di darat, di laut dan termasuk juga di udara dan yang lebih jelas, apabila berlakunya peristiwa rekahan ataupun letupan di Gunung Kinabalu yang tiba-tiba malim gunung muncul dan banyak insentif diberikan.

Akan tetapi apakah insentif-insentif yang boleh diberikan kepada anggota JPAM ini yang mereka ini bertungkus-lumus dalam keadaan yang darurat seperti banjir-banjir yang telah lalu? Sejauh manakah anggota APM ini diberikan kelengkapan-kelengkapan, mungkin helikopter, bot-bot yang segera ataupun barangkali apakah APM ini akan diberi peranan dalam memberikan dalam misi bantuan luar negara? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengalu-alukan di samping Yang Berhormat Kota Samarahan, 'puak-puak dari Perlis semua' [*Tepuk*] sebab mereka dari Jabatan Agama yang terdiri daripada tiga buah Parlimen. Selamat datang ke Parlimen yang mulia ini.

Sebenarnya, bukan 'APAM', APM. Kita ada Angkatan Tentera Malaysia, kita ada Angkatan Pertahanan Awam Malaysia. Jadi pendeknya ialah APM. Akan tetapi kalau hendak kata APAM itu ialah saya sudah beritahu kepada pemberita janganlah sebut 'APAM' sebab Ketua Pengarahnya ialah Dato' Zaitun Ab Samad sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kerana Yang Berhormat Sipitang prihatin kepada kebajikan anggota JPAM. Sekarang ini masih JPAM. Apabila datang Parlimen nanti kita akan ubah jadi APM. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, anggota sukarelawan JPAM ini dia mendapat elaun sama seperti RELA dan juga Bomba sukarela kalau sekiranya mereka bertugas. Jadi, prihatin kepada Yang Berhormat ini, mestilah direalisasikan dalam bentuk cadangan-cadangan untuk meningkatkan elaun yang kita bayar, elaun mengikut jam yang kita bayar itu kalau kita tingkatkan, jadi kita kena tingkatkan untuk semua.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita mempunyai anggota tetap dan kita mempunyai anggota sukarela. Kita mempunyai 855,000 anggota sukarela. Kita ada lebih daripada tiga juta

orang anggota RELA. Jadi, kalau sekiranya kita ingin tingkatkan jumlah bayaran jam kepada mereka, ia akan melibatkan implikasi kewangan yang agak besar.

Berhubung dengan kebajikan mereka, Yang Berhormat, saya hendak beritahu sebahagian besar daripada Ahli Yang Berhormat akan dilantik untuk menjadi mungkin ketua, mungkin penyelarasa anggota sukarela di peringkat komuniti yang kita sekarang sedang buat dengan hebatnya di seluruh negara. Esok, kita akan lancarkan di Sabah.

Jadi, Yang Berhormat mengetahui bagaimana kita hendak gerakkan sukarelawan. Sukarelawan ini pula ada dua. Satu yang menganggotai JPAM ataupun lain-lain badan beruniform. Keduanya, orang ramai yang bersukarela untuk memberi pertolongan. Jadi, perkara-perkara lain yang sedang difikirkan ialah berhubung dengan insurans dan ini memang merupakan cadangan daripada pelbagai pihak.

Berhubung dengan apa yang patut kita berikan kepada mereka, perkara ini akan diputuskan oleh pihak kerajaan. Sebab Yang Berhormat Sipitang menyebut tentang apa yang berlaku kepada malim gunung, yang mana mereka sekarang ini sebahagian besarnya masuk sebagai anggota sukarela bomba dan sebahagiannya adalah sebagai JPAM. Jadi, apa yang kita bagi kepada badan beruniform sukarela ini kita bagi sama semuanya.

Berhubung dengan aset, aset sekarang ini kedudukannya adalah bila kita menubuhkan Agensi Pengurusan Bencana Negara, semua sekali aset yang ada sekarang ini diuruskan oleh JPAM. Dulu, semua aset ini diuruskan oleh Majlis Keselamatan Negara dan sekretariat Majlis Keselamatan Negara, sekretariat APBN ini di peringkat negeri dahulunya ialah MKN sekarang ini ialah JPAM. Demikian juga peringkat daerah, kecuali peringkat komuniti akan diuruskan oleh JPAM bersama dengan pemimpin-pemimpin tempatan. Dengan itu aset yang dulunya diuruskan oleh MKN sekarang diuruskan oleh JPAM. Itu yang pertama.

Keduanya, kita akan tingkatkan jumlah aset. Itu sebabnya sekarang ini pembelian bot kecil-kecil ini, khususnya untuk mengerakkan perpindahan sekiranya berlaku di taman-taman dan juga pembelian enjin yang berkuasa tinggi. Ini akan digunakan di sungai-sungai yang airnya agak deras seperti di Kelantan, Pahang, Terengganu, Perak dan juga lain-lain lagi. Jadi dari segi persediaan untuk menghadapi bencana, kita telah meningkatkan apa yang kita ada sekarang, dalam masa yang sama, kita memperkenalkan Jawatankuasa Tindakan di peringkat komuniti. Terima kasih.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan tahniah kerana masih menjaga JPAM. Dia tidak menjaga Parlimen lagi. Saya ingin merakamkan satu ucapan penghargaan kepada JPAM ini kerana saya lihat sekarang JPAM telah maju ke depan dengan banyak berbanding dengan sebelum ini yang kalau kita tengok tugas mereka ini kadang-kadang itu menyaingi tugas Jabatan Bomba dan Penyelamat. Tahniah Yang Berhormat. Saya juga melihat bahawa JPAM ini sudah menjadi satu aktiviti di sekolah. Adanya Kadet JPAM di sekolah-sekolah yang termasuklah di kawasan saya sendiri. Kalau ada pertandingan kawad itu sering kali mereka menang kerana baju dia cantik dan sebagainya.

Cuma saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, daripada segi kurikulum ataupun daripada segi latihan yang diberikan oleh JPAM ini kepada sukarelawan. Saya ada melawat portal ataupun *website* JPAM ini. Antara subjek yang diajar di situ ialah menyelamatkan kecemasan, CPR, rawatan kecemasan dan melawan kebakaran kecil. Itu sahaja bidang yang nampak sekarang inilah. Jadi saya hendak tanya, adakah JPAM hendak melanjutkan lagi kurikulum ini kepada satu subjek yang cukup kritikal dalam masyarakat iaitu kaedah atau teknik memujuk orang yang ingin membunuh diri? Sama ada orang itu berpenyakit mental ataupun sekarang ini memang ramai di dalam masyarakat kita, mengikut kajian, mereka yang menghadapi tekanan hidup, dikejar oleh along dan sebagainya yang cuba membunuh diri.

Nampak sekarang ini, belum ada lagi satu kaedah ataupun teknik dalam anggota keselamatan ataupun anggota sukarelawan kita yang ada ditekankan perkara ini kecuali ada sedikit sebanyak dalam Jabatan Bomba dan Penyelamat ataupun mungkin doktor yang mengkhususkan dalam bidang psikiatri dan sebagainya. Soalan saya, adakah JPAM berhasrat untuk mengkaji, mengadakan perkara ini dalam latihan mereka? Terima kasih.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sekali JPAM ini bukan pernah duduk di bawah saya. JPAM ini adalah Kementerian Dalam Negeri. Jadi sekarang dipindahkan kepada *[Menyampuk]* dipindahkan - "*Awak ni PAC ya. Cakap biar betul*". Sekarang telah dipindahkan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

■1050

Jadi sekarang ini diletakkan di bawah Agensi Pengurusan Bencana Negara. Jadi bagi Jabatan Perdana Menteri, ini adalah satu perkara yang baru sebab kita tahu bahawa yang menguruskan soal bantuan di peringkat bawah ini banyak, JPAM, bomba, RELA, tentera, polis dan juga lain-lain badan sukarela. Jadi JPAM ini adalah sebahagian daripadanya. Kalau Yang Berhormat kata JPAM bagus, saya hendak beritahu semua bagus. Yang Berhormat Menteri yang jaga bomba dari belakang, bagus. Dari segi aset pula, sudah pasti mereka lebih bagus, bomba, sebab bomba ada helikopter.

JPAM tidak ada helikopter, JPAM cuma ada bot kecil dan sebagainya tetapi oleh kerana bila disatukan di bawah Agensi Pengurusan Bencana Negara, sekarang ini semua sekali agensi ini dicantumkan asetnya, sekarang kita ada aset udara sebab APMM ada enam biji helikopter. Jadi ia dimasukkan dalam usaha untuk membantu menguruskan bencana, kita ada laut, darat dan sungai. Jadi agensi ini telah melengkapkan usaha kerajaan untuk menolong menguruskan bencana dan lain-lain lagi.

Tadi saya sebut mengenai insurans. Insurans memang telah ada bagi mereka yang bertugas. Ketiganya Yang Berhormat sebut di dalam itu perkara-perkara yang diajar dalam kurikulum JPAM. Kita dah masukkan banyak dah perkara ini termasuk apa Yang Berhormat sebutkan tadi juga dimasukkan sebab dalam Agensi Pengurusan Bencana Negara yang saya akan keluarkan SOP dalam minggu ini, Yang Berhormat akan tengok bahawa dalam APBM ini terdiri daripada pelbagai unit. Unit kesihatan yang terdiri daripada doktor daripada pangkat JUSA

B ke bawah. Kemudian kita ada unit infrastruktur yang terdiri daripada jurutera daripada B juga sampai ke bawah. Unit ini agak besar. Sudah pasti kurikulum Yang Berhormat sebutkan itu akan dimasukkan dari semasa ke semasa di mana yang perlu.

Kedua yang saya hendak masukkan di sini bahawa kita juga masukkan tajuk Bina Insan di mana aspek keagamaan ini tidak dimasukkan di sini tetapi sekarang dimasukkan untuk membolehkan pegawai-pegawai kita bukan sahaja JPAM termasuk juga anggota penyelamat yang lain supaya menggerakkan Bina Insan, aspek-aspek keagamaan di tempat perpindahan banjir. Kita tengok banyak di tempat-tempat banjir ini, orang bila sudah ditimpa bencana ini dia berada dalam keadaan resah, letih dan sebagainya.

Ramai yang tidak menunaikan solat. Jadi yang ini kita masukkan sebagai salah satu daripada aspek di mana walaupun kita berpindah di mana pun, benda-benda utama kehidupan ini tidak boleh ditinggalkan. Jadi kita akan pastikan supaya anggota kita kalau sekiranya tidak ada orang, dalam bahasa pendeknya dia boleh jadi imam, jadi Yang Berhormat Kota Bharu pernah jadi imam. Akan tetapi di sini kalau sekiranya tidak ada orang semasa banjir, Yang Berhormat ataupun mana-mana pihak, saya sendiri pun boleh jadi imam, lebih kurang macam itu. Jadi kita akan masukkan apa sahaja perkara-perkara yang harus, yang boleh membantu mereka untuk menjadi penyelamat.

Pada masa sekarang ini apa Yang Berhormat sebutkan itu, banyak jabatan yang ada anggota untuk memujuk orang bunuh diri termasuk pihak polis, pihak kebajikan, pihak sekolah dan juga Kementerian Kesihatan. Jadi kalau berlaku perkara-perkara tersebut, kita ada pelbagai pendekatan yang akan kita buat untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi.

**4. Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah jumlahnya pekerja asing yang didaftar di negeri Sarawak sekarang mengikut sektor pekerjaan. Apakah anggaran kerajaan berkenaan jumlah pekerja asing tanpa permit yang berada di Sarawak.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Masir Anak Kujat]:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah pekerja asing yang memegang Pas Lawatan Kerja Sementara atau dengan singkat PLKS yang masih sah dan aktif di Sarawak sehingga 30 September 2015 adalah seramai 150,927 orang. Jumlah ini, mereka ini pekerja asing yang digaji secara sah dan dikeluarkan pas lawatan kerja sementara oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Pecahan pemegang PLKS bagi negeri Sarawak mengikut sektor seperti yang dikehendaki bagi tempoh sehingga 30 September 2015 adalah seperti berikut:

SEKTOR	BILANGAN (ORANG)
Perladangan	69,666
Perkilangan	33,751
Pembinaan	26,260
Perkhidmatan	10,621

Pertanian	6,644
Pembantu rumah	3,985
<b>Jumlah</b>	<b>150,927</b>

Mengenai statistik pendatang asing tanpa izin (PATI). Kementerian ini tidak mempunyai rekod yang khusus. Memandangkan sehingga kini rekod yang dimiliki oleh Jabatan Imigresen Malaysia adalah berdasarkan pas yang dikeluarkan kepada pekerja asing yang bekerja di negara ini iaitu Pas Lawatan Kerja Sementara.

Di negeri Sarawak, seramai 1,514 orang sehingga 25 Oktober ini. PATI yang telah ditangkap dan terdiri daripada 1,237 orang lelaki dan 156 orang perempuan dewasa serta 30 orang kanak-kanak. Sekian, terima kasih.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kita ada ramai pekerja asing yang bekerja di Sarawak secara buruh murah, *cheap labour*. Angka yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah lebih kurang 150 ribu. Pada masa yang sama, kita juga ada ramai anak-anak Sarawak, pemuda pemudi khususnya daripada kaum Dayak yang berhijrah ke Johor dan Selangor bekerja sebagai *cheap labour as well*, buruh murah juga.

Oleh itu, soalan saya adalah adakah kerajaan berhasrat supaya mengurangkan permit untuk mengimport pekerja asing khususnya dalam bidang perladangan dan perkilangan supaya pemilik-pemilik ladang dan kilang-kilang itu diberi paksaan atau sedikit tekanan supaya mereka mengupah anak-anak Sarawak dengan gaji yang lebih tinggi untuk mengelakkan penghijrahan anak-anak muda daripada Sarawak untuk bersusah-payah bekerja di Johor dan Selangor dan untuk mendapat rezeki yang begitu kurang, bukan dengan lumayan juga. Adakah kerajaan ada hasrat atau ada cadangan untuk mengurangkan permit pekerja asing khususnya dalam bidang perladangan dan perkilangan. Sekian, soalan saya.

**Tuan Masir Anak Kujat:** Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, penduduk Sarawak tidak berapa minat untuk kerja-kerja buruh dalam perladangan, perkilangan dan sebagainya. Jadi sudah pasti mereka akan berhijrah dan bekerja di Johor ataupun Selangor untuk menyara hidup. Mengenai cadangan untuk mengurangkan...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, bukan mereka tidak berminat bekerja dalam bidang perkilangan tetapi upah yang dibayar terlalu kurang. Mereka pergi ke Johor pun bekerja dalam perkilangan.

**Tuan Masir Anak Kujat:** Itu saya katakan mereka tidak minat, bagaimana hendak paksa mereka bertugas ataupun mencari kerja di perladangan yang ada di Sarawak. Sebenarnya kita boleh mengurangkan pas lawatan kerja ataupun permit kerja, ini terpulang kepada majikan yang memohon. Kalau tidak ada orang ambil kerja di situ, mereka akan iklankan kekosongan dan mereka akan mohon kepada Jabatan Imigresen untuk mengeluarkan pas.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

## ■1100

Kita tahu di negeri Sarawak memang ramai pendatang haram dan hanya diberi permit kerja RM1514 lebih kurang. Ramai lagi pendatang haram yang tanpa permit di Sarawak. Kita berterima kasih kepada Kerajaan Negeri Sarawak kerana Yang Amat Berhormat Ketua Menteri mengarahkan pihak imigresen untuk memantau kemasukan di sempadan-sempadan negeri Sarawak. Jadi yang saya hendak tanya di sini Yang Berhormat Menteri, bagaimanakah kementerian Yang Berhormat dapat benar-benar menjaga di sempadan-sempadan di seluruh negeri Sarawak untuk memantau kemasukan mereka ini supaya tidak ramai yang bekerja tanpa permit? Sekian terima kasih.

**Tuan Masir Kujat [Sri Aman]:** Terima kasih Yang Berhormat Sibuti. Sebenarnya pihak imigresen telah menjalankan kerja yang baik. Mereka mengadakan operasi setiap hari untuk mengawal, menjaga, menyelia PATI yang masuk ke negeri Sarawak. Seperti yang dikehendaki oleh Yang Berhormat Sibuti, untuk menjaga sempadan kita memang ada pegawai-pegawai di sana, terutama sekali penggunaan *auto gate* bagi kemasukan warga negara ke Malaysia.

Ini untuk menjamin keselamatan dokumen di samping melihat identiti warganegara melalui pengecaman cap jari biometrik supaya dapat memberi peluang kepada pegawai Imigresen untuk memberikan lebih perhatian kepada pengurusan pelawat asing yang berisiko tinggi di pintu-pintu masuk negara termasuk sempadan kita di Sarawak. Saya juga pasti kawalan dan pengurusan di pintu-pintu masuk negara terutama sekali di Sarawak meliputi pemeriksaan dokumen perjalanan latar belakang pengembara dan penyemakan identiti dengan bekalan data senarai sah Jabatan, sekian terima kasih.

5. **Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]** minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan apakah gambaran masa hadapan Sistem Pendidikan Tinggi Negara dari segi pelajar yang dihasilkan, pensyarah serta penyelidikan.

**Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Seri Haji Idris Jusoh]:** Tuan Yang di-Pertua, terdapat dua pertanyaan yang dibangkitkan pada hari ini berkaitan dengan sistem Pendidikan Tinggi Negara iaitu oleh Yang Berhormat Gerik dan juga pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan 2015-2025 Pendidikan Tinggi atau PPPMPT oleh Yang Berhormat Kepong. Saya mohon untuk menjawab kedua-dua pertanyaan itu secara serentak memandangkan isu yang dibangkitkan mempunyai hubung kait di antara satu dengan yang lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia PT Pendidikan Tinggi ataupun PPPMPT yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 7 April pada tahun ini merupakan satu dokumen strategik yang menggariskan hala tuju pendidikan tinggi negara bagi tempoh 10 tahun bermula tahun ini hingga tahun 2025. Matlamat PPPMPT ialah untuk melahirkan bakat yang didorong oleh nilai dan mentaliti kelas pertama ataupun dengan izin, *value driven talents with first class mentality* melalui 10 lonjakan.

Lonjakan pertama ialah untuk melahirkan graduan yang holistik berciri keusahawanan dan seimbang akan memberi tumpuan kepada usaha membangunkan kurikulum yang lebih



bersepadu berbanding sebelum ini di samping meningkatkan lagi konsisten untuk pembentukan pembelajaran pembangunan pelajar sejajar dengan falsafah pendidikan kebangsaan. Untuk mentaksir, menilai dan mengukur pelajar-pelajar yang saya katakan tadi yang lebih holistik, bersiri keusahawanan dan juga seimbang, kementerian telah membangunkan satu sistem yang kita panggil, sistem Purata Nilai Gred Kumulatif Bersepadu ataupun ICGPA, *Integrated CGPA* yang mana Malaysia menjadi negara pertama di dunia menggunakannya. *Integrated CGPA* tidak hanya mentaksir pengetahuan ataupun akademik semata-mata tetapi mentaksir *attribute* yang lain seperti kemahiran berkomunikasi kepimpinan, keusahawanan dan juga yang lain-lain.

Selain itu Program Akademik Sarjana Muda berbentuk 2+2 ataupun 3+1 turut dilaksanakan bagi memberi persediaan kepada bakal graduan untuk menempuh alam pekerjaan. Katakanlah dalam program akademik 2+2 dua tahun pelajar-pelajar akan di kampus dan dua tahun lagi pelajar akan belajar di luar kampus daripada segi praktikal. Untuk 3+1 tiga tahun di dalam kampus, setahun di luar kampus.

Untuk makluman Yang Berhormat Gerik, graduan pada masa hadapan bukan lagi menjadi pencari pekerjaan ataupun *job seeker* dengan izin, tetapi mereka akan berubah menjadi pencipta pekerjaan ataupun *job creator*. Dalam erti kata lain. Pada masa hadapan, graduan-graduan lepasan institusi pendidikan tinggi tidak hanya bergantung kepada pekerjaan di sektor kerajaan atau swasta semata-mata tetapi mereka berupaya mencipta pekerjaan untuk orang lain.

Pertanyaan Yang Berhormat Gerik juga berkaitan dengan profesion pensyarah tenaga pengajar, penyelidik dan pemimpin akademik seperti yang dinyatakan dalam lonjakan kedua iaitu kecemerlangan bakat. Melalui usaha ini langkah-langkah untuk menarik minat, membangun dan mengekal bakat berkualiti tinggi kumpulan ini dilaksanakan melalui pengiktirafan melalui kecemerlangan mereka di dalam pelbagai bidang yang diceburi. Program Fakulti Ketua Pegawai eksekutif ataupun CEO Faculty Programme merupakan satu langkah di mana ceo-ceo yang hebat-hebat daripada syarikat-syarikat yang hebat-hebat seperti Tan Sri Tony Fernandez AirAsia, Tan Sri Azman Mokhtar KHAZANAH, CEO dari Shell, Samsung, CIMB, Maybank, HUAWEI dan sebagainya dilantik sebagai *adjunct professor* di universiti dan mereka akan memberi syarahan bekerjasama dengan pensyarah membantu dan membentuk kurikulum dan akan lagi menghubungi rapat antara universiti dan juga industri.

Lonjakan kelapan iaitu permulaan global, kementerian berhasrat untuk membangunkan Malaysia sebagai *hub* pendidikan antarabangsa yang mempunyai ciri tersendiri. Untuk makluman Yang Berhormat Kepong, beberapa langkah telah pun terlaksana dalam menjadikan Malaysia sebagai *hub* pendidikan seperti meningkatkan lagi kualiti keseluruhan Program Akademik dan kepakaran agar dapat menarik pelajar antarabangsa yang cemerlang serta membangunkan bidang-bidang tujahan ataupun *niche area* yang akan memberi kelainan berbanding bidang sedia ada.

Sebagaimana kita lihat dalam bidang kejuruteraan ia menjadi ramai pilihan pelajar-pelajar asing USM,UM dan juga UTM adalah mempunyai fakulti bidang kejuruteraan antara yang 100 terbaik di dalam dunia. Di dalam bidang persekitaran, USM kedudukan ialah 31 terbaik di

dalam dunia. Dalam pengajian pembangunan UM kedudukan 32 dalam dunia, dalam bidang pertanian, UPM, kedudukan 45 terbaik termasuk di dalam dunia, dalam bidang kewangan Islam, UIA dan ECF kedudukan nombor 1 dalam dunia.

Tidak tepuk hari ini ya? Nombor satu tidak tepuk juga. [*Tepuk*] Dalam pada itu, kita juga menambahbaikkan pembelajaran atas talian di mana kita lihat pengajian MOOC Massive Open Online Courses untuk memastikan ia lebih berkesan kita menggunakan perkataan bukan MOOC tetapi BOOCs. "M" Massive diganti dengan "B" yang menggambarkan makna Blended untuk menjadikan ia lebih berkesan kerana blended memastikan lebih banyak interaksi dengan pensyarah dan juga rakan-rakan. Pada masa ini terdapat 113,000 pelajar antarabangsa yang sedang mengikuti pengajian di IPT Malaysia di mana 30,000 daripadanya merupakan pelajar Program Sarjana dan juga PhD.

#### ■1110

Ini bermakna 1/4 daripada pelajar-pelajar luar negara datang ke Malaysia untuk belajar dalam bidang sarjana dan PhD mengatakan ini pengiktirafan kepada kualiti pendidikan dalam negara kita.

Kementerian berharap dengan usaha yang berterusan, Malaysia akan mampu menarik lebih ramai pelajar antarabangsa bagi mencapai inspirasi 250,000 orang pelajar antarabangsa menjelang tahun 2025 nanti. Seterusnya, merealisasikan hasrat menjadi *hub* pendidikan pilihan bagi pelajar antarabangsa. Sekian.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang dilantik menjadi Menteri Pengajian Tinggi. Dalam jawapan tadi pun saya ucapkan jutaan terima kasih. Ada banyak perkara baru yang kita tidak mengetahui. Satunya ialah ICGPA yang mana Malaysia merupakan negara pertama di dunia melaksanakannya. Ini merupakan satu perkara yang baru yang akan dilaksanakan oleh kementerian.

Saya berharap supaya Yang Berhormat Menteri dapat menjelaskan lebih lanjut ICGPA supaya ibu bapa juga tahu untuk memastikan anak-anak mereka belajar di universiti. Soalan saya, bagaimanakah kaedah pelaksanaan ICGPA ini? Adakah ia akan dilaksanakan oleh semua institusi pendidikan tinggi? Apakah skala dan bagaimana ia mengukur kemahiran yang ada pada pelajar-pelajar? Minta Menteri menjawab.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya sebagaimana yang telah kita katakan di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, Pendidikan Tinggi bahawa kita ingin melihat pelajar-pelajar yang lebih berciri holistik, berciri keusahawanan dan juga seimbang.

Oleh itu cara pengukurannya juga perlu seimbang. Oleh sebab itu kita menggunakan kaedah *spider web*, di mana ada 8 domain yang diambil kira. Kalau lihat di sini saya hendak bentangkan *spider web* macam *spider web* biasa ini, digunakan kaedah *spider web*, di mana bukan hanya mengukur kaedah pembangunan akademik semata-mata tetapi juga mengukur ciri-ciri keusahawanan pelajar tersebut.

Ciri-ciri kepimpinannya, kemahiran komunikasi pelajar tersebut, tanggungjawab sosial, kemahiran praktikal, kemahiran menyelesaikan masalah dan juga kemahiran mengurus maklumat. Jadi, dengan menggunakan 8 domain yang ada ini, pelajar-pelajar akan diberi pemarkahan mereka. Kalau di sini pelajar ini pengetahuan akademiknya tinggi 3.75 tetapi kalau kita lihat dari segi keusahawanannya rendah 2.29. Ia akan dicantumkan dalam satu *spider web*, di mana mereka akan dinilai mengikut kemampuan mereka dalam 8 domain yang tersebut itu.

Untuk pelaksanaannya, lima buah universiti telah dikenal pasti iaitu UKM, UiTM, UMT, UMK, UMP kerana belum merangkumi lima bentuk universiti sama ada universiti penyelidik, universiti biasa, universiti M2 dan sebagainya dan telah bermula pada September yang lalu di semester pertama. Di mana 420 orang pelajar terlibat di dalam pelaksanaan di peringkat pertama.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar dalam gambar masa depan ini dengan pengurangan peruntukan untuk pendidikan tinggi ini bagai belacan dikerat dua? Bolehkan Yang Berhormat terangkan bagaimana kita dapat alternatif untuk membina sarang labah-labah yang disebutkan tadi?

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Yang Berhormat Kepong, itu sebenarnya masa depan. Oleh kerana pergantungan universiti kita kepada kerajaan terlalu tinggi. Ada di antaranya 95%, yang kurang ialah universiti penyelidik 80% lebih pergantungan terhadap kerajaan. Kalau kita lihat universiti di dunia, contoh jiran kita Thammasat Universiti, Yang Berhormat. Pergantungan Thammasat Universiti di Thailand hanya 30% kepada kerajaan.

Memang termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia PT, jika Yang Berhormat baca betul-betul ialah memastikan agar kebergantungan universiti kepada kerajaan itu berkurangan kerana kalau ia terlalu bergantung kepada kerajaan, ia tidak *sustainable*.

Oleh sebab itulah perancangan bajet yang dikatakan baru-baru ini selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia agar kebergantungan. Akan tetapi banyak lagi perkara yang akan saya ulas dalam jawapan bajet nanti kerana kita lihat universiti banyak aset-aset yang boleh digunakan. Konsultasi yang boleh ditingkatkan kepada pihak-pihak swasta. Universiti diminta untuk menggunakan kepakaran mereka untuk meningkatkan lagi pendapatan mereka untuk membiayai kos-kos universiti.

**6. Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sejauh mana kebenaran ibu bapa muda yang menolak pemberian vaksin kepada anak mereka sejak bayi (Imunisasi Bayi); dan
- (b) adakah benar wujud Gerakan Antivaksin dan apakah hujah-hujah mereka.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat. Soalan ini berkenaan dengan imunisasi bayi dan juga Gerakan Antivaksin di kalangan masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, pemantauan di fasilitet kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia mendapati terdapat segelintir ibu bapa yang menolak vaksinasi untuk anak-anak mereka. Data dari klinik kesihatan menunjukkan bilangan kes-kes yang menolak vaksin di kalangan ibu bapa meningkat dari 470 kes pada tahun 2013 kepada 1,292 kes pada tahun 2014 dan tahun ini sehingga bulan Mei sudah meningkat kepada 1,054 kes.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, data ini adalah hanya sebahagian daripada data yang dikumpul dari klinik-klinik kesihatan sahaja. Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan pemantauan melalui sosial media didapati wujudnya fenomena Gerakan Antivaksin yang secara terang-terang menolak vaksinasi. Antara hujah mereka ialah:

- (i) Status halal sesuatu vaksin bagi yang beragama Islam,
- (ii) Amalan perubatan homeopati dan tradisional yang dipercayai lebih selamat dan berkesan,
- (iii) Vaksin mengandungi bahan-bahan berbahaya, boleh mengancam kesihatan dan nyawa,
- (iv) Risau kesan sampingan anti vaksin,
- (v) Tiada lagi berlakunya penyakit berjangkit yang boleh dicegah melalui vaksinasi,
- (vi) Program vaksinasi yang dijalankan oleh kerajaan bertujuan untuk melemahkan umat Islam.

Ini antara sebab-sebab mereka menolak vaksin. Vaksin mengandungi bahan-bahan haram dan membahayakan yang boleh mengancam kesihatan dan nyawa manusia dan juga pengaruh media sosial keburukan vaksin.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Pelan Kejadian Penyakit Pencegahan Vaksin di Malaysia, terdapat peningkatan kes dalam tempoh tiga tahun hingga lima tahun kebelakangan ini. Bilangan kes *measles* contohnya, meningkat dari 235 kes pada tahun 2014 kepada 536 kes pada September tahun ini. Penyakit *pertussis* atau penyakit batuk kokol atau juga pernah juga disebut sebagai batuk anjing pula bertambah dari 457 kes pada tahun 2014 kepada 655 kes sehingga sekarang pada tahun ini. Bilangan kes *tetanus* ataupun penyakit kancing gigi juga meningkat hampir dua kali ganda dari 12 kes pada tahun 2014 kepada 22 kes pada September 2015.

Namun begitu Tuan Yang di-Pertua, trend peningkatan ini bukanlah hanya disebabkan oleh faktor Gerakan Antivaksin. Banyak faktor yang saling berkait menyebabkan situasi ini berlaku seperti kurang kefahaman kaedah mencegah penularan penyakit di kalangan masyarakat, kelewatan mendapatkan rawatan, kelemahan dalam aspek pengurusan kes dan konteks serta peningkatan kedatangan warga asing yang tidak diketahui status vaksinasi mereka, Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya faham Kementerian Kesihatan menyediakan kemudahan 10 jenis imunisasi secara percuma untuk melindungi anak-anak daripada jangkitan penyakit.

Soalan tambahan saya, mungkin kah mereka menolak imunisasi ini kerana kesan sampingan tadi yang menteri sebut? Mereka juga mungkin faham sekiranya anak-anak diberi susu ibu selama dua tahun sebagaimana yang disebut dalam al-Quran, Surah Luqman ayat 14, juga digalakkan oleh kementerian.

■1120

Maka anak-anak ini mungkin sudah cukup membentuk antibodi bagi melawan penyakit dan saya juga puas hatilah mendengar kesan atau risiko penyakit kepada anak-anak sekiranya mereka menolak vaksin ini iaitu dari segi penyakit misalnya kancing gigi dan sebagai. Akan tetapi bagaimana hendak mengajak mereka ataupun mengatasi masalah yang mereka hadapi sekarang. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebut tadi memang ada kesan ya. Kita lihat tadi saya sudah bagi perangkaan peningkatan kes-kes yang boleh dicegah kalau kita bagi *vaccination*. Memang kerajaan sediakan *immunization* kepada 13 sekarang ini kes penyakit-penyakit yang boleh kita mencegah melalui *vaccination* daripada masa lahir sehingga berumur 15 tahun, Tuan Yang di-Pertua. Banyaklah.

Kita lihat perangkaan, ini yang perangkaan saya tidak tahu hendak perangkaan yang ada, Tuan Yang di-Pertua contohnya *measles*. *Measles* adalah penyakit yang campak kecil ini ada tiga kategori yang kita lihat. Kita ambil semua sekali, satu pertiga adalah mereka yang kena tetapi belum sempat mendapat *immunization* sudah kena penyakit *measles*.

Kedua, kumpulan yang *wanted* ataupun satu pertiga daripada mereka yang dapat *measles* ini adalah kerana dapat vaksin tetapi kena juga *measles* tetapi tidak serius. Tidak begitu serius, tidak teruk sangat tetapi ada satu pertiga lagi yang langsung tidak ambil vaksin ini kena penyakit *measles*.

Maknanya, kalau campur yang tadi yang belum dapat dengan yang tidak mahu memang sengaja tidak mahu ambil di mana dua pertiga daripada kes *measles* ini adalah akibat daripada tidak ambil vaksin, tidak ambil *vaccination measles*, Tuan Yang di-Pertua. Makna memang kesannya ada dan kita lihat pergerakan ini yang paling ramai di Kedah bukan di Selangor, di Kedah yang paling ramai yang menolak vaksin atas sebab tadilah.

Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua memang pihak kementerian memang kita berkempen sentiasa berkempen sama ada secara individu ataupun secara berkumpulan bercerita tentang kelebihan *pre-immunization* dan tidak betul kalau dikatakan vaksin ini ada khinzir, tidak betul sebab kita *check* semua sekali vaksin yang kita bagi oleh kementerian ini memang tidak ada langsung DNA khinzir, tidak ada.

Jadi jangan kita waswas cuma yang ada *Rotavirus*. *Rotavirus* yang kita guna untuk AGE, penyakit cirit-birit ini yang itu memang ada yang itu memang kita tidak galakkan, kita tidak bagi oleh KK, klinik kesihatan memang tidak bagi, yang bagi yang tidak ada langsung DNA khinzir ini, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi jangan bimbang bab Islam tidak Islam ini jangan bimbang. Kita pun fahamlah, saya pun Yang Berhormat Timbalan Menteri beragama Islam juga, saya tahu yang ini tidak boleh bagi.

Jadi tidak timbul masalah hendak melemahkan masyarakat Islam dengan cara vaksin ini dan ini mungkin mereka ini terbaca buku *Jade Gray* ini seorang Amerika yang muafak. Dia ini bekas tentera, dia tulis tentang ini. Jadi, ini semua tidak betul, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu telah sedia maklum kebanyakan imunisasi ini kebanyakan menimbulkan kesan sampingan yang ringan kepada kanak-kanak tetapi ia tidaklah memberikan kesan yang kuat cuma saya hendak minta pandangan daripada pihak kementerian sendiri apakah peranan pegawai penerangan kesihatan dalam memberikan kefahaman kepada isu berkepentingan penerimaan vaksin ini bagi mengelakkan penyakit-penyakit berjangkit seperti yang kita tahu, Tibi, Hepatitis B, Rubella dan lain-lain. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah ini kerja kita, ia *prevention* mencegah kita menyampaikan maklumat, mesej kepada rakyat kita tentang masalah penyakit-penyakit yang boleh dicegah. Penyakit yang tidak berjangkit, penyakit yang berjangkit.

Memang kita sudah sebut tadi secara individu ataupun berkelompok dan *insya-Allah* mulai pada tahun hadapan kita akan pergi kepada lebih agresif pergi ke televisyen dan sebagainya. Peruntukan pun kita sudah sediakan untuk kita buat hebahan melalui televisyen Tuan Yang di-Pertua supaya rakyat kita faham dan *aware*, dengan izin tentang penyakit-penyakit yang mereka boleh elakkan, Tuan Yang di-Pertua.

7. **Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah hasil pencapaian program Parlimen Belia Malaysia yang telah dilancarkan dan bagaimanakah program ini dapat memberi impak kepada peningkatan kualiti hidup belia setanding dengan peringkat antarabangsa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, oleh kerana Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan ada urusan bersama dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya jemput Yang Berhormat Menteri Jabatan Perdana Menteri dari Arau untuk menjawab soalan. Sila.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]:** Orang muda. Tuan Yang di-Pertua yang dikasihi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Program Parlimen Belia Malaysia telah menarik penglibatan golongan belia dalam menganalisis isu-isu semasa selaras dengan trend kehendak dan juga keperluan belia masa kini. Melalui ketiga-tiga sidang yang telah berlangsung, peserta Program Parlimen Belia Malaysia semakin bijak memilih usul untuk dibawa, semakin petah dalam berbahas dan semakin serius dalam memastikan kejayaan usul-usul yang dibawa.

Beberapa usul yang melibatkan isu-isu masa kini telah dibahaskan dan diluluskan dalam Persidangan Parlimen Belia Malaysia dan semua usul-usul ini telah dibawa ke peringkat Mesyuarat Jemaah Menteri. Antara usul-usul yang mendapat sambutan hangat belia melalui saluran media sosial adalah mengawal selia penyediaan, penjualan dan penghasilan rokok elektronik, *vape*. *Vape* ini macam jerebu. Jerebu mulut.

Menambah baik sistem pengurusan kewangan dan juga dana politik, rundingan Trans-Pacific Partnership Agreement (TPPA) dan penubuhan Dewan Belia ASEAN, *ASEAN Youth Hall*. Program ini juga memberi impak kepada peningkatan kualiti belia khususnya dalam memahami sistem pentadbiran negara dengan memberi pendedahan bagaimana sesuatu dasar dibuat dan bagaimana undang-undang digubal. Sekian, terima kasih.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzi [Kulim-Bandar Baharu]:** Boleh tanya soalan kepada Menteri Belia baru ini. *[Ketawa]*. Terima kasih, Menteri Pak Sanggup. *[Ketawa]* Apa pun saya ucapkan terima kasih atas jawapan cuma soalan saya ini ialah semua usul-usul itu selepas dibincangkan, dibahaskan apa jadi dengan usul-usul itu. Adakah kerajaan ada ambil tindakan terhadap usul-usul yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, pak sanggup itu maknanya macam - maaflah ya, kepada orang buta orang sebutlah. Lebih kurang macam itulah. Itu tidak betul itu gunakan kepada saya. *[Ketawa]* Saya tidak mungkin jadi tidak akan jadi buta kalau dapat dekat saya, saya ambil dekat saya, tidak bagi dekat oranglah. Jadi Yang Berhormat kena tarik balik perkataan 'Pak Sanggup'. *[Dewan riuh]* Saya faham.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, semua sekali keputusan perbincangan kerajaan mengambil perhatian yang serius. Kita bila tubuhkan Parlimen Belia mereka serius, kita pun serius. Jadi perkara yang dibawa untuk dibincangkan di peringkat Kabinet dan sekiranya apa-apa keputusan yang telah dibuat akan disalurkan kepada kementerian-kementerian untuk tindakan selanjutnya.

Contohnya macam rokok elektronik, *vape*. Jadi *vape* ini kita tidak tahu hendak guna bahasanya tetapi yang saya nampak bila orang hisap rokok ini, mula menyedut benda itu dia akan mengeluarkan asap luar biasa. Jadi saya hanya tahu memanggil mereka ini pasukan jerebu lah sebab mereka mengeluarkan asap luar biasa. Mungkin Yang Berhormat boleh cuba. Jadi yang ini telah diambil kira tindakan kemudian berhubung dengan pengurusan kewangan dan dana politik, ini juga dibincangkan dan masih lagi di peringkat perbincangan.

Berhubung dengan TPPA, Yang Berhormat sedia maklum, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah maklumkan ianya akan dibawa untuk dibincang di Parlimen dan Parlimen akan buat keputusan. Kalau Parlimen bersetuju akan berlaku dan kalau tidak bersetuju maka sudah pasti tidak berlaku.

#### ■1130

Berhubung dengan Dewan Belia ASEAN. Sekarang ini untuk politik ini kita ada pertubuhan Parti-parti Politik Asia yang dipanggil ICAPP. ICAPP ini terdiri daripada semua parti politik. Contohnya macam di Malaysia, semua parti politik boleh menganggotai ICAPP, Barisan Nasional, PAS, DAP, PKR dan juga komponen parti Barisan Nasional iaitu MCA, MIC dan juga PBS dan PBB. Semua ini mereka boleh menganggotai ICAPP dan ICAPP ini dia ada pula sayap-sayapnya. Dia ada sayap *youth*, kemudian dia ada sayap *emergency* dan dia juga ada sayap media sosial.

Untuk *youth* ini, oleh kerana kita belum lagi dapat pengganti, maka yang presiden sekarang ini masih memegang jawatan presiden. Mungkin akan diserahkan dalam mesyuarat di Kuala Lumpur pada tahun hadapan. Kepada mana-mana mereka yang berminat untuk menyertai *ASEAN Youth* ataupun *ICAPP ASEAN Youth*. Jadi, mereka boleh menyertai dan jadi presiden baru. Presiden sekarang ialah Ahli Parlimen Arau.

Kemudian, berhubung dengan *emergency*, unit *emergency* dalam *ICAPP* juga dilantik Malaysia menjadi presiden dan media sosial juga Malaysia jadi presiden dan presiden pula orang yang sama iaitu presiden untuk ketiga-tiga sayap oleh kerana kertas kerja ini dibawa oleh Malaysia. Jadi ini sampai masanya kita akan bagi tawaran kepada sahabat saya Yang Berhormat Menteri untuk mengambil *ASEAN Youth Hall* ini. Sekarang ini banyak negara berminat, banyak juga parti politik berminat.

Macam bila kita hendak pilih mana-mana pihak, semua parti kena bersetuju. Sekarang ini kalau saya dalam *Standing Committee* Asia, masa saya hadir itu, yang hadir ialah PBB dan juga PAS. PBB dan PAS bersetuju saya untuk bertanding, jadi saya pun bertanding dan saya menang. Sekarang ini menang sampai sekarang dan sekali menang dalam *ICAPP* ini, susah hendak keluar sebab ia berdasarkan negara. Jadi negara itu melihat siapa yang paling aktif, kita terus memegangnya.

Jadi, hampir semua hampir dibincangkan di peringkat belia ini diambil tindakan yang serius oleh pihak kerajaan. Cuma saya hendak beritahu Tuan Yang di-Pertua, mereka ini, bila mereka berbincang, cukup hebat. Saya memikirkan seolah-olah mereka sudah Ahli Parlimen. Terima kasih.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]***

### USUL

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

11.33 pg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Selasa, 27 Oktober 2015.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*



**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Saya ingin membawa perhatian Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Mesyuarat kepada Kertas Perintah oleh Dewan Rakyat muka surat 2 berhubung dengan ayat [*Merujuk Kertas Perintah*] “Bahawa Yang Berhormat Dato’ Hasan bin Arifin, Ahli Parlimen Rompin dipilih menggantikan Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, Ahli Parlimen Pulau sebagai Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara bagi Parlimen Ketiga Belas”. Saya berpendapat ada ketinggalan perkataan ‘Pengerusi’ Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Oleh yang demikian, saya pohon supaya ia dibuat pindaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya terima kasih Yang Berhormat Lumut. Sila ambil perhatian ya.

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2016**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua**

##### **DAN**

##### **USUL**

##### **ANGGARAN PEMBANGUNAN 2016**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2016 ini dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis”.

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari lima puluh dua bilion ringgit (RM52,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2016, dan bagi tujuan dan butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2016, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 42 Tahun 2015, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersestentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.” **[23 Oktober 2015]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa rang undang-undang bernama satu akta bagi menggunakan sejumlah wang untuk Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2016 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan masalah bahawa usul di atas nama Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada

Jawatankuasa sebuah-buah Majlis sekarang. Kedua-dua masalah tersebut terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menjemput Yang Berhormat Permatang Pauh, Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk pemakluman semua, sebanyak enam hari daripada 26 Oktober 2015 hingga 3 November 2015 diperuntukkan bagi perbahasan di peringkat dasar Rang Undang-undang Perbekalan 2016 dan sebanyak tiga hari bermula 4 November 2015 hingga 6 November 2015 diperuntukkan bagi giliran Menteri-menteri menjawab.

Bagi tujuan melicinkan perjalanan perbahasan ini, saya mencadangkan lebih kurang 90 minit masa berbahas diberikan kepada Ketua Pembangkang, kemudian saya akan menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional, 90 minit untuk berbahas. Setelah itu, sebanyak 30 minit akan diberikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Jadi, saya menjemput Yang Berhormat Permatang Pauh. Sila.

**11.37 pg.**

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. [Membaca sepotong doa] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW, pembawa rahmat ke seluruh alam serta teladan untuk disanjung. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan saya ruang selaku Ketua Pembangkang untuk mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2016 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan merangkap Ahli Parlimen Pekan pada 23 Oktober yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua serta Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya memulakan mukadimah ucapan ini dengan memberi peringatan berlandaskan ayat al-Quran dalam Surah an-Nisa ayat 29.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Yang Amat Berhormat Pekan telah juga memetik menyebut surah yang sama iaitu pada ayat 58 berkenaan dengan menjadi pemimpin dan pemerintah yang beramanah bagi menjaga hak-hak dan menghukum dengan saksama terhadap keperluan rakyat. Tuan Yang di-Pertua, agama Islam adalah agama yang menyarankan nasihat menasihati. Oleh yang demikian, selain Surah an-Nisa ayat 58 yang disentuh oleh Yang Amat Berhormat Pekan, saya ingin mengingatkan tentang Surah an-Nisa juga ayat 29, ayat sebelumnya. *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* yang bermaksud *“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan harta-harta kamu sesama kamu dengan cara, dengan jalan yang batil”*.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan harta berkait rapat dengan ekonomi dan juga bajet sebuah negara. Ini adalah satu amanah. Ini adalah hak rakyat yang mesti dipelihara dan dipertahankan secara adil. Kita tidak mahu berlaku situasi, *‘Harapkan pegar, pegar makan padi’* iaitu kepimpinan negara yang terus mengakar tanpa kebertanggungjawaban dalam pengurusan

ekonomi negara. Menjaga harta negara milik rakyat adalah satu amanah besar. Maka, dengan tiada laporan Ketua Audit Negara yang lazimnya dibentangkan sebelum pembentangan belanjawan, membuat tugas memeriksa dan mengenal pasti kelemahan dan pembaziran perbelanjaan menyukarkan semua wakil rakyat.

Adakah YAB Pekan akan mengamalkan petikan an-Nisa ayat 58 untuk menjadi pemimpin beramanah yang beliau sendiri lafaz untuk memastikan laporan tahun ini dibentangkan segera dan amalan membentangkan Laporan Ketua Audit sebelum belanjawan tahun depan akan dijamin?

Yang Amat Berhormat Pekan dalam ucapan Bajet 2016 menyebut tentang, '*Api dalam sekam*' dan '*Gunting dalam lipatan*'. Mungkinkah ini luahan hati, kiasan seorang yang merasa terancam oleh sesuatu yang tidak dapat diungkapkan secara terus kepada orang yang ditujukan.

■1140

*Tiada api dalam sekam,  
Tiada gunting dalam lipatan,  
Kerana onar diri terancam,  
Habis terpalit seluruh barisan.*

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2016 telah dibentangkan oleh Menteri Kewangan merangkap Perdana Menteri yang juga pengerusi dan penasihat 1MDB. Beliau juga penerima sumbangan derma maha besar sebanyak RM2.6 bilion yang telah diakui digunakan dalam pilihan raya umum yang lalu. Bajet ini boleh diringkaskan dengan pelbagai kiasan dan perumpamaan:

- (i) setelah memulakan Bajet 2016 dengan memberikan senarai pendek enam pencapaian kerajaan, ia adalah pencapaian indah khabar dari rupa.  
*[Tepuk];*
- (ii) setelah menguraikan tujuh langkah penambahbaikan layanan GST dan menggariskan lima tunjang keutamaan Bajet 2016 dengan 23 langkah-langkah termasuk pemberian ala kadar kepada penjawat awam, imbuhan untuk rakyat Sabah dan Sarawak dan serpihan kecil hasil GST dikembalikan kepada rakyat. Adalah jelas Bajet 2016 adalah belanjawan antara dua darjat, Tuan Yang di-Pertua. Antara dua darjat. Habuan berbeza untuk rakyat mengikut darjat serta kerabat; dan
- (iii) setelah mengumumkan ini adalah dokumen yang kesebelas berkaitan ekonomi negara yang dibentangkan oleh YAB Pekan, saya menegaskan bahawa belanjawan ini adalah sekadar, "*melepaskan 'batuk' di tangga*"  
*[Batuk]* dan semata-mata untuk menyelamatkan diri sendiri.

**Beberapa Ahli:** *[Batuk]*

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Tuan Yang di-Pertua, enam pencapaian...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *Sore throat* yang belakang itu? Sakit tekakakah?

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** *Be original*lah. Saya batuk dahulu. [Ketawa] Pencapaian “*indah khabar dari rupa*” menjadi sajian pembukaan ucapan Bajet 2016 yang diuar-uarkan sebagai petanda kejayaan Kerajaan Barisan Nasional. Ini adalah satu iklan perdana untuk meyakinkan rakyat bahawa ini bukan bajet kitar semula seperti yang pernah disebutkan oleh mantan Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim bertahun-tahun lalu ketika berucap membahaskan bajet-bajet dari 2008 hingga 2014 dalam Dewan yang mulia ini. Beliau sering kali menyebutkan bahawa bajet-bajet yang dibentangkan adalah, saya *quote*, “*Sekadar usaha penjenamaan (branding) semula dalam kitar semula.*” YAB Perdana Menteri kitar semula semua program yang telah gagal. Janji yang tidak terlaksana tetapi diberi nama baru dengan pelbagai program penjenamaan semula.

Iklan pencapaian oleh YAB Perdana Menteri ini “*indah khabar dari rupa*” kerana ia adalah pencapaian di bawah paras potensi ekonomi negara. Ini ibarat menghebahkan pencapaian seorang jaguh kampung dalam pertandingan bola sepak antarabangsa untuk kelayakan piala dunia. Berjuta-juta wang ringgit dibelanjakan tetapi pencapaian yang terakhir hanya sekadar memperoleh kekalahan sepuluh berbalas kosong dengan *United Arab Emirates*. Sekali gus mencalarkan prestasi negara. Namun sehingga kini, masih tiada lagi jawapan dari Yang berhormat Menteri Belia dan Sukan. Hari ini tidak dapat datang kerana perjumpaan dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri nampak gayanya. Malah kementerian beliau bakal menerima lagi peruntukan sebanyak RM932 juta. Janganlah untuk kita diaibkan untuk kekalahan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, pencapaian pertama, kadar pertumbuhan KDNK untuk tahun 2015 adalah antara julat 4.5% hingga 5.5%, dikira daripada enam bulan pertama tahun ini. Untuk tahun 2016, pula, anggaran menyusut kepada 4% hingga 5%. Nyata sekali ini berkurangan daripada janji 6% purata tahunan yang diperlukan untuk merealisasikan Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi. Malah bila dilancarkan Dasar Transformasi Nasional (DTN) dan ETP, pencapaian 6% ini gagal dicapai sepanjang lima daripada enam tahun sejak 2010.

Agak aneh lagi pelik seperti nasib pasukan bola sepak tadi, berjuta-juta ringgit dibelanjakan untuk mendapatkan pakar-pakar dari dalam dan luar negeri yang sekali gus meminggirkan pegawai-pegawai kerajaan yang sama atau mungkin lebih kepakaran mereka. Kegagalan kerajaan untuk tidak menjangka dan merancang pelbagai risiko ekonomi, senario ekonomi dunia dalam merangka ETP agar pencapaian pertumbuhan 6% KDNK setahun selama sepuluh tahun untuk menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 tidak terjamin. Ini sudah lebih sepuluh kosong nampaknya. Ini pasal bola tadi. Ini juga mungkin satu lagi iklan palsu ETP. Kalaulah ini bas sekolah yang asyik sesat jalan, kita harus tukar pemandunya, semua.

Pencapaian kedua, mengurangkan defisit fiskal dari 6.7% pada tahun 2009 kepada 3.2% tahun ini. Apa yang tidak diperjelaskan adalah bahawa defisit fiskal ini sudah wujud 18 tahun lamanya. Begitu panjang sekali. Ibarat menunggu kucing bertanduk, menunggu janji tahun demi tahun. Bilakah fiskal defisit ini menurun? Belanjawan akan berimbang? Atau bilakah akan

terdapatnya lebih bajet atau surplus bajet untuk Malaysia yang tercinta ini? Walau bukan sahaja defisit berterusan tetapi hutang, Tuan Yang di-Pertua.

Hutang menanggung defisit terus membengkak sehingga melebihi RM650 bilion atau 54% KDNK dan bila ia dimasukkan jaminan hutang kerajaan yang lain atau *contingent liability* dengan izin, ia telah melonjak kepada lebih RM800 bilion atau hampir 70% KDNK. Kenapa ini berlarutan? Kuasa apa dapat membuat keuntungan? Kenapa 30 juta rakyat Malaysia pula yang perlu menanggung beban hutang menggunung ini sehinggakan pada kadar purata RM25,000 setiap orang? Kenapa Barisan Nasional mendera rakyat?

Pencapaian ketiga, mujahadah pembasmian kemiskinan. Daripada perkataan jihad. Melalui Dasar Transformasi Nasional (DTN), salah satu dari senarai panjang akronim yang mewarnai minat Yang Amat Berhormat Pekan. Berabjad dengan kadar kemiskinan 2009 iaitu 3.8 menurun kepada '20.6' pada 2014.

Tuan Yang di-Pertua, kita bersyukur kerana kadar kemiskinan mutlak telah jatuh tetapi kadar kemiskinan relatif dan kesenjangan pendapatan serta kekayaan seperti yang dinilai pekali *Gini coefficient*, pekali *Gini* pendapatan – 0.401, *Gini* kekayaan – 0.5018 dan *Gini* aset kewangan – 0.901, masih tegar. *Gini* 1.0 bermakna kesenjangan tegar, *Gini zero* bermakna tiada jurang kesenjangan. Maksudnya orang yang kaya, bertambah kaya dan yang miskin papa kedana.

Tuan Yang di-Pertua, kita bersyukur kerana kadar kemiskinan mutlak telah jatuh dan satu lagi fakta yang harus diperjelaskan kerajaan adalah kenapa Orang Asli tidak dimasukkan di dalam statistik pengukur kadar kemiskinan. Seperti yang dilaporkan dalam Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIS/BA) 2014 tidak dimasukkan Orang Asli. Bukankah Orang Asli itu rakyat Malaysia? Mungkinkah ini satu faktor mengapa usaha mencari dan menyelamatkan tujuh anak Orang Asli sekecil tujuh tahun daripada Pos Tohoi, Gua Musang juga kurang berjaya?

#### ■1150

Suatu siasatan rapi oleh Kementerian Dalam Negeri yang diberikan peruntukan lebih RM13 bilion mesti dilaksanakan segera dengan hasil siasatan yang diumumkan untuk dijadikan pengajaran agar pengorbanan anak-anak kecil ini menjadi teladan kita semua. Janganlah Kementerian Dalam Negeri hanya hendak meneliti apa pembangkang buat sahaja. [Disampuk] Kalau mujahadah atau jihad kemiskinan digunakan sebagai penanda aras, kita juga mesti diberitahu mengenai pencapaian kekayaan golongan teratas atau muhasabah kekayaan individu-individu elit untuk melihat gambaran sepenuhnya jihad BN ini.

Tuan Yang di-Pertua, laporan *The Economist* bertarikh 18 April 2015 menyatakan, 15 buah keluarga menguasai aset yang bernilai 76% KDNK Malaysia.

**Beberapa Ahli:** Wah!

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Mereka adalah ahli kelab maha kaya dan bila dibandingkan dengan 3.185 juta ahli keluarga kelab BR1M maka bukankah ini perlu diperjelaskan bagaimana 15 keluarga ini amat bertuah dan rakyat lain hanya mendapat kuah. Mungkin mereka yang maha kaya boleh mengongsi rahsia kejayaan mereka

sebagai mentor kepada B40 ini. Mobiliti sosial anak-anak B40 untuk meningkat maju ke golongan M40, apatah lagi ke T20 semakin sukar. Adakah ini realiti janji BN sebenar untuk masa depan? Negara kaya tetapi anak muda kita miskin.

Pencapaian keempat, kadar pengangguran 2.9% pada tahun 2014. Dengan 1.8 juta peluang pekerjaan juga perlu penjelasan menggunakan pelbagai kayu ukur untuk memberikan gambaran menyeluruh yang sebenar mengenai kehidupan tenaga kerja negara. Adakah dasar-dasar kerajaan menyejahterakan atau menderitakan kehidupan mereka serta keluarga mereka? Golongan pekerja kebanyakannya menghadapi kadar pertumbuhan gaji yang hampir mendatar sebanyak purata 5% setahun berbanding keadaan inflasi, *rate inflation* dengan izin 3% setahun. Maknanya kadar kenaikan gaji hanyalah 2% setahun. Malah peratusan gaji pekerja hanya 34% KDNK berbanding 43% KDNK Korea Selatan dan 41% KDNK Singapura.

Laporan Jabatan Statistik 2014 menunjukkan bahawa purata medium gaji adalah RM1,575 sebulan. Fenomena graduan menganggur 161,000 orang pada Mei 2015 bersamaan 35% daripada jumlah penganggur keseluruhan anak muda menganggur sekarang dan bekerja di bawah paras kelulusan, *underemployment* juga adalah penanda pencapaian songsang. Masalah graduan-graduan bumiputera yang sukar mencari pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan yang dipertikai bakal-bakal majikan kerana tidak menepati permintaan pasaran tenaga kerja seperti kekurangan kemahiran komunikasi.

Dalam laporan *World Bank*, walaupun berbilion ringgit dibelanjakan, malangnya penilaian prestasi kualiti pendidikan Malaysia seperti yang dilaporkan dalam kajian PISA meletakkan tahap pelajar-pelajar kita yang berumur 15 tahun ataupun Tingkatan 3, setaraf dengan pelajar Darjah 5 Singapura dan Darjah 6 daripada Vietnam.

Mungkinkah ini sebab peruntukan untuk pengajian tinggi dikurangkan? Ranking universiti kita pula yang terbaik adalah pada anak tangga 151 untuk Universiti Malaya manakala UKM pada anak tangga 259 berdasarkan *QS World University Rankings 2015*. Malah laporan *Bank Dunia 2013* dengan izin, "*Malaysia Economic Monitor: High performing education and nations human capital which is largely built by its education system is a fundamental driver of economic growth. The quality of cognitive skills of Malaysian student's as measured by standardized international test is not empower with the country aspirations to become a high income economy*".

Hutang isi rumah yang menjangkau 88% KDNK termasuk kemudahan pemotongan gaji 60% untuk pembayaran hutang yang tinggi kadar faedahnya untuk penjawat awam hanya menghidupkan suasana, "*Kais pagi, makan pagi, kais petang makan petang*". Serta "*Sudah jatuh ditimpa tangga*" dengan gaji yang kecil dengan hutang yang tinggi kerana kenaikan kos sara hidup termasuk GST.

Langkah kerajaan untuk hanya meningkatkan gaji minimum penjawat awam kepada RM1,200 melibatkan 60,000 ataupun hanya 3.75% penjawat awam adalah usaha yang sepatutnya diperluaskan kepada sektor swasta juga. Malah, MTUC agak kecewa apabila dalam proses merangka Bajet 2016, perbincangan pihak berkepentingan seperti yang disebut dahulu

dalam Majlis Perundingan Gaji Nasional atau *National Wages Consultative Council* dengan izin, yang sepatutnya secara tiga pihak untuk atau *tripartite* nampaknya menjadi unilateral. Lebih-lebih lagi apabila gaji minimum sepatutnya RM1,500 seluruh Malaysia dan bukan dibahagikan secara *apartheid* gaji dengan pekerja Sabah dan Sarawak menerima secara purata 11% lebih rendah daripada pekerja Semenanjung.

Apabila kerajaan semenjak tahun 2012 gagal melaksanakan insurans pengangguran atau *employment insurance scheme* maka apa makna pencapaian tentang golongan pekerja yang diiklankan oleh kerajaan dalam Bajet 2016? Bukankah perlu ada perbincangan dengan semua pihak berkepentingan agar pembayaran bulan skim insurans oleh pekerja, adil dan memberikan perlindungan yang sewajarnya. Usaha yang tidak menyeluruh dan mampan seperti penyediaan pusat penjagaan anak-anak atau menyediakan prasekolah universal termasuk undang-undang progresif tenaga pekerja seperti *flexible working hours* dengan izin agar golongan wanita memasuki pasaran tenaga kerja dari 53% kepada 55% akan gagal walaupun wanita merangkumi 60% daripada keseluruhan graduan. Sebaliknya, faktor pekerja asing berkemahiran rendah juga berjumlah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Langat bangun Yang Berhormat..

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Okey.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Saya hendak ke belakang sedikit di mana Yang Berhormat Permatang Pauh ada bercakap soal gaji minimum yang ada dua darjat. Sebenarnya ada tiga darjat. Satu, penjawat awam RM1,200, satunya di Semenanjung RM1,000 dan di Sabah dan Sarawak RM920.

Pada pandangan Yang Berhormat Permatang Pauh, apakah di sini berada satu kesenjangan ataupun ketidakadilan berlaku dalam proses mengadili semua rakyat pekerja negara ini? Bersetuju kah dengan saya Yang Berhormat Permatang Pauh bahawa gaji minimum ini tidak bermatlamatkan untuk membantu semua rakyat tetapi menjurus kepada sakit hati atau tidak puas hati di kalangan puak-puak tertentu seperti negeri Sabah dan Sarawak? Apakah Yang Berhormat Permatang Pauh bersetuju dengan saya? Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Setuju. Kalau saya dekat Sabah, Sarawak, rasa "*Kenapa ya Semenanjung dapat lebih?*" Menunjukkan bahawa walaupun dalam kadar kemiskinan, Sabah, Sarawak lebih tinggi. Saya masuk kepada faktor pekerja asing berkemahiran rendah berjumlah dua juta berpermit.

Ini yang berpermit Tuan Yang di-Pertua dan mungkin empat juta tanpa permit dengan aliran wang keluar sebanyak RM30 bilion satu tahun juga menekan ke bawah tangga gaji serta melambatkan automasi proses kerja untuk peningkatan sasaran produktiviti 3.7% pada tahun 2020 juga belum ditangani secara serius. Sebaliknya, nampak gaya ada perlumbaan ahli perniagaan tertentu untuk menjadi ejen dalam mengurus sistem komputer daftar pekerja asing.

Nampaknya menjadi tumpuan utama Kementerian Dalam Negeri. Apa yang patut didahulukan dilambatkan dan sebaliknya yang patut dilambatkan didahulukan. Ini menjadi satu lagi ukuran pencapaian Kerajaan Barisan Nasional selama ini.

Pencapaian kelima, kemudahan asas...

■1200

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Kelana Jaya bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Yang Berhormat Permatang Pauh, isu tentang hendak *register* pekerja asing itu adik siapakah, abang siapa itu? Boleh jelaskan sedikit? *[Ketawa]*

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** *"Siapa makan cili dia terasa pedas"*lah kan. Terima kasih Yang Berhormat Kelana Jaya.

Pencapaian kelima Tuan Yang di-Pertua, kemudahan asas air, elektrik untuk lima juta rakyat luar bandar. Setelah kita merdeka 58 tahun yang dikatakan sudah sehati sejiwa, maka kenapakah kita masih belum selesai menyediakan kemudahan asas air dan elektrik ini kepada semua rakyat dalam abad ke-21 ini? Semenjak tahun 1974 sehingga tahun 2015, adalah dikatakan Petronas Tuan Yang di-Pertua, menyumbangkan hampir RM920 bilion, dekat-dekat RM1 trilion kepada kerajaan yang telah 10 Rancangan-rancangan Malaysia serta kerakusan berbelanja, Kerajaan Barisan Nasional masih gagal untuk menyediakan kemudahan asas yang sememangnya adalah tanggungjawab paling wajib untuk rakyat terutamanya Tuan Yang di-Pertua, daripada Sarawak.

Pencapaian keenam, meringankan kos sara hidup rakyat dengan mendapat pelbagai kemudahan seperti BR1M, Klinik 1Malaysia, UTC, RTC dan Kedai Rakyat 1Malaysia. Terlebih dahulu, persoalannya, mengapakah kos sara hidup meningkat? Mungkin jawapannya adalah siapa yang memonopoli beras, gula dan tepung? Atau mungkin jawapannya adalah siapa yang mengenakan GST kepada rakyat? Kenapa rakyat teramai masih miskin sehingga keperluan dan perkhidmatan asas menjadi mahal dan luar kemampuan?

Bajet 2016 Tuan Yang di-Pertua, telah melupuskan subsidi bil elektrik. Sekarang elektrik akan nilai lagi tinggi yang dahulunya pada RM150 juta untuk golongan miskin yang bil elektriknya kurang lebih RM20 dan juga pelupusan subsidi minyak masak. Apa yang masih tidak lupus adalah rasuah yang menyebabkan hutang negara bertambah. *[Tepuk]* Juga, rakyat terus didera dengan dipaksa menebus belanja kerajaan dengan GST.

Penderaan serta penderitaan rakyat berganda dengan berita malang yang diumumkan pada hari yang sama ketika Bajet 2016 dibentangkan adalah kenaikan bukan subsidi untuk rakyat miskin tetapi kenaikan harga barang keperluan. Angka Jabatan Perangkaan Malaysia dilaporkan pada 23 Oktober, ada beberapa perkara penting yang tidak disebut oleh Yang Amat Berhormat Pekan, harga barang makanan asas terus naik. Sebagai contoh, lobak merah, peningkatan 16.3 peratus; bawang putih, peningkatan 5.4 peratus; telur ayam, peningkatan 5.1



peratus; bawang merah besar, peningkatan 4.9 peratus; kacang panjang- macam mana hendak masak ini, Tuan Yang di-Pertua? Kacang panjang, peningkatan 4.6%; ikan kembung, ikan bawal hitam, tembikai, ada peningkatan; sotong Tuan Yang di-Pertua, dan daging lembu. Walaupun begitu Tuan Yang di-Pertua, peningkatan hanya 0.4 peratus tetapi naik juga.

Juga, kenapa masih ada berjuta-juta isi rumah yang dilabelkan sebagai B40 termasuk M40 yang tidak mampu hidup sejahtera dan masih terpaksa didera beratur menerima bantuan? Malangnya, 80 peratus B40 dan 55 peratus M40 yang dikategorikan berpendapatan bawah RM4,000 isi rumah sebulan sebagai layak menerima BR1M dan kerajaan mengharap mereka akan hanya membeli belah di KR1M, berubat di KL1M dan berurusan di UTC dan RTC dan bukan di BSC atau KLCC yang merupakan orang bukan Melayu. *[Ketawa]*

Apabila RM52 bilion daripada saham RM54 bilion yang diberikan kepada orang Melayu tertentu telah dijual secepat kilat apabila 72 peratus daripada 8.6 juta pemegang akaun hanya memiliki RM554 purata Amanah Saham Bumiputera berbanding 0.2 peratus pemegang akaun dengan pelaburan purata RM725,122 atau 1,308 kali ganda. Melayu manakah yang terus kaya dan Melayu manakah yang papa kedana? *[Tepuk]* Ini bukanlah satu pencapaian yang patut kita banggakan tetapi sebaliknya ia hanya membuktikan kegagalan yang amat teruk meskipun setelah 45 tahun menggunakan Dasar Ekonomi Baru untuk melahirkan OKB atau orang kaya baru yang segelintir dan memenjarakan majoriti bumiputera Melayu, OKB juga, orang kena bantu. Akronim sahaja yang sama tetapi perolehan harta adalah antara dua darjat, Tuan Yang di-Pertua, "*seperti langit dan bumi*". Ini hakikat DEB untuk kebanyakan orang Melayu.

Tuan Yang di-Pertua... Tak, Tuan Yang di-Pertua tutup mata saya ingat menghayati. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tengah mendengar.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Tuan Yang di-Pertua, dengan hujah balas kepada enam pencapaian yang diiklankan Yang Berhormat Pekan, sudah nyata terang lagi bersuluh kita wajib menolak Bajet 2016. Bukankah iklan palsu itu melanggar Akta Perlindungan Pengguna 1999? Adakah keseluruhan Bajet 2016 umpama satu iklan palsu besar hanya untuk menyedapkan mata dan untuk menyelamatkan hanya seorang individu?

Tuan Yang di-Pertua, jikalau hujah balas tadi dengan fakta yang dikeluarkan sendiri oleh agensi-agensi dan jabatan-jabatan kerajaan seperti Bank Negara Malaysia (BNM), Jabatan Perangkaan, Permodalan Nasional Berhad (PNB), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kementerian Kewangan masih tidak cukup untuk meyakinkan semua Ahli Dewan untuk menolak Bajet 2016, maka saya akan teruskan pula membalas hujah tajuk seterusnya iaitu tujuh langkah penambahbaikan layanan GST dan disusuli lima tunjang keutamaan Bajet 2016 dengan 23 langkah kerana ia adalah belanjawan antara dua darjat. Habuan berbeza untuk rakyat mengikut darjah dan kerabat.

Akan tetapi sebelum saya meneruskan ucapan, kita mesti menolak mengambil peringatan bahawa semua bentuk kebenaran tidak boleh ditolak. Allah berfirman dalam Surah Al-

Haj ayat 46, maksudnya- saya baca yang terjemahannya. *“Bukankah mereka berjalan di atas muka bumi, lalu bukanlah mereka pun memiliki hati yang mampu berfikir dengannya atau memiliki telinga yang mereka mampu mendengar dengannya. Maka sesungguhnya bukanlah mata mereka yang buta tetapi yang buta adalah hati yang ada di dalam dada.”* [Tepuk]

Mafhum ayat Al-Quran tadi ialah menggelar mereka yang menolak fakta kebenaran diibaratkan sebagai buta hati. Akan tetapi ada juga kebaikannya. Terima kasih Yang Amat Berhormat Pekan kerana mempopularkan Belanjawan Alternatif Pakatan Harapan hari itu. [Tepuk] Akan tetapi, yang dirujuk mengenai GST yang kita sarankan adalah menyimpang daripada kebenaran.

#### ■1210

Menyambung perbahasan saya Tuan Yang di-Pertua, mengenai tajuk ‘Tujuh Langkah Penambahbaikan Layanan GST’ yang dibentangkan oleh YAB Pekan, beliau secara jelas dan secara langsung, *live*, Tuan Yang di-Pertua di kaca TV telah menyatakan bahawa *“Malah pihak di seberang sana yang mula-mula dulu menentang begitu lantang dan keras, kini juga mula menerima GST. Hatta, telah memasukkan pula dalam dokumen bajet mereka. Ini jelas menunjukkan pendirian pembangkang yang sentiasa berubah-ubah dan tidak konsisten”*.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya ini hendak memberitahu betul-betul ini mengenai GST. Saya serta rakan-rakan di sebelah sini takut dikatakan temberang. Apabila mula diteliti, kami telitilah apa yang dikatakan Perdana Menteri ini secara *live* ini, perkataan demi perkataan serta ayat demi ayat. Amat jelaslah tanpa waswas bahawa Pakatan Harapan menolak GST. [Tepuk] Diharapkan YAB Pekan dapat menjelaskan dalam Dewan ini, muka surat manakah yang telah dirujuk kerana kita tidak mahu satu lagi fitnah bertambah.

Mengenai GST, kita pula diiklankan dengan alasan mengapa dan bagaimana GST telah menyelamatkan negara dan mengelakkan defisit fiskal meningkat kepada 4.8% berbanding dengan 3.1% untuk tahun 2016. Ini salah siapa yang merancang dan mengurus ekonomi yang tidak berkesan ini? GST juga diiklankan telah menyelamatkan kewangan negara akibat daripada kejatuhan harga minyak mentah dunia, penghapusan SST, penurunan kutipan cukai langsung dan bermacam-macam lagi yang menurun. Pembaziran berbilion ringgit setiap tahun sehingga kewangan negara tergugat, itu angkara siapa pula?

Adakah ini sebabnya Laporan Audit tidak dibentangkan? Tanpa GST juga, kita ditakut-takutkan bahawa kerajaan terpaksa meminjam duit untuk membayar gaji penjawat awam, penarafan kredit negara pula akan diturunkan dan kos pinjaman untuk semua seperti pinjaman peribadi, pinjaman perniagaan, pinjaman perumahan pasti meningkat. Sekali lagi saya hendak tanya, pengurusan perbelanjaan sebegini sehingga terpaksa meminjam dan kemudiannya menekan rakyat, salah siapa?

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Salah BN.

**Seorang Ahli:** Salah Anwar, Anwar. Semua salah Anwar.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Dia dalam penjaralah. [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, secara ringkasnya, GST ialah sistem cukai regresif. Regresif di

sini bermakna, jaringan percukaian dikenakan kepada seluruh rakyat. Kaya, miskin, tua, muda, tanpa mengira bangsa dan agama. Di manakah keadilan untuk rakyat yang berpendapatan rendah? Seperti yang telah disebutkan oleh mantan Ketua Pembangkang, saudara Anwar Ibrahim - ini bukan salah dia ya. "*Negara kita mesti bersedia dan memenuhi beberapa syarat wajib dahulu sebelum melaksanakan GST*".

Antaranya tahap gaji mestilah meletakkan sekurang-kurangnya 80% isi rumah sebagai kelas menengah dengan gaji minimum RM4,000 sebulan [*Tepuk*] berbanding - sekarang ini dapat berapa? Gaji medium RM1,575 sekarang. Ini adalah agar cukai berpendapatan yang bersifat progresif akan menjadi sumber kewangan yang adil dan bukannya menggunakan GST semata-mata. Selain itu, kadar ketirisan dan rasuah mestilah dihapuskan dengan menguatkuasakan sistem perundangan pencegahan rasuah yang bebas dan berkesan. Janganlah bila mereka datang hendak cari-cari, buanglah pula. Eh! Tukar pula, tangkap pula. Mana boleh. Mana kredibiliti kita? [*Tepuk*]

Daripada Laporan Ketua Audit Negara yang masih belum diterima Dewan ini serta kajian pelbagai pakar bahawa anggaran konservatif Tuan Yang di-Pertua, peratusan ketirisan dan pembaziran dalam komponen bajet yang terdedah kepada rasuah dengan izin, *exposed to corruption* adalah sekitar 25%. Apabila dikira dengan jumlah bajet komponen, yang terdedah adalah sekitar RM120 bilion. Maka sekurang-kurangnya, RM30 bilion boleh diselamatkan dan dijimatkan.

Ini belum lagi melibatkan risiko ketirisan dalam projek-projek mega yang sedang dijalankan dan yang akan datang, yang dikelaskan sebagai *off balance sheet* bernilai RM1.6 trilion Tuan Yang di-Pertua, USD444 bilion mengikut perancangan ETP dalam RMK ke-10. Risiko ketirisan juga berlaku dalam beberapa GLC seperti MARA, MAS, Tabung Haji dan yang paling terakhir dan yang paling besar, 1MDB. [*Tepuk*] Jika kita masukkan senarai projek-projek dan pelaburan yang merugikan atau yang telah *debailout* dengan izin, seperti skandal Forex RM30 bilion, PERWAJA, PKFZ, kesemua projek LRT yang menelan sekurang-kurangnya RM60 bilion yang pernah disebut, dikupas dan disenaraikan oleh saudara Anwar dalam ucapan-ucapan perbahasan bajet yang dikumpulkan dalam buku 'Perentas Ekonomi Zaman', maka mengapa rakyat menjadi mangsa untuk menanggung dan membayar melalui GST untuk menebus kembali wang berbilion yang telah tiris, bocor. Ini tidak termasuk masalah penswastaan seperti IPP, lebuhraya, tol dan pembelian aset luar negara.

Begitu besar kantung kroni sementara rakyat terus dijaja iklan palsu dengan kebaikan GST dan kena pula membayar kenaikan harga tol dan harga bahan api. Bagaimana pula dengan 1MDB? Agaknya berapa bilion pula yang mesti dikutip daripada GST untuk menyelamatkan 1MDB?

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, apabila satu dan antara dua syarat wajib utama belum dipenuhi iaitu 80% isi rumah menjadi kelas menengah dengan gaji minimum RM4,000 sebulan dan penjimatan ketirisan belanjawan sebanyak 25% minimum, maka GST sekarang ini mestilah ditolak. Rakyat tidak mampu, Tuan Yang di-Pertua. Tertindas, tertekan. [*Tepuk*] Kita hendak *zero-rated*, Tuan Yang di-Pertua. Oleh yang demikian, sekali lagi apabila

segala faktor mengenai mengapa GST ditolak dan kerana tidak cukup syarat wajib yang diambil daripada maklumat daripada sumber kerajaan dan awam, ini kita tidak *pull out from the air*. Ini adalah maklumat daripada sumber kerajaan dan awam, maka adakah Ahli Dewan ini belum cukup yakin untuk menolak bajet ini kerana ia memaksakan GST atas kesemua rakyat yang belum lahir, yang baru lahir, kecil, muda, tua, yang sudah mati, sebabnya khairat kematian pun kena GST?

Tuan Yang di-Pertua, setelah membahaskan enam pencapaian yang nyata gagal, memberikan gambaran yang penuh dan membahas pula tujuh langkah penambahbaikan layanan GST yang tidak ada legitimasi kerana tidak mencukupi syarat wajib yang diperjelaskan, saya pula

...

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Penampang bangun.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Untuk menambah juga, GST pun diimposekan kepada *flight domestic* antara Kuala Lumpur – Sarawak, Sarawak – Kuala Lumpur, Sabah dan sekian. *Now*, kerajaan sepatutnya tidak *imposekan* GST kepada penduduk Sabah, penduduk Sarawak terlebih lagi kebanyakan murid-murid kita pergi ke sini untuk belajar dan kembali waktu cuti, termasuk juga dengan *businessman*. Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih Yang Berhormat Penampang. Memanglah, sudahlah gaji minimumnya kurang daripada Semenanjung tetapi GST tidak dikurangkan untuk mereka. [*Tepuk*] bukan?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Permatang Pauh, bukan sahaja GST tidak dikurangkan. Sebelum ini dalam sistem SST, kerajaan negeri berhak untuk kutip SST dan dengan adanya GST, kerajaan negeri telah hilang satu *revenue* yang agak besar dari SST dan dengan penambahan cukai dari GST, kita hendak tahu sama ada Sabah dan Sarawak dapat kutip balik *reimburse* dari SST yang telah dikutip untuk mengganti apa yang telah dihilangkan oleh kerana tidak dapat kutip SST. Minta Yang Berhormat jawab.

■1220

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Saya minta Menteri jawablah bukan. Akan tetapi nampak gayanya *the more reasons* dengan izin, Sabah dan Sarawak sokong usul yang dibawa itu. Ada alasan yang memang kukuh dengan Sabah dan Sarawak, kalau tidak dapat sikit, ambil banyak.

Tuan Yang di-Pertua, ini saya katakan, jadi saya sampai ke langkah yang lain, lima keutamaan tunjang Bajet 2016 ini. Nyata kebanyakan peruntukan adalah sebagai permulaan RMKe-11 yang diisytiharkan sebagai pusingan terakhir (*final lap*) sebelum mencapai Wawasan 2020.

Pemerhatian pertama adalah seperti RMK-RMK sebelum ini, ia juga tidak akan tercapai. Semenjak RMKe-10, penilaian laporan separuh penggal tidak lagi dibentangkan di Parlimen. Kita tidak dapat laporannya. *Midterm review* mana ada dari RMKe-10, tidak ada. Ditambah lagi... [Disampuk] Kita cakap fasal zaman sekarang. Zaman Anwar, Anwar di dalam penjara. Ditambah lagi dengan amalan sejak tahun 2011, tidak lagi membentangkan Laporan Ketua Audit Negara. Saya ulangi ini sebab kita memang merasakan ada sesuatu yang tidak kena. Semasa sesi pembentangan, hanya mengesahkan bahawa konsep ketulusan, kebertanggungjawaban dan timbang tara gagal diamalkan. Semasa zaman Anwar Ibrahim dahulu, belanjawan kita berimbang, lepas itu berlebihan tahu. Jangan lupa pula. [Tepuk]

Sasaran ETP dalam negara memerlukan kadar pertumbuhan 6% KDNK juga tersasar. Tema tersasar juga boleh dilihat apabila kerajaan sudah enam tahun membentangkan Perbelanjaan Bekalan Tambahan (*Supplementary Supply Bill*) dengan izin. Kerajaan juga tersasar daripada matlamat mengutamakan pendidikan apabila peruntukan untuk pendidikan tinggi telah dikurangkan RM1.442 bilion. Peruntukan Universiti Malaya, Universiti Malaysia Terengganu dan Universiti Teknologi MARA, dikurangkan 27.3% untuk Universiti Malaya, 23.76% untuk Universiti Malaysia Terengganu dan 23.72% untuk Universiti Teknologi MARA. Seperti yang dijangkakan yang menjadi kebiasaan peruntukan, Jabatan Perdana Menteri bertambah RM1 bilion kepada RM20.3 bilion. Tertinggi Tuan Yang di-Pertua, dalam sejarah negara kita. Tertinggi.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, dua orang bangun Yang Berhormat. Yang Berhormat Bayan Baru...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Saya tertarik hati dengan ucapan Yang Berhormat Permatang Pauh bahawa potongan terhadap IPTA telah berkurangan sebanyak RM1.4 bilion atau bersamaan lebih kurang 17%. Baru-baru ini saya tahu bahawa ada pelajar-pelajar universiti, mereka terpaksa makan roti orang lain kerana tidak mampu beli makanan. Ini menunjukkan betapa susahnya pelajar-pelajar, mahasiswa kita dalam keadaan ekonomi dan juga GST dan tekanan hidup. Sekarang tambahan dengan pemotongan bajet ini, adakah Yang Berhormat Permatang Pauh menjangkakan bahawa yuran universiti akan naik dan akan menyebabkan lebih ramai lagi pelajar-pelajar yang layak tetapi terpaksa meninggalkan pelajaran kerana tidak mampu membayar yuran universiti.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Permatang Pauh, sekali Yang Berhormat Permatang Pauh. Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga bersekali dengan Yang Berhormat Bayan Baru, apabila diumumkan RM1.4 bilion itu telah dipotong daripada 20 IPTA kepada 19 IPTA yang melibatkan potongan yang agak luar biasa, daripada 10% ke 20%. Ini amat membimbangkan ibu bapa penjaga terhadap potongan ini. Sudah barang tentu Yang Berhormat Permatang Pauh bersetujukah dengan saya, sudah barang tentu tekanan dan bebanan ibu bapa, penjaga itu akan bertambah perit dan akan menghilangkan

kekuatan motivasi anak-anak untuk belajar, yang memberikan kesan buruk kepada sistem pendidikan kita. Apakah Yang Berhormat Permatang Pauh bersetuju dengan saya? Terima kasih.  
[Tepuk]

**Beberapa Ahli:** Setuju.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Saya terkejut bila mendengar pemotongan bajet, khususnya untuk UiTM sehingga melebihi 20%. Tidak ada pula nampak yang 'Baju Merah' yang turun ke jalan atau apa ataupun Pemuda UMNO buat bisingkah. Cuba kalaulah Pakatan Harapan ataupun Kerajaan Negeri Selangor sebut sedikit sahaja, hendak tambah kos sedikit kepada UiTM, sudah pasti demonstrasi besar-besaran. Bagaimana pandangan Yang Berhormat Permatang Pauh tentang persoalan ini, permainan politik yang agak murahan?

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** [Ketawa] Memanglah Tuan Yang di-Pertua, sesuatu yang tidak kena dalam polisi pendidikan kita. Kita ada *unemployable graduates* dengan izin. Kita ada universiti yang— Dahulu saya berterima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mendapat biasiswa. Dahulu tidak ada minyak pun dalam Malaysia ini, tidak jumpa minyak tetapi saya mendapat biasiswa. Saya berterima kasih sampai ke hari ini, saya mendapat pendidikan. Sekarang ini pendidikan diperdagangkan. Graduan keluar kena bayar apa dipanggil... [Disampuk] PTPTN. Susah, PTPTN. Belum lagi kerja, tidak dapat kerja. Selepas enam bulan *our graduates* keluar, tidak dapat kerja Tuan Yang di-Pertua. Sekarang ini hendak potong pula, kenapa? Bagaimana kita hendak fikirkan bahawa kita ada *human resource*? Inilah kapital untuk negara kita, anak-anak muda kita yang berpendidikan tinggi. Ini yang boleh kita dapatkan, bukan hendak beli jet peribadi.

Akan tetapi saya masuk sekarang ini, terima kasih. Saya masuk kepada Jabatan Perdana Menteri. Naik RM1 bilion Tuan Yang di-Pertua. Dipotong daripada pendidikan, naik RM1 bilion. Jabatan Perdana Menteri dalam Bajet 2016 ini, dia memperoleh peruntukan jauh lebih tinggi daripada kementerian lain dalam tempoh 10 tahun sebelum ini. Berdasarkan statistik, JPM pada tahun 2006, hanya diperuntukkan RM4 bilion ataupun 2.5% daripada jumlah keseluruhan bajet. Sejak tempoh itu, jumlah peruntukan semakin meningkat iaitu RM6.9 bilion pada tahun 2008, RM10.2 bilion pada tahun 2009, RM11.9 bilion pada tahun 2010 dan RM19 bilion masuk ke RM20 bilion dalam tahun ini. Adakah ini ungkapan, '*Cash is king*' ini menunjukkan ini mana tempat yang diperginya?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Beli kesetiaan.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Yang Berhormat Permatang Pauh, izinkan sedikit.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Okey.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Terima kasih Ketua Pembangkang, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekiranya kita mengupas keanggotaan Kabinet Malaysia, walaupun negara kita mempunyai populasi hanya tidak lebih 30 juta tetapi daripada jumlah bilangan Menteri yang ada di Malaysia, saya rasa ia adalah rekod dunia khususnya di Jabatan Perdana Menteri. Satu Jabatan Perdana Menteri 12 orang Menteri. Ini adalah satu rekod dunia. Setujukah Yang

Berhormat Permatang Pauh, sekiranya kita hendak belanja secara berkhemah, kita bermula dari Jabatan Perdana Menteri sendiri, potong anggota Menteri itu supaya ia mencerminkan kecekapan pentadbiran yang sepatutnya diuar-uarkan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Shah Alam dan Yang Berhormat Kelana Jaya bangun. Hendak beri?

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Yang Berhormat Kelana Jaya dahulu.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Saya memang tertarik dengan apa Yang Berhormat Permatang Pauh katakan tadi, '*Cash is king.*' Ini kerana dalam bajet ini kita melihat elaun Raja-Raja dipotong, peruntukan untuk Yang di-Pertuan Agong pun kena potong, yang cuma seorang naik itu Perdana Menteri. [*Dewan riu*] *Cash is really king to him.* Terima kasih.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Adakah mungkin peningkatan bajet untuk Perdana Menteri itu menunjukkan bahawa sokongan terhadap Perdana Menteri semakin berkurangan? Oleh sebab berkurangnya sokongan terhadap Perdana Menteri dalam kerajaan dan dalam Barisan Nasional itu sendiri, maka bajet yang besar diperlukan untuk menjamin kesetiaan dan sokongan berterusan. Apa pandangan Yang Berhormat Permatang Pauh?

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Yang Berhormat Permatang Pauh.

■1230

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih kerana bagi saya peringatan.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Permatang Pauh... Satu saja, beri komen.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Ya, silakan.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya komen Yang Berhormat Permatang Pauh tentang tadi, Yang Berhormat Permatang Pauh cakap tentang potongan terhadap peruntukan kepada pendidikan dan peningkatan kepada Jabatan Perdana Menteri. Sebenarnya potongan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi adalah lebih kurang RM2.4 bilion dan kerajaan kata kepada universiti-universiti tempatan yang akan menghadapi pemotongan peruntukan ini, carilah dana sendiri. Mengapa pula Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang pandai mencari dana itu dapat peruntukan yang lebih tinggi RM1.1 bilion, tetapi universiti-universiti kita yang dijangka *enrolment*nya akan meningkat tahun depan pula terpaksa cari dana sendiri? Sila berikan komen Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Saya akan komen yang Yang Berhormat Shah Alam kata dulu lah kerana peruntukan untuk Jabatan Perdana

Menteri itu meningkat sebab itu saya terca-cari juga kenapa dalam belanjawan *live*, ucapan belanjawan disebut, “*gunting dalam lipatan*”? Apa?

**Seorang Ahli:** “*Duri dalam daging*”.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** “*Duri dalam daging*” kah?

**Seorang Ahli:** “*Api dalam sekam*”.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** “*Api dalam sekam*”.

Ada maksudnya. Saya ingat sebab itulah peruntukan dia banyak ya, sebab mungkin hendak memadamkan “*api dalam sekam*”. [Tepuk]

Akan tetapi, ya memang lah Yang Berhormat Bukit Mertajam, saya setuju lah kalaulah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita mempunyai *talent* semula jadi untuk dapat derma yang begitu banyak, sepatutnya dilaburkan balik dalam pendidikan negara ini. Itu asas-asas, perkhidmatan asas negara kita. Itu saya rasa memanglah satu *talent* yang sukar dapat daripada orang lain, biasalah luar biasa lah.

Jadi, saya sambung ya Tuan Yang di-Pertua. Banyak komen daripada poin ini bahawa Jabatan Perdana Menteri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Yang Berhormat Arau pun sudah tidak ada, semua tidak ada. Hendak juga dia orang dengar kan. Takut “*api dalam sekam*” ya.

Yang menjadi syarat kepentingan rakyat sedang dihakis kerana Perdana Menteri jabatannya mendapat yang paling banyak, yang paling meningkat kalau dibandingkan dengan rakyat biasa dan pendidikan itu telah dipotong. Itu menjadikan satu isyarat bahawa kepentingan rakyat sedang terhakis apabila peruntukan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin juga, Yang di-Pertua berkurangan 95% daripada RM200 juta. Yang diperuntukkan kepada pelajar miskin, tinggal RM10 juta untuk 2016. Ini untuk pelajar miskin.

Saya sudah membahaskan isi Bajet 2016, sudah jelas bahawa bajet ini tidak mampu memacu negara ke arah negara maju berpendapatan tinggi pada 2020 sebaliknya adalah bajet talian hayat untuk selamatkan Yang Amat Berhormat Pekan. Oleh itu, kita mahu bajet yang benar-benar menyejahterakan dan bukan menyengsarakan kehidupan rakyat. Kesimpulan mudah, Bajet 2016 mestilah ditolak.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah di persimpangan antara dua pilihan. Mari kita meneliti perbezaan pendekatan prinsip dan dasar pembangunan sosioekonomi antara Pakatan Harapan dan Barisan Nasional. Hendak katakan boleh pandai-pandai hendak kritik orang sahaja. Kamu ini macam mana? Ini kita punya pembentangan.

Perbandingan ini adalah memberikan satu kayu ukur dan membina keyakinan agar rakyat serta masyarakat antarabangsa dapat menilai pendekatan alternatif yang wujud dalam usaha menyelamatkan negara serta sedia menghindari krisis ekonomi yang bakal berlaku akibat suasana ekonomi global yang tidak menentu.

Kita bercakap tentang *maqasid* belanjawan. Kita harus ingat bahawa penulisan fiskal melalui belanjawan mesti berpandukan kepentingan bersama, memenuhi prinsip keadilan sosial (*social justice*). Dan mengambil kira keutamaan (*priority*) dan penyesuaian (*adjustment*) sesuai



dengan realiti ekonomi global semasa untuk mencapai pembangunan sosioekonomi yang mampan dan *inclusive*, dengan izin *sustainable and inclusive socioeconomic development* dengan membina keupayaan ekonomi negara yang berdaya saing. Ini kalau Malaysia ini, Ya Allah hai, apa yang kita ada? Yang juara pun tak jadi. *Competitive capacity building*, memperkukuhkan ketahanan ekonomi menghadapi cabaran ekonomi global yang tidak menentu iaitu *economic resilience*, mengurangkan kecundangan pendapatan dan kekayaan rakyat (*reduced income and wealth inequality*).

Belanjawan adalah satu instrumen fiskal yang memerlukan komponen penstabilan ekonomi makro iaitu *macro-economic stabilizer* yang mesti mengimbangi penggunaan hutang kerajaan (*government debt*) dan defisit fiskal (*fiscal deficit*) secara mampan (*sustainable*) untuk mencapai matlamat guna tenaga penuh (*full employment*) dan pertumbuhan pendapatan (*income growth*) dengan pengawalan kadar inflasi berpatutan.

Ketika ini kerajaan tidak membina penstabil makro ekonomi yang kukuh seperti insurans pekerja (*employment insurance*), jaringan keselamatan sosial bersepadu (*integrated socio safety net*) dan sistem percukaian progresif (*progressive tax system*). Penstabil makro ekonomi berfungsi menyuntik dana ke dalam ekonomi secara terus dan pantas. Ia akan mempertahankan kuasa pembeli, (*purchasing power*) dan kelebihan pendapatan (*disposable income*) yang akan melengkapkan permintaan agregat domestik (*domestic aggregate demand*) seisi rumah.

Ini akan menjana aktiviti ekonomi dan mengurangkan kesan kelembapan ekonomi. Sebaliknya dengan izin, *discretionary spending* pula memiliki *lag time* untuk dilaksanakan. Kadangkala ia mungkin terlambat untuk mengatasi kelembapan ekonomi. Oleh itu, strategi fiskal yang disarankan adalah penstrukturan fiskal sebagai transisi ke konsolidasi fiskal (*fiscal restructuring transition to fiscal consolidation*) untuk membina penstabil automatik (*makro automatic stabilizers*) yang dapat terus memberi kesan kepada ekonomi dan mengimbangkan dengan pendekatan perbelanjaan fiskal *discretionary* (*discretionary fiscal spending*) yang ada *lag time* pelaksanaannya.

Belanjawan juga perlu memantau kadar inflasi (*inflation rate*) yang dikawal selia secara bebas melalui penggunaan dasar kewangan (*monetary policy*) yang mengurus kadar faedah (*interest rate*) dan kadar pertukaran wang (*currency exchange rate*) untuk menentukan kadar bekalan wang (*money supply*) yang sesuai.

Ini yang saya sebut-sebut sebelum ini Tuan Yang di-Pertua, justeru peranan Gabenor Bank Negara, Tan Sri Zeti adalah penting ketika ini untuk memberikan keyakinan kepada komoditi pelaburan. Penyambungan kontrak untuk dua tahun lagi adalah disokong sepenuhnya oleh kami Pakatan Rakyat. Biar dia jalankan tugas, biar negara kita ini dilihat sebagai berwibawa. *Our monetary system, our Bank Negara Governor*, seorang wanita yang berkebolehan. [*Tepuk*] Beri dia peluang dan sokongan. Dia mengharumkan negara Malaysia Tuan Yang di-Pertua. Kenapa hendak jadikan dalam pada akhirnya lepas dia habis servis hendak menjadikan begini kepada beliau. *Very unfair*. Saya masuk kepada makro ekonomi dunia mencabar.

Ekonomi dunia sedang melalui satu transisi besar ke arah satu norma baru di mana zaman pertumbuhan ekonomi dunia adalah rendah sekadar 3% berbanding 3.5% ke atas untuk satu jangka masa yang panjang.

#### ■1240

Tiga faktor pencorak suasana ekonomi global yang muram adalah faktor negara China. Pertumbuhan ekonomi China menjadi perlahan kerana transisi ekonomi domestik daripada ekonomi pembuatan kepada ekonomi penggunaan, *from production to consumption based economy* dan juga masalah *production over capacity* setelah bertahun-tahun berbelanja. Faktor negara Amerika Syarikat setelah tujuh tahun dengan kadar faedah sifar yang akan berubah dengan kenaikan kadar faedah mencetuskan pengaliran keluar dana, *capital out flow* dari negara-negara lain, terutama negara membangun seperti Malaysia kembali ke Amerika Syarikat.

Faktor kejatuhan harga komoditi disebabkan pertumbuhan global menjadi perlahan, maka permintaan komoditi juga menurun menyebabkan kejatuhan harga komoditi seperti minyak yang sebanyak 60%. Ini memberikan impak negatif besar kepada Malaysia yang bergantung kepada eksport komoditi, terutamanya hasil petroleum untuk pendapatan kerajaan. Oleh demikian, jangkaan kadar pertumbuhan KDNK Malaysia untuk perancangan dan Belanjawan 2016 adalah sekitar 4% ke 5% atau angka pertengahan 4.5%.

Nampaknya sekali lagi kita akan tersasar untuk mencapai sasaran pertumbuhan 6% KDNK. Akan tetapi yang lebih kritikal adalah untuk sedia memungkinkan berlaku kemelesetan ekonomi (*recession*) pada suku tiga dan empat tidak boleh diketepikan. Kemungkinan kita akan masuk ke *recession*. Oleh itu, pendekatan penggunaan *counter cyclical fiscal* mesti menjadi satu pilihan, *to option*, dengan izin, berpandukan ruang fiskal kemelesetan ekonomi dengan berpandukan prinsip kemapanan hutang kerajaan dan defisit fiskal, dengan izin, *government debt and fiscal deficit sustainability*. Jadi, pembangunan sosioekonomi Malaysia di persimpangan.

Segala pencapaian ekonomi negara apabila diukur daripada kekayaan sumber asli dan sumber manusia berada di bawah paras potensi yang mampu. *We are under performing* Tuan Yang di-Pertua. *We have so much potential*, Ya Allah. *Such a waste*. Prestasi di bawah paras potensi ini boleh dinilai apabila jurang KDNK, GDP *gap* berbanding beberapa negara Asia lain seperti Korea Selatan, Taiwan dan Singapura seperti yang pernah dihuraikan Mantan Ketua Pembangkang, Anwar Ibrahim dalam agenda ekonomi Malaysia pada tahun 2008.

Contoh jurang KDNK antara Malaysia dan Korea Selatan, di mana pada tahun 1970, KDNK kita adalah hampir setaraf. Malah, Malaysia dengan KDNK per kapita sebanyak USD400 mengatasi Korea Selatan dengan USD270 pada masa itu. Akan tetapi pada hari ini kita ada Samsung, Hyundai apa lagi? Malaysia ada apa? 1MDB? [*Dewan riuh*]

Akan tetapi pada hari ini kita jatuh jauh ketinggalan apabila 2014 Korea Selatan yang tidak ada sumber asli, Korea Selatan tidak ada sumber asli seperti petroleum mendahului Malaysia mendapat USD26,205 berbanding dengan kita USD10,060 iaitu melebihi 260% atau 2.6 kali ganda bila dibandingkan dengan KDNK per kapita Singapura USD56,319 ia melebihi kita sebanyak 500% atau lima kali ganda.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Oh! dahsyat.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Jadi, kita macam saya katalah, Korea Selatan ada Samsung ada Hyundai...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sungai Petani, bangun.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Yang Berhormat Permatang Pauh?

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Ya, silakan.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Permatang Pauh ada sebut tadi kalau pada tahun 70-an, pernah Korea Selatan menghantar pegawai-pegawai mereka untuk datang ke Jabatan Perdana Menteri dan belajar bagaimanakah kita merangka *five years plan* kita. Saya masih ingat lagi Yang Berhormat Arau pada waktu itu, Yang Berhormat Arau juga pegawai kerajaan, menerima pegawai-pegawai daripada Korea Selatan dan kita *brief* pegawai-pegawai daripada Korea Selatan bagaimanakah untuk merencana *five years plan* kita.

Akan tetapi saya masih ingat lagi, Yang Berhormat Arau juga masih ingat, sebab apa yang berlaku Tuan Yang di-Pertua dan saya hendak minta Yang Berhormat Permatang Pauh komen bahawa yang penting di Korea Selatan, Kerajaan Korea Selatan memberikan satu input yang kuat terhadap *human resource* dia. Iaitu bagaimana rakyat Korea Selatan dibina keyakinan bahawa walaupun mereka tidak mempunyai *resources* tetapi rakyatnya mampu bangun dan mengembangkan ekonomi dia.

Maknanya di sini, apa yang berlaku ialah kerajaan mengambil segala bentuk inisiatif untuk memastikan rakyat dia mempunyai *dream*. Rakyat Korea Selatan mempunyai *dream* untuk membangunkan negara dia walaupun *resources* agak *limited*. Jadi, bersetujukah Yang Berhormat Permatang Pauh dengan saya bahawa apa yang berlaku di Malaysia ini, *dream* kita pun telah mati, rakyat tidak nampak ke mana dia hendak pergi.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Jadi tikar.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** [Bangun]

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Bukan sahaja jerebu tetapi dia tidak mempunyai *dream*. Oleh kerana tidak ada- Timbalan Menteri macam inilah, sekurang-kurangnya memberikan semangat tetapi Timbalan Menteri yang mengomen di belakang. Dia sepatutnya mengomen di depan memberikan positif tetapi tidak. Bagaimana pendapat Yang Berhormat Permatang Pauh tentang ini? Terima kasih. [Dewan riuh]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Indera Mahkota bangun.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat masa mula-mula kita mencapai kemerdekaan tahun 1957, *income per capita*... Ya? Jauh sikit. *Income per capita* Malaya ketika itu tahun 1957 adalah tiga kali ganda di atas *income per capita* Korea Selatan. Akan tetapi hari ini saya difahamkan

sudah empat lima kali ganda *income per capita* Korea mengatasi kita. Saya tidak tahu apa pandangan Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Saya dengar Ampang kata Korea tidak ada UMNO. *[Ketawa] [Dewan riuh] [Tepuk]*

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** *This is the best of the best.*

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan [Permatang Pauh]:** Baguslah Korea Selatan datang belajar daripada kita Tuan Yang di-Pertua tetapi kita tengok untuk Korea Selatan kita tanya ingat Winter Sonata sahaja.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]:** Korea pun tidak ada DAP.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Apa hendak belajar. Baguslah kalau kita ingat, insaf ya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Apa pun lain daripada kita mestilah...Ha, Tuan Yang di-Pertua silakan. *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri hendak bangun Yang Berhormat.

*[Dewan riuh]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Fasal dia Yang Berhormat Permatang Pauh sebut nama saya. Saya tahu dia rindu saya, saya pun rindu dia, okey.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Yang Berhormat Menteri saya tidak sebut, yang sebut lain.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Oh, yang sebut orang lain. Okey. Jadi Yang Berhormat tidak rindu, okey, *alright*. Yang Berhormat Lembah Pantai rindu, cukup. Okey. Macam ini, Yang Berhormat, kalau UMNO tidak ada di Korea, DAP pun tidak ada, PKR pun tidak ada. Jadi, Korea memperkenalkan *saemaul undong*. Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat, memperkenalkan *saemaul undong* di mana semangat satu Korea. Tidak ada orang Korea pergi ke luar negara cerita buruk fasal Korea. *[Dewan riuh]*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *[Menyampuk]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Kalau kita katakan bahawa Malaysia tidak ada *dream...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** ...Ahli-ahli Yang Berhormat telah dapat elaun baharu.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Siapa Menteri ini Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Elaun Ahli Parlimen yang baru, tidak ada *dream*kah lagi? Diberi elaun ini ialah untuk kita membicarakan dengan semangat 1Malaysia.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Permatang Pauh. Bersekali. Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Permatang Pauh bagi *chance* lah kita cakap sini. Yang Berhormat Permatang Pauh, Kota Tinggi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sungai Petani, yang lain duduk.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Baik, terima kasih.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Okey, terima kasih Kota Tinggi. Kota Tinggi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dia bagi Yang Berhormat Sungai Petani Yang Berhormat.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Tidak bagi *chance*.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Ya, saya dahulu.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Tidak bagi *chance*.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Tidak lepas...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Bagilah, saya pun hormat. Lagipun tidak ramai datang ini.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Saya tidak nampak.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Okey, boleh, terima kasih. Saya berdiri, terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi sayakah siapa ini? Bagi sana? Terima kasih.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat lagi semasa bertugas di Korea pada penghujung tahun 80-an. Hampir setiap hujung minggu Yang Berhormat Arau, hampir setiap hujung minggu pelajar universiti dan *trade unionist* akan keluar ke jalan-jalan raya dan mereka akan berdemonstrasi, *[Disampuk] [Tepuk]* dan cara demonstrasi itu *very regimented*. Ini kerana inilah rakyat yang akan memberikan isyarat kepada kerajaan supaya membetulkan kerajaan. Sama ada rasuahkah ataupun *malpractice* dan setiap minggu ribuan yang akan keluar berdemonstrasi. Hinggalah kerajaan mendengar apakah yang dimaksudkan oleh pelajar ataupun *trade unionist*. Inilah kekuatan Korea Selatan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *[Tepuk]*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Ya, okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Kota Tinggi. Sudah habis dia, dia tidak jadi tanya.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Permatang Pauh, 1Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Batu.

■1250

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Terima kasih. Saya anggap masalah yang telah disebut oleh Yang Berhormat Arau tadi menunjukkan bahawa Menteri pun tidak ada pengetahuan dunia. Bukan sahaja Korea ada satu, tapi ada dua Korea. Korea bukan satu negara yang dipimpin oleh pegawai-pegawai dunia... *[Disampuk]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya rasa saya... *[Menyampuk]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Siapa Yang Berhormat, siapa? *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sabar dulu, Yang Berhormat. Jangan mencelah Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Sebab PBB di seluruh dunia, rekod hak asasi manusia Korea sentiasa dibincang di peringkat antarabangsa dan pembangkangnya sentiasa ke luar negara untuk menyatakan penentangan bantahan mereka terhadap rekod hak asasi manusia. Semua perkara ini menjadikan Korea lebih maju dan lebih terbuka. Takkanlah Menteri tidak faham, inilah terbukti saya hendak dapatkan pandangan. Terbuktilah Korea ini tidak ada UMNO untuk menjadikan mereka maju. *[Dewan riuh]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun]*

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Tak bagi, tadi Yang Berhormat Kota Tinggi tadi tak sempat nak menjawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar, ya.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Bercakap tentang 1Malaysia ini, Yang Berhormat Permatang Pauh, saya nampak Yang Berhormat Arau dan juga Barisan Nasional menggunakan pada tahap-tahap dan tempat-tempat tertentu sahaja. Kalau di sini, 1Malaysia, kalau dalam menghadapi orang ramai, berbilang kaum, 1Malaysia, tetapi dalam persidangan UMNO, mahupun dalam kalangan orang-orang tertentu dia kata orang India boleh balik India, orang Cina boleh balik Cina. 1Malaysia mana ini? *[Dewan riuh]* Masa lepak dengan orang Cina, tidak ada 1Malaysia. Ha Yang Berhormat Arau lagi, lepak orang Cina tak ada 1Malaysia. *[Dewan riuh]* Ulasan Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Okey, bagi Yang Berhormat Shah Alam lagi?

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Kalau Yang Berhormat Shah Alam, saya akan bagi dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Okey bagi Yang Berhormat Shah Alam Yang Berhormat.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** *[Menyampuk]*  
Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Permatang Pauh bagi Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Klang permata, UMNO tidak pernah buat macam itu.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Bukan Permata, Yang Berhormat Kapar. Permata yang sana itu. *[Dewan riuh]*

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ibu permata, bapa permata itu Pekan, bukan saya.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Sudah, sudah. Eh Yang Berhormat hormat sikit.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Perhimpunan UMNO tidak pernah buat macam itu. Kami tahu, kami memerintah, buat apa kami nak hambat-hambat orang? Yang buat kacau itu, orang minoriti, kacau orang majoriti. Yang Berhormat, dia tidak pernah sebut, tambah-tambah orang India. *[Disampuk]*

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Menteri, yang lempang orang itu, Menteri tahu? *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, ya Yang Berhormat Permatang Pauh bagi Yang Berhormat Shah Alam Yang Berhormat. Yang lain duduk ya. Ya, Yang Berhormat Shah Alam.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang ini, Yang Berhormat Shah Alam bangun buat apa?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Permatang Pauh bagi laluan. *[Ketawa]* Yang Berhormat Permatang Pauh, bagi laluan pada saya, bukan pada Yang Berhormat Arau. Ya, saya dengar la apa yang dicakap oleh Yang Berhormat Arau tetapi hakikatnya apabila ada orang-orang UMNO dan Ahli-ahli UMNO yang buat demonstrasi yang bersifat perkauman, mereka tidak kena Akta Hasutan, yang kena orang macam kami, yang menyeru kepada satu pentadbiran, pemerintahan dan pengurusan yang jauh lebih baik. Mereka yang menimbulkan persoalan kaum, perkauman dan sebagainya tidak ada apa-apa tindakan. Saya nak sebut di sini punca wujudnya UMNO di Malaysia ini...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Dengan UMNO selamat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Dibandingkan dengan keadaan di Korea adalah amat relevan kerana UMNO adalah kerajaan yang memerintah dan kegagalan untuk mengurus kewangan dan ekonomi, tidak boleh disalahkan kepada pembangkang. Ia kena disalahkan pada pihak kerajaan dan inilah masalahnya selama ini Kerajaan UMNO Barisan Nasional tidak mahu ambil tanggungjawab atas kegagalan yang nyata dan jelas. *[Dewan riuh]*

Nak salahkan orang lain. Nak salahkan DAP, nak salahkan Yang Berhormat Datuk Seri Anwar Ibrahim, nak salahkan PAS, nak salahkan Khalid Samad, nak salahkan PKR, hakikatnya UMNO yang bertanggungjawab.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Arau, duduklah Yang Berhormat Arau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan lagi Yang Berhormat. Tarik balik Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ini adalah satu usaha untuk menolak bajet ini supaya kita boleh ada perubahan di peringkat kepimpinan dan pemerintahan yang telah jelas gagal. *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Bagi jalan Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Kota Tinggi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah habis dah Yang Berhormat.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Permatang Pauh, sekejap sahaja. Bagilah peluang. Nak bantai-bantai, kita cakap sahaja.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Ya saya, lain kali saya bagi tak nak bangun.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Bagilah peluang.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Saya tidak ada masa, lima minit sahaja.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Masa berleter boleh, dengar fakta tidak mahu. *[Dewan riuh]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Bahas nanti, bahas nanti. Duduk, duduk!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar, duduk. Ya, Yang Berhormat Permatang Pauh, teruskan.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *[Dewan riuh]* Tadi orang bagi tak nak bangun. Okeylah, itulah yang sebab saya masukkan kehilangan potensi KDNK Malaysia iaitu GMP *Potential loss*. Sebabnya kita patut mendapatkan 500% lebih baik tetapi kita hanya mendapat 10,060 sekarang berbanding apa yang kita boleh dapat USD50,000 kalau kita betul-betul dapatkan apa yang kita inginkan. Analisa pembangunan sosial pula, menyaksikan kesenjangan pendapatan dan kekayaan masih melebar.

Banyak lagi yang perlu dilakukan untuk menjadikan pembangunan negara lebih *inclusive* dan bukan *exclusive* yang menguntungkan segelintir rakyat sahaja. Ini kalau kita buatkan teguran, terimalah. Apa salahnya? Macam Perdana Menteri, Yang Berhormat Pekan pun berkata manusia biasa, jadi kita bagi teguran ini, terimalah. Kita ada fakta-fakta menunjukkan. Kita sudah menghampiri batasan pertumbuhan ekonomi berdasarkan model ekonomi yang sedia ada. *Units*



of *Economic Growth*, dengan izin. Oleh itu, satu pendekatan baru untuk mencetuskan satu perubahan besar penstrukturan khusus ekonomi mesti dilakukan.

Jika kita mahu membina sebuah negara yang lebih maju dan *inclusive* dalam suasana ekonomi global yang muram ini. Jangan semua orang asyik-asyik satu kaum sahaja, yang lain tidak boleh. Tidak boleh itu, kalau tidak Allah tidak buat kita lain-lain. Hari ini adalah hari yang ke 259 saudara Anwar Ibrahim dipenjarakan. [*Dewan riu*] Selain aib, difitnah dan dinafikan hak rawatan pilihan, izinkan saya mengambil kesempatan pada hari ini untuk mengingatkan bahawa beliau telah mengemukakan agenda Ekonomi Baru 2008 sebagai satu dasar pembangunan sosioekonomi mampan dan *inclusive* yang berteraskan konsep enam D.

*Decentralization, divestment, deprivatization, diversification, distribution of justice* dan *democratization* pendemokrasian *decentralization*. Dalam hal ini kita mencadangkan agar dibina pentadbiran secara yang lebih efektif dan efisien, di mana bidang kuasa berpatutan diagihkan kepada kerajaan-kerajaan negeri dan tidak tertumpu kepada Kerajaan Pusat, termasuk menambahbaikkan menambahkan pengagihan kutipan cukai-cukai dengan kerajaan negeri.

Adalah dicadangkan Perjanjian Malaysia 63 termasuk autonomi Sabah, Sarawak juga ditunaikan. Harus diberikan perhatian bahawa Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 19 Oktober 2015, telah menyatakan bahawa Perkara 1820 Sabah Sarawak hanyalah merupakan cadangan dan tidak mengikat, dia kata *wish list, non-binding*. Ini bermakna segala royalti minyak 20% dari Sarawak yang menggunakan perkara 18 oleh Ketua Menteri Sarawak seolah-olah ianya bermaksud tidak berasas. Kerajaan negeri mesti mendapat kepastian rasmi secara bertulis kerana ini akan memberikan rakyat Sarawak pencerahan muktamad mengenai perjanjian sejak 1963.

Adalah dicadangkan pilihan raya kelolaan tempatan mesti dikembalikan untuk meningkatkan keberkesanan dan *accountability* urus tadbir di peringkat akar umbi. Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan agar ditambah dana kerajaan dengan melupuskan pegangan saham dalam syarikat-syarikat milik kerajaan GLC yang dianggarkan 36% nilai pasaran saham bernilai lebih 500 bilion daripada anggaran 1.5 trilion keseluruhan nilai pasaran. Saya mencadangkan membeli balik daripada milik swasta kepada milik awam, semua konsesi, penjana elektrik bebas, IPP, perkhidmatan bekalan air, lebuhraya bertol dan perkhidmatan jalur lebar agar dapat menurunkan kos kepada rakyat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, kalau ikut tadi, satu jam setengah, malangnya Yang Berhormat ada enam minit. Kita terpaksa berhenti jam satu dan bersambung enam minit petang nanti. *Just six minutes only.*

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Ada setengah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *Are you want to finish it?*

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Sikit sahaja. *Or you want me to finish or wait for 2.30?*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *Only six minutes.* Selepas 2.30 petang, okey?

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail Permatang Pauh]:** Baiklah, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Baiklah, sambung enam minit selepas jam 2.30 petang nanti. Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang nanti.

**[Mesyuarat dtempohkan hingga jam 2.30 petang]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk. Saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Permatang Pauh ada lagi enam minit untuk berhujah. Jadi sebelum saya jemput Yang Berhormat Permatang Pauh berhujah, saya ingin mengingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin untuk berhujah bahawa tuntutan keadilan itu, jangan longgokkan semua di atas bahu saya.

Ahli-ahli Yang Berhormat juga harus bersikap adil yang mana apabila berhujah nanti, sekali-sekala tengoklah jam itu. Kalau tidak perlu untuk berhujah panjang lebar, setengah jam *just the right time*. Kalau di Eropah, setengah jam *is a long speech* sebab teman-teman yang lain mahu berhujah juga, supaya tidak perlu saya dan timbalan-timbalan untuk *cut time as we progress the meeting*. Itu satu.

Kedua, kalau boleh kita elakkan budaya baru yang mana kita terpaksa bersidang sehingga jam empat pagi. *Today I was told that* usul sudah pun dibuat bahawa kita bersidang sampai pukul 7.30 petang. *It is just the first day*. Jadi kalau boleh setiap kita, apabila berhujah, memikirkan teman-teman lain yang juga telah *prepare speech* masing-masing. Jadi, *keep it reasonably short as possible as long as the message is delivered* begitu. *Do not try to cover all aspects of the speeches of the Prime Minister*. Setiap Ahli Yang Berhormat itu fokus kepada satu poin. *Then, tell the others that did talk about some other points*. Okey.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Tuan Yang di-Pertua, sebab kita punya hari persidangan itu untuk perbahasan di peringkat dasar telah dikurangkan daripada lapan hari hingga ke enam hari, jadi, saya rasa perlu ada perbincangan antara Whip dengan pihak Speaker bagaimana kita mengelakkan perkara ini daripada berlaku untuk persidangan-persidangan akan datang terutamanya untuk sesi belanjawan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, terima kasih. Yang Berhormat, itu sebab kenapa saya beria-ia sangat untuk buat reformasi kepada prosedur yang harus kita buat. Sehingga itu dapat kita buat, mudah-mudahan dapat dipersetujui untuk tahun depan bahawa kita ada mekanisme yang lain yang kita masukkan dalam peraturan mesyuarat.

Saya tidak boleh berbuat apa-apa. Itu sebab antara lain dalam jawatankuasa, kita kata mesti ada *Business Committee*, ada perundingan sedemikiannya. Akan tetapi, kalau kita melangkah pun tidak boleh kita langkah umpamanya dengan cara terburu-buru. Kalau tidak nanti kita tergelincir, kita jatuh. *Let it's be like evolution*. Jadi itu semua saya ambil kira.

*But at least start what we can do first.* Apa yang boleh kita buat sekarang, setiap penghujah itu kita *acclimatise* kepada keadaan nanti tahun depan iaitu apabila bertanya soalan dalam satu minit, Menteri menjawab dalam dua minit. Kalau kita tidak mula *training* daripada sekarang, *it would be "impossible" to do by next year.* So, mulai daripada sekarang ini, kita *train* kita punya diri kalau tidak perlu ganggu teman, janganlah ganggu. Biarlah teman itu berhujah. Kalau ada perkara yang perlu untuk juga ditanya, tanyalah dengan cara baik.

Ia macam waktu kita berbahas minggu lalu mengenai dengan apa yang berlaku pada Yang Berhormat Gelang Patah. *Nothing personal.* Akan tetapi apabila ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mempertahankan hujah, tidak perlu mengeluarkan perkataan-perkataan seperti 'binatang' dan sedemikiannya. *[Disampuk]* Walaupun sudah tarik balik. Kalau misal kata itu tidak dihujah, tiada keperluan untuk tarik balik begitu.

Jadi standard itu bagi saya, kalau perkara yang kita tidak sanggup untuk berhujah di luar, apabila sembang-sembang di luar secara baik, *informal occasion*, kalau kita tidak berani mengeluarkan berkata seperti begitu, kenapa kita tergamak keluar dalam Dewan perbahasan? Adakah Dewan perbahasan ini mempunyai jin, hantu, jembalang yang merasuk kita yang langsung kita tidak boleh tepis? Bukan semua bersikap begitu tetapi *control, exercise control* begitu. Itu sebab kadang-kadang apabila saya buat *ruling*, terpaksa saya tinggi suara.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau saya tidak tinggi suara, suara Yang Berhormat Pokok Sena terlampau lantang, jadi terpaksa saya bagi tinggi lagi. Sekarang belum saya selesai berhujah sudah Yang Berhormat Pokok Sena berdiri. Sila Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Apa yang Tuan Yang di-Pertua sebut tentang hal reformasi, itu tahun depan. Itu pun belum pasti apakah ia akan jadi kenyataan ataupun tidak.

Akan tetapi apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Seremban tadi, saya sudah membangkit kepada Timbalan Yang di-Pertua sebelum ini supaya dipertimbangkan kembali untuk perbahasan di peringkat dasar ini, kita balik kepada lapan hari seperti biasa untuk menjimatkan masa supaya kita tidak berlarut sampai ke jauh malam. Mohon Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, terima kasih. Itu semua kita sudah ambil kira Yang Berhormat. Kadang-kadang umpamanya macam dalam persidangan kita kali ini, kita ada cuti satu minggu oleh kerana Deepavali. Selepas itu di hujung tahun, itu harus kita ambil kira kerana hujung tahun itu adalah cuti sekolah. Jadi ada keluarga-keluarga yang mahu bercuti dengan anak-anak. Selepas itu *Senate* pun selepas kita bersidang.

Jadi kalau kita jalankan tugas pun, biarlah kita menjalankan tugas secara *smart. Lets work smartly*, kalau kita boleh lakukan. Kalau masa kita layan, apabila kita berhujah, seorang berucap dua jam hingga tiga jam, jangan bilang lapan hari, 80 hari pun belum cukup. *It will never been enough.* Begitu. Jadi ini macam *traffic jam*. Macam mana pun buat jalan raya berlingkar,

kalau kereta banyak oleh kerana negara maju, *jam* juga. Mesti ada polisi-polisi tertentu. Sila, sila. Sila Yang Berhormat Permatang Pauh.

## 2.49 ptg.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada sedikit sahaja lagi. Tadi saya berhenti tetapi saya hendak ulangi sedikit. Saya mencadangkan Tuan Yang di-Pertua agar ditambah dana kerajaan dengan melupuskan pegangan saham dalam syarikat-syarikat milik kerajaan (GLC) yang dianggarkan 36% daripada nilai pasaran saham bernilai lebih RM500 bilion daripada anggaran RM1.5 trilion keseluruhan nilai pasaran.

Satu lagi 'D' adalah *deprivatization* pembelian kembali aset utiliti asas sebagai monopoli awam. Saya mencadangkan dibeli kembali daripada milik swasta kepada milik awam semua konsesi penjana elektrik bebas (*independent power producers*), dengan izin, perkhidmatan bekalan air, lebuhraya bertol (*toll highways*) dan perkhidmatan jalur lebar (*broadband services*) agar dapat menurunkan kos kepada rakyat.

### ■1440

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan penggunaan satu skim sukuk di *Islamic bond* untuk utiliti asas yang dibuka juga kepada rakyat untuk mencarum agar dapat membantu membiayai pembelian balik utiliti-utiliti awam.

"D", yang keempat *diverse indication*, keupayaan kepelbagaian ekonomi Tuan Yang di-Pertua. Saya menyarankan usaha menambah baik daya saing antarabangsa, *international competitiveness* dan mengurangkan pergantungan pada sektor minyak dan gas, sektor pembuatan *original equipment manufacture (OEM)*, elektrik dan elektronik dan sektor komoditi asas.

Saya mencadangkan Skim Pengupayaan Daya Saing Ekonomi iaitu dengan rangkuman tujuh elemen pengupayaan asas diperuntukkan dana yang mencukupi iaitu:

- (i) inovasi;
- (ii) pendidikan bertaraf dunia berkualiti. Jangan sahaja kita bertaraf dunia 1MDB yang dikenali sampai *Wall Street Journal* yang memalukan;
- (iii) pembangunan sumber manusia berkemahiran tinggi;
- (iv) meningkatkan produktiviti;
- (v) perkembangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) menjadi syarikat multinasional;
- (vi) pertumbuhan hijau mesra alam; dan
- (vii) ekosistem perundangan efisien, mesra perniagaan dan anti monopoli.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyarankan *distributive justice* iaitu pengagihan sumber adil. Saya mencadangkan dibentuk penstabil fiskal automatik iaitu *automatic fiscal stabilizer* yang menjamin kutipan hasil cukai pendapatan progresif, *progressive tax revenue based* dan pengagihan perbelanjaan belanjawan kerajaan yang adil, *equal opportunity of social*

*mobility* dan merapatkan kesenjangan pendapatan dan kekayaan iaitu dengan izin *reducing income and wealth inequality*. Jangan yang kaya bertambah kaya, yang miskin papa kedana.

Melalui penstrukturan sistem percukaian progresif dan tiga skim baru iaitu skim bantuan asas sosial nasional, skim insurans pekerja nasional dan skim bantuan pelaksanaan gaji minimum untuk memperkukuhkan pembangunan sosial ekonomi negara dari segi mengekalkan permintaan agregat iaitu *aggregate demand* ketika berlakunya penurunan pertumbuhan ekonomi secara automatik.

D, yang keenam *democratization*, pendemokrasian. Saya menyarankan pemulihan amalan demokrasi agar tata kelola urus tadbir, *good governance* dan timbang tara, *check and balance* bagi memelihara keutamaan rakyat di dalam pembangunan negara melalui pendekatan tersebut. Pertama, memulihkan iaitu *restore* dan mengesahkan kembali, *reaffirm* keluhuran perlembagaan atau prinsip keutamaan Perlembagaan Persekutuan, *Federal Constitution transparency* di dalam perjalanan sistem perundangan oleh badan kehakiman yang bebas. Kedua, memulihkan, *restore* dan memperbaiki, *improve* sistem pilihan raya umum dan negeri yang lebih adil, telus dan bersih yang menjadi asas utama hak rakyat memilih kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita fikirkan sistem pilihan raya umum yang ada sekarang, pendaftaran kita tidak ada yang automatik. Kadang kita daftar tidak tahu entah ke mana, orang lain boleh daftarkan walaupun dikatakan semua boleh daftar. Menurunkan umur pengundi kepada 18 tahun, persempadanan semula dan peratusan perbezaan pengundi antara kawasan Parlimen yang tidak melebihi 15% Tuan Yang di-Pertua, serta nisbah 60:40 untuk kawasan Parlimen dalam bandar dan luar bandar, *urban* dan *rural seats* dan pembasmian undi awal dan pos dalam negara.

Sebab apa, kadang undi awal ini tidak diawasi Tuan Yang di-Pertua. Diletakkan satu tempat dan calon tidak dibenarkan mengikut dan siapa yang menjaganya. Tanpa pengawasan ini kita sangsi dengan undi-undi awal yang telah diambil. Penggunaan daftar pemilih yang disertakan gambar pemilih. Kadang balik tukar baju, datang balik dengan nama lain boleh mengundi. Ini ada berlaku, ada kes-kes yang berlaku yang membuatkan kita sangsi dengan keputusan pilihan raya umum negara kita ini. Sistem perdebatan perdana secara langsung diberikan kebebasan media, kesamarataan, akses untuk media tiap-tiap daripada pembangkang, daripada mana-mana parti politik. Itu barulah boleh memberikan rakyat kebebasan untuk memilih.

Penerimaan dana politik Tuan Yang di-Pertua. Dana politik ini penting sebab kalau kita hendak tahu manalah orang yang memberikan, pemberian RM2.1 bilion itu yang dikatakan digunakan untuk pilihan raya. Kita pun hendak tahu juga.

**Beberapa Ahli:** RM2.6 bilion.

**Datuk Seri Dari. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** RM2.6 bilion, eh silap. Kita hendak tanyalah ya. Jadi, memulihkan dan memperbaiki sistem pilihan raya umum dalam negeri yang lebih adil, telus dan bersih yang menjadi asas paling utama hak rakyat memilih kerajaan.

Ketiga Tuan Yang di-Pertua, pemilihan dan penambahbaikan sistem perjalanan Parlimen itu sendiri yang dekat di hati Tuan Yang di-Pertua bahawa kita hendakkan *Parliamentary Reform*. Kembalikan balik Akta Perkhidmatan Parlimen 1963, Penubuhan Jawatankuasa-jawatankuasa Parlimen yang tidak termasuk PAC, yang sendiri rujuk dasar fiskal, Jawatankuasa Perkhidmatan Awam, Jawatankuasa Perundangan, Jawatankuasa Ekonomi dan Perdagangan, Jawatankuasa Pertahanan dan Keselamatan, Jawatankuasa Pendidikan dan Kesihatan, Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar dan Luar Bandar, Jawatankuasa Alam Sekitar dan Teknologi Hijau, dan Jawatankuasa Khidmat Masyarakat, Keluarga, Wanita dan Kanak-kanak dan Belia. Ini adalah milik yang ada. Kita lalunya Tuan Yang di-Pertua dan kita mesti menambahbaikkan apa yang kita ada.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Boleh sedikit?

**Datuk Seri Dari. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Sedikit sahaja, saya ada enam minit.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Yang Berhormat Permatang Pauh, dalam Jawatankuasa Dewan memang beberapa jawatankuasa yang disebut oleh Yang Berhormat Permatang Pauh telah pun dicadangkan. Saya pohon supaya Yang Berhormat Permatang Pauh menegaskan supaya mengharapkan bahawa Jawatankuasa Dewan ini dapat membawa pembaharuan ini secepat mungkin dan supaya memastikan pihak kerajaan melaksanakan dan menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa itu secepat mungkin. Terima kasih.

**Datuk Seri Dari. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih Yang Berhormat Seremban. Memang begitu sebab itulah dalam ucapan saya hendak akhir dah jadi kerana kita hendak berikan keutamaan dan penekanan Tuan Yang di-Pertua.

Keempatnya, saya hendak menambahbaikkan sistem pemantauan urus tadbir kerajaan. Sekarang ini kita tengok macam kerajaan ini macam sudah hilang integritinya dan ini kita kena kembalikan sesiapa pun yang menjadi kerajaan. Bukan kerana kita belah sini dan mereka belah sana. Tidak, kita hendak menjaga nama baik Malaysia, Kerajaan Malaysia. Ini yang kita sarankan supaya mengembalikan, mewujudkan Suruhanjaya Perkhidmatan Bebas untuk empat Suruhanjaya Pemantauan Tata Kelola Asas (*Basic Governance and Monitoring Commission*) seperti Suruhanjaya Pilihan Raya, Suruhanjaya Pencegah Rasuah. Mereka tidaklah dikacau gugat. Tidaklah macam kuasa Eksekutif boleh ditukar-tukar orang.

Itu memberikan satu gambaran integriti yang tidak boleh dipercayai. Tidak ada integritilah maksudnya dan melaksanakan semua hasil, saranan macam RCI seperti dalam kes V.K. Lingam mengenai kebebasan kehakiman, penambahbaikan perkhidmatan polis untuk penubuhan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) dan kes projek IC di Sabah. Kita juga melaksanakan Akta Kebebasan Maklumat, menubuhkan Suruhanjaya Perjanjian Awam Malaysia (*Independent Public Contract Commission*) dan Suruhanjaya Perpaduan Nasional (*National Unity Commission*) yang akan menjadi suruhanjaya. Kelima dan keenam, Suruhanjaya-suruhanjaya Pemantauan Tata Kelola Asas (*Basic Governance and Monitoring Commission*) ini. Ini kerana

sekarang ini kalau kita melihat janganlah rakyat Malaysia dipisahkan, digunakan ras, digunakan pemisah antara kita ini dan menjadikan kita curiga antara satu sama lain. Ini adalah satu pencetus yang tidak boleh kita *condor* dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, untuk penutup Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang dimuliakan ini. *Alhamdulillah*, fakta sudah diberi.

#### ■1450

Hujah sudah dibuat dan hanya tinggal adalah bertanyakan kepada hati nurani tempat letaknya 'vanil' setiap insan, *ask your conscience* dengan izin, tanya hati sendiri, tanya 'vanil'. Saya membaca maksud Firman Allah dalam Surah Az-Zumar, ayat 54 yang bermaksud "Dan kembalilah kamu kepada Tuhan kamu dengan bertaubat serta berserah bulat-bulat kepadaNya sebelum kamu didatangi azab kerana sesungguhnya itu kamu tidak akan lagi diberikan pertolongan", Az-Zumar, ayat 54.

Maka dengan ini Tuan Yang di-Pertua, akhir kalam saya mengajak kepada *Wahdatul Fikri* yakni kesatuan keseluruhan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini yang berani untuk mengetepikan perbezaan politik, tidak kira jawatan, tidak kiralah apa-apa pegangan, jawatan hanya di dunia. Ingat, kita akan ditanya di akhirat esok. Mengetepikan perbezaan politik dan meletakkan kepentingan negara dan rakyat mengatasi segala-galanya untuk Malaysia yang kita cintai ini. Inilah tanah tumpah darah kita. Bajet 2016 ini yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Pekan adalah belanjawan yang banyak tersasar, tidak memenuhi *maqasid* belanjawan. *[Tepuk]* Ini adalah bajet yang tidak menyejahterakan rakyat tetapi sebaliknya ia memiskinkan rakyat, mendera dan menghampakan rakyat. *[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat jangan ganggu dengan cara sebegitu. Kalau nanti datang giliran untuk berhujah, berhujahlah, sila.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Ahli Yang Berhormat mungkin tidak terasa kerana Ahli Yang Berhormat tidak terasa orang yang terhimpit. Saya berdiri di sini membawa sedikit suara rakyat, apakah tidak mempunyai kesabaran? Apakah tidak 'vanil' untuk melihat mata hati rakyat di bawah? *[Tepuk]* Ini adalah bajet yang merupakan talian hayat terakhir untuk menyelamatkan Yang Amat Berhormat Pekan. Kita tidak harus mempertahankan dan mengekalkan seorang manusia yang rakus tanpa akauntabiliti dengan membiarkan dan mengorbankan kepentingan 30 juta orang rakyat yang lain. *[Tepuk]*

Sewajarnya Bajet 2016 ditolak dan Yang Amat Berhormat Pekan digesa meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri *[Tepuk]* bukan sahaja Perdana Menteri tetapi merangkap Menteri Kewangan dan Pengerusi, Penasihat 1MDB. Bagi mengembalikan keyakinan rakyat serta keyakinan dunia sebelum kita semua tenggelam kapal yang sudah penuh dengan janji-janji berlubang, sarat memikul beban sauh 1MDB yang bernakhodakan insan yang nyata masih belum menjiwai An-Nisa, ayat 58. *[Tepuk]* Tolak bajet, tolak Yang Amat Berhormat Pekan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *[Tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Bagan Serai.

**2.54 ptg.**

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *[Berucap dalam bahasa Arab]* Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang dan ruang untuk sama-sama mengambil bahagian dalam Perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2016. *Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Saya melihat pembentangan bajet oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah satu bajet yang realistik dan sistematik. Realistik dan seimbang, menepati suasana ekonomi pada masa sekarang. Inilah satu bajet yang bertepatan dengan tujuan bajet tahunan dilakukan. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menghuraikan inti pati dan meneruskan perbahasan ini, saya ingin membawa Dewan untuk merenung sebentar pembentangan bajet tahunan yang diadakan pada tiap-tiap tahun lebih kurang pada bulan Oktober ini, apakah tujuan yang sebenarnya?

Inilah pembentangan yang mana 1Malaysia, rakyat dari segenap lapisan, perkhidmatan awam, petani, penoreh, nelayan, cikgu, profesor, doktor memberikan masa, menumpukan kepada pembentangan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Apa yang mereka cari?

**Seorang Ahli:** Kecewa, kecewa.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ada yang macam-macam boleh cari. Perkara bajet ini yang hampir 100 muka surat, semua diteliti. Mungkin bagi perkhidmatan awam akan tengok di belakang, tengok apa akan dapat di hujungnya tetapi ada juga yang mencuri lihat, tengok kalau-kalau ada 1MDB. Ada juga yang hendak cari tengok kalau-kalau ada GST, hendak hapuskan GST dan ada juga yang akan mungkin tengok untuk lihat kalau-kalau BR1M akan disambung.

**Seorang Ahli:** RM2.6 bilion.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ada juga yang cuba-cuba cari hendak tengok kalau-kalau ada gula-gula untuk dia. Kalau tidak disebut dia dalam bajet maka bajet itu tidak baguslah. Kalau sebut nama dia, kalau disebut apa yang dia dapat maka bajet itu jadi bagus.

Tuan Yang di-Pertua, inilah yang terjadi sebenarnya saban tahun di Malaysia, apa yang kita dapat, bukan apa yang sangat kerajaan hendak buat untuk rakyat. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah berjaya membentangkan satu bajet yang realistik dan seimbang. Ini bukan satu bajet yang saya dengar tadi macam *"Melepas batuk di tangga"*. Ini bajet telah dibuat dengan begitu lama, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuka media, *Facebook* dan *Twitter* dan ramai orang telah berhubung dan memberi input.

Ada yang sokong, ada yang tidak sokong, ada yang maki hamun dan telah diadakan berpuluh-puluh dana bagaimana kita hendak menyampaikan, kerajaan hendak membuat satu bajet yang akan dituruti oleh bajet-bajet yang akan datang menuju Wawasan 2020. Menuju



kerajaan yang maju, menuju negara yang berpendapatan tinggi, ini yang dilakukan. Ada orang kata melepas batuk di tangga.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Yang Berhormat Bagan Serai, pencerahan Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Melepas batuk di tangga ini, saya ingat...

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Pencerahan Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** ...Bajet yang macam ini dilakukan, kalau kita naik tangga. Contohnya saya beritahu, naik tangga Batu Caves, turun naik pun batuk tidak habis lagi. Naik tangga Menara KL umpamanya pun tidak habis lagi. Ini bajet yang dilakukan dengan penuh teliti, dengan penuh kesungguhan, dengan penuh iltizam dikatakan bajet melepas batuk di tangga, tidak makan ubat batuk ya. Makanlah *Ubat Batuk Cap Ibu dan Anak* sebab ibu anak ada.

Tuan Yang di-Pertua, peranan kerajaan bagaimana hendak menjana *income* dan bagaimana hendak membelanjakan untuk rakyat...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Kapar, dengar Batu Caves terus bangun, duduk.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Bukan.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Duduk, duduk, baru hendak *warm up* lah. *Please sit down* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Bajet tahunan satu tahun. Apabila kita kata bajet tahunan bermakna kerajaan melihat apa yang di depan, *looking in front* dengan izin dan untuk menuju kepada bajet yang lima tahun itu dalam RMKe-11 untuk cipta, untuk jadikan impian rakyat Malaysia satu kenyataan. [*Tepuk*]

Ini yang kita lihat dengan penuh serius. Apa yang terdekat?

#### ■1500

Saya hendak bagi gambaran ini. Ini penting. Tuan Yang di-Pertua, ini penting gambaran persepsi yang betul supaya jangan merepek macam apa saya dengar pagi tadi. Merepek-repek, jadi kita pening. Rakyat pun boleh jadi pening. Jadi kita hendak betulkan dahulu tentang bajet yang kita hendak buat.

Macam kita hendak pergi ke *Penanglah*. Saya ambil pergi ke *Penang* sebab ramai orang Penang sebelah sana. Hendak pergi Pulau Pinang, kita kena lalu, kita kena keluar dulu dekat tol sana, kan? Sampai Rawang, sampai Ipoh, sampai Bagan Serai- Bagan Serai kena sebutlah, Tuan Yang di-Pertua. Sampai Bagan Serai, sampai *Penang*. Sampai Bukit Mertajam, sampai *Penang*. Di pertengahan jalan itu ada macam-macam. Kita jangka kita boleh sampai dalam empat jam tetapi ia jadi lapan jam. Oleh sebab apa? Oleh sebab masa kita buat *planning*, kita jangka pada biasanya kita sampai empat jam tetapi apabila kita keluar dekat Rawang, *bad traffic jammed*, sesak jalan yang teruk, jadi kita tidak boleh buat apa-apa. Kita tidak boleh buat apa-apa. Kita keluar daripada tol sampai ke Rawang, ada *traffic jammed*, ada sesak lalu lintas. Hendak

boleh buat apa? Hendak keluar dari kereta duduk mogok? Hendak duduk tepi jalan, mogok? Tak boleh. Apabila kita sampai dekat, contohnya kita sampai Ipoh, mungkin kereta kita panas kah, kurang air kah, ada masalah yang tidak boleh diselesaikan. Apabila kita sampai ke tempat lain, kita jadi masalah.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** *[Bangun]*

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Apa yang saya hendak sampaikan di sini Tuan Yang di-Pertua, apabila kita telah letakkan apa di depan kita, bajet setahun tetapi di celah jalan itu ada hantukan-hantukan, ada *knocks* dengan izin...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya keluar sekejap. Apabila dia mula panggil saya balik.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ada hantukan-hantukan yang menyebabkan kita terpaksa *detour* jalan kita.

**Seorang Ahli:** Dia belum mula lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada tiga Ahli Yang Berhormat yang berdiri. Mana satu?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua, dia bagi saya dulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Lenggong, sila.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju apa yang hendak disampaikan oleh Yang Berhormat Bagan Serai. Dia sebut bahawa rakan-rakan di pihak sebelah sini, dia melihat bajet yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Pekan dalam bentuk negatif semua. Tadi Yang Berhormat Permatang Pauh sebut, "*Alah, RM500...*".

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Lenggong, kalau mencelah, jangan kasi *opinion* baru. *Opinion* itu harus ditumpangkan kepada yang berhujah.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Baik, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, dia melihat di sudut itu. Hakikatnya, bajet yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pekan ini cukup lengkap kerana melihat dari segala aspek. Daripada setinggi-tinggi sehinggalah penjaja yang menjual di tepi jalan pun diambil kira. Kalau sebut soal RM500, tengok dalam bajet, kenaikan gaji kepada kakitangan awam. Betul?

**Seorang Ahli:** Betul.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Kemudian, penambahbaikan kepada 252 skim perkhidmatan. Lagi, pencen naik. Lagi, apa lagi? Lantikan kepada kakitangan kontrak. Banyak perkara. Akan tetapi kalau sudah dilahirkan untuk lihat negatif, negatiflah yang ditengok.

Tadi disebut lagi- hendak tanya komen kepada Yang Berhormat Bagan Serai. Tadi disebut lagi, pertikai berapa kali bajet daripada Jabatan Perdana Menteri, kenapa JPM dia bagi

banyak, kenapa sikit-sikit JPM. Tidak tahu, saya ingat tidak tahu 'kot', Yang Berhormat Bagan Serai. JPM kalau kita tengok agensi dan jabatan sahaja, ada 45 agensi, Yang Berhormat. Kalau tengok syarikat-syarikat yang di tubuh misalnya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Lenggong. Ini bukan minta penjelasan oleh Yang Berhormat Lenggong, ini berhujah.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *[Ketawa]* Nak habis dah ini. Jadi Yang Berhormat Bagan Serai, setuju tidak kalau kita kata bahawa mereka hanya melihat negatif sahaja, tidak mahu langsung terima kenyataan realistik bahawa bajet ini amat bagus sekali?

**Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** Tambah sikit.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *[Bangun]*

**Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** Saya amati ucapan Yang Berhormat Permatang Pauh, amat berbeza dengan Yang Berhormat Permatang Pauh yang dahulu. Saya hendak tanya Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat Permatang Pauh pun tidak faham apa makna 'batok', apabila dia cakap batok itu dia *'ehem, ehem'* batok. 'Batok' sebenarnya itu adalah alat. Alat macam... *[Disampuk]*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Nak sebut baca ini batok-batok apa? Doktor ada di dalam.

**Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** Jadi kalau dia tidak faham 'batok' itu, adakah Yang Berhormat - macam mana dia hendak faham lebih mendalam lagi hal bajet kalau 'batok' pun dia tidak faham? Bukan batok *'kong kong'* itu.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Lenggong, terima kasih Yang Berhormat Mersing. Itulah sebab Tuan Yang di-Pertua, saya pada awal-awal lagi, daripada awal-awal lagi saya hendak kena betulkan dulu supaya kita dapat mengikuti perbahasan ini dengan minda yang betul. Kalau tidak, minda kita pun jadi berjerebu. Sudahlah dekat luar berjerebu, minda pun berjerebu. Jadi, jadi susah hendak ikut apa yang kita katakan.

Saya hendak ulang balik. Apabila kita *detour* daripada jalan kita, bukan bermakna kita patah balik. Akan tetapi kita mengambil jalan-jalan lain mengikut suasananya. Kita ada jalan. Kalau di Tapah umpamanya *jammed*, kita turun ke bawah ikut jalan biasa, kita naik balik *highway*. Janji kita menghala pada destinasi kita. Janji negara pergi kepada negara maju. Janji negara dapat menghasilkan rakyat yang berpendapatan tinggi. Jadi ini yang kita hendak ikut walaupun ada gangguan-gangguan suasana di tengah jalan. Kita terpaksa...

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Celahan Yang Berhormat Bagan Serai.

**Seorang Ahli:** Bagilah.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya baru mula Tuan Yang di-Pertua. Saya, memang mula saya dekat setengah jam.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua, berapa jam pun, biar berfaktalah, Tuan Yang di-Pertua. Kualiti pun tidak ada.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Berapa jam hendak mula?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ketiga-tiga berdiri, bagi laluan kah tidak?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tidak Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Bagi sana, tidak bagi sini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, kenapa saya kata...

**Tuan Yang di-Pertua:** Inilah demokrasi, Yang Berhormat. Kita boleh memilih-milih. Sila teruskan.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Bukan Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bagi tetapi saya hendak tengok kesabaran dia orang. [*Dewan riuh*] Sabar. Dengar dahulu, dengar dahulu.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Sabar? Aduh!

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tidak, bukan-bukan. Satu bajet yang realistik, maksud saya, bahawa bajet yang masuk akal. Bajet yang masuk akal, bajet yang boleh diterima. Baca sahaja, tengok apa yang telah berlaku, kita boleh terima. Kalau hari ini saya kata kita hendak pergi Pulau Pinang empat jam...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Eh, tadi sudah cakap.

**Seorang Ahli:** Berapa kalilah...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Kalau saya kata, kalau kita hendak pergi Pulau Pinang dengan kapal terbang satu jam, itu logik. Akan tetapi kalau saya kata hendak pergi ke London empat jam, itu tidak logik. Jadi ada bezanya. Ada logik. Sebab apa? Apa yang saya hendak gambarkan ialah satu bajet yang realistik, satu bajet menurut daripada pemahaman yang kita lihat- pendapatan. Kita tengok statistik.

Pendapatan negara tahun 2015, RM222.5 bilion, tahun 2016 dijangka RM225.7 bilion, kenaikan RM3.2 bilion. Kita lihat pada tahun 2010, semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mula menjadi Perdana Menteri, pendapatan adalah RM159.7 bilion, dan kita lihat kenaikan yang berlaku sejak tahun 2010 sampai tahun 2015 ini adalah hampir-hampir 40 peratus. Ini maknanya negara maju, pendapatan negara jadi lebih. Itu sebab saya suruh baca buku. Buku dapat, baca! Jangan tak tengok ini. Jangan tak tengok.

Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan pun tengok realistik. Tahun 2015, RM213.3 bilion; tahun 2016, RM215.2 bilion. Juga, perbelanjaan pembangunan: tahun 2015, RM47.4 bilion; tahun 2016 dijangka RM50 bilion. Ini semua adalah kenaikan yang logik, yang logik dilihat. Ini kerana kita sedang berhadapan dengan situasi-situasi yang saya katakan tadi sebagai hantukkan-hantukkan yang kita sendiri tidak tahu. Kita mana tahu hendak jadi macam ini. Kita mana tahu minyak hendak jatuh. Kita mana tahu komoditi lagi hendak jatuh. Kita mana tahu suasana di depan kita. Jadi, ini sebab kerajaan daripada awal lagi telah buka untuk input-input dan sebagainya supaya dapat menyediakan satu bajet yang baik sekali.

Tuan Yang di-Pertua, pendapatan naik, defisit fiskal turun. Defisit fiskal turun. Tahun 2009, apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri masuk, masa itu hampir tujuh peratus dan

keadaan peratus defisit ini menurun, menurun sehingga 3.2 peratus. Dijangka pada tahun hadapan adalah 3.1 peratus. Jadi inilah yang telah disebut dalam bajet ini kejayaan-kejayaan yang boleh dibanggakan. Ini berlaku dalam tempoh setengah dekad yang lepas. Kejayaan-kejayaan yang boleh dibanggakan oleh rakyat Malaysia.

■1510

Di saat ekonomi global rendah 3.1%, Malaysia terus dengan 5.3%. Ia dijangka akan menerus 4.5% hingga 5.5%. Di saat dan melihat defisit fiskal telah turun secara konsisten hingga 3.2. Melihat KPDNK, 4 hingga 5 *percent*. Dengan Transformasi Nasional, Dasar Transformasi Nasional kadar kemiskinan telah turun dari 3% kepada 0.6% sekarang yang kita lihat apa itu, kadar pengangguran juga telah turun 3.4% kepada 2.9%.

Hari ini kita lihat lima juta orang, rakyat di luar bandar menikmati segala kemudahan-kemudahan api, air dan sebagainya dan kerajaan sentiasa melihat apa yang terbaik. Begitu juga kemudahan-kemudahan lain seperti BR1M, Klinik 1Malaysia, Kedai 1Malaysia dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, tadi saya dengar dalam perbincangan pagi tadi. Kita cerita tentang defisit fiskal sedang turun berkadar dengan *consistently* 3.2% yang akan ke 3.1%.

Tapi apa yang kita dengar oleh kata ini janji 6% tidak jadi, mana janji. Inilah yang saya hendak katakan tadi. Kita "*detour*", kita hari ini sedang mengalami masalah-masalah semasa. Walau bagaimanapun, kita lihat sejarah negara Malaysia daripada 1970 sampai sekarang hanya beberapa tahun yang kita surplus. Ya, saya setuju tadi saya dengar semasa Dato' Seri Anwar masa itu surplus. Memang surplus. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, surplus atau defisit sebenarnya adakah betul-betul menampakkan ekonomi kita yang elok atau tidak elok.

18 tahun kita, beberapa tahun sahaja surplus yang lain defisit – yang lain ekonomi kita defisit. Ada kita susah?

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ada negara susah? Ada ekonomi susah?

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Ini cubaan keempat Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua. Berkira tentang surplus atau defisit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ada kalanya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pandan minat sangat Yang Berhormat Bagan Serai. Bagi laluan.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Silakan. Banyak pujuk Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Bagan Serai dalam ucapan setakat ini begitu yakin bahawa belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan ini dalam tempoh dua tiga tahun akan

menjadikan Malaysia sebuah negara maju seperti Wawasan 2020. Beliau juga nampaknya mempersoalkan keputusan keseluruhan penganalisa di seluruh dunia bahawa belanjawan defisit selamat 16 tahun berturut-turut itu satu perkara yang buruk. Kalau ia tidak buruk tidaklah Yang Amat Berhormat Pekan sehingga memotong semua peruntukan untuk mengurangkan defisit.

Jadi soalan saya, kepada Yang Berhormat Bagan Serai. Apakah Yang Berhormat Bagan Serai tidak bersetuju dengan pandangan mantan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad yang membuat Wawasan 2020 bahawa dengan cara pengurusan ekonomi, Yang Amat Berhormat Pekan sekarang negara kita tidak akan mencapai negara maju apatah lagi mencapai Wawasan 2020 dalam tahun 2020 nanti. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ini masalah bila belajar tidak habis. Bila belajar tidak habis rakyat kena tipulah. Tuan Yang di-Pertua, saya sedang ceritakan tentang sama ada defisit atau surplus itu adakah benar-benar menggugat? Kita sudah menjalani kehidupan kita, kita tahu. Kita jangan berselindung lagi. Ada masanya, memang perlu defisit, ada masanya.

Dalam krisis ekonomi 1997 – 1998, krisis ekonomi tahun 2009. Krisis yang teruk menyebabkan defisit kita ini hingga 57%. Kerajaan terpaksa berbelanja lebih untuk menyelamatkan rakyat, untuk menyelamatkan negara. Akan tetapi, daripada 5.7% kerajaan telah mengatur langkah turun satu demi satu sehingga 32%, ini tidak nampak ke? Pendapatan makin naik, defisit makin turun yang ini kenapa tidak nampak. Kenapa tidak nampak? Rosak cermin mata?

Tuan Yang di-Pertua, ada masanya kita perlu jadikan defisit. Kita bukan surplus. Ada masanya cuma terutamanya contohnya; seseorang yang mula bekerja dia beli kereta, surplus ke defisit? Lepas tiga empat tahun dia beli rumah, surplus ke defisit? Berapa orang yang surplus dekat sini? Yang beli rumah, beli kereta ataupun beli banyak rumah, atau beli banyak kereta tetapi dia surplus? Siapa dia? Ada masanya, kita defisit tetapi sebab kita defisit ada sebab dan ada tujuan. Itu sebab, orang beli rumah yang harga RM500,000 dia bukan ada duit RM500,000. Dia bukan ada duit RM500,000 – dia bayar perlahan-lahan selama 30 tahun. Jadi selama 30 tahun, bayar perlahan-lahan itu memang defisit tetapi defisit yang berdisiplin defisit yang terancang. Itulah yang dilakukan oleh Kerajaan Malaysia.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Labuan, Labuan.

**Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sini, sini Yang Berhormat Bagan Serai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Menarik dengan penceritaan berkaitan dengan defisit ataupun surplus ini. Kalau mengikut apa yang kita lihat daripada belanjawan yang dibuat sebelum ini dan belanjawan yang ada, defisit itu tidak menjadi perkara yang harus menjadi isu besar kerana dalam keadaan khususnya dalam keadaan ekonomi dunia yang tidak baik sekarang ini.

Jadi maknanya dalam keadaan ekonomi yang tidak baik, kerajaan harus berbelanja lebih daripada swasta. Sebab swasta tidak akan menyertai ekonomi itu secara agresif dalam keadaan ekonomi yang tidak baik. Akan tetapi, dalam keadaan ekonomi dunia baik, ekonomi negara baik. Maka swasta akan berperanan lebih besar daripada sektor awam. Jadi oleh sebab itu dalam keadaan tahun 2016, semua orang tahu bahawa iklim ekonomi dunia tidak secantik seperti biasa. Sebab itu kalau sekiranya kerajaan berbelanja lebih dan perbelanjaan itu bukan untuk mengurus tetapi untuk pembangunan. Ini tidak menjadi masalah, besar mana pun defisit itu berlaku. Akan tetapi, kalau kerajaan itu berbelanja dalam bentuk defisit tetapi defisit itu untuk membiayai gaji yang ini bahaya Tuan Yang di-Pertua. Tapi dalam keadaan bajet 2016 dan senario ekonomi yang ada semasa ini, kerajaan sudah mengambil langkah yang cukup bijak dan dari sumber dan harga minyak yang jatuh, pendapatan yang jatuh kerajaan masih lagi boleh merencana bajet yang boleh mencakupi segala sektor dan merentasi segala keadaan geografi yang sudah terangkum.

Jadi oleh sebab itu, tidak menjadi masalah keadaan defisit itu pun boleh lagi menurunkan defisit pada kadar yang berterusan dan ini meletakkan kita pada *rating agency* pada kedudukan yang baik. Jadi janganlah gusar sangat, yang dibangkitkan oleh pembangkang berkaitan dengan defisit itu kerana mereka memang tidak ada modal lagi. Terima kasih.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Jelebu.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Lualan sedikit Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, barulah sekarang saya rasa segar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bagan Serai duduk dulu Yang Berhormat Bagan Serai. Duduk. Saya ingatkan lagi kepada Yang Berhormat, kalau mencelah dengan cara begitu, hujah itu harus ditumpang kepada hujah yang sedang berhujah. Kalaupun kenyataan begitu pada penghujung biar kata "Setujukah Yang Berhormat?" setidak-tidak ada juga kaitan. Ini serupa dengan berbahas *independent opinion that you are putting*. Kalau macam itu tunggu giliran untuk berbahas. Sila Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Jadi saya minta Yang Berhormat Bagan Serai bersetuju kah dengan pandangan saya. Saya betulkan balik Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ya. saya bersetuju. Tuan Yang di-Pertua, mohon dimasukkan pendapat Yang Berhormat Jelebu tadi dalam perbahasan saya. Tadi saya cuba hendak bagi tahu

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Minta lualan sedikit. Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Barulah saya berasa segar. Saya dengar daripada pencerahan yang berakal. Ini pencerahan yang berakal – yang ada akal. Pencerahan yang ada akal. Jadi...

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Minta sedikit Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Walaupun dia datang dari Jelebu, tapi dia tidak berjerebu. Tuan Yang di-Pertua, sekejap ini baru hendak *start* balik. Saya masih lagi dekat tahap realistik tadi. Satu bajet yang realistik ikut suasana. Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini apa yang berlaku dekat dunia ini. Minyak jatuh.

■1520

Cerita minyak ini bukan di kawalan kita. Minyak dunia ini dia 'loyo'. Tahun 2008, USD140 satu tong. Wah, mewah. Menjunam tahun 2011, USD35 satu tong. Apa jadi? Kemudian ia naik balik pada awal 2014 USD120 satu tong, mewah balik, lega balik. Kemudian 2015 ia turun sehingga USD50 satu tong. Jadi keadaan yang tidak menentu. Ketidaktentuan harga minyak dunia menggugat kita.

Seperkara lagi Tuan Yang di-Pertua iaitu ekonomi dunia, *world economic crisis* yang telah bermula pada tahun 2008 – tahun 2009 *global financial economic crisis* di USA telah merebak ke Eropah. Pada tahun 2011 krisis ekonomi Eropah yang kita sebut yang kita dengar, Greece ataupun yang disebut Tuan Yang di-Pertua PIGS, tetapi ia bukan *pigs* khinzir atau babi, tetapi PIGS ini adalah *Portugal, Italy, Greece and Spain* yang terlibat. Hari ini penyakit krisis ini berarak ke China. Kita tidak tahu ia pindah-pindah tempat. Jadi negara Malaysia sebagai negara yang kecil yang ekonominya terbuka, terdedah kepada unsur-unsur ini.

Itu kerana saya beritahu tadi kita perlu ada *detour* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kita perlu lencongan-lencongan untuk kita sampai kepada matlamat kita negara maju berpendapatan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, dicampurkan lagi dengan ketidaktentuan, kucar-kacir, huru-hara di Timur Tengah hari ini, masalah geopolitik. Ini semua menggugat, mengganggu ekonomi dunia.

Saya hendak tunjuk satu lagi iaitu pada tahun 2014 eksport kita adalah RM817 bilion iaitu lebih kurang 76% daripada KDNK, banyak itu, banyak. Ini lah eksport kita. Mana tidak kita terdedah kepada perkara-perkara begini. Nasib baik lah kita ada...

**Seorang Ahli:** GST.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** GST. Nasib baik kita ada GST! Nasib baik kita ada GST yang menampung segala kekurangan yang membantu negara untuk stabil.

**Beberapa Ahli:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Silakan.

**Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** Saya hendak tanya Yang Berhormat Bagan Serai tentang isu tersebut. Yang Berhormat Bagan Serai cakap nasib baik tetapi ada orang berpendapat bahawa itu bukan nasib, itu adalah satu pendekatan yang terancang kerana selepas menang pilihan raya hanya dengan 133 kerusi, tidak dapat 2/3 sedangkan GST itu semasa mantan Yang Berhormat Permatang Pauh jadi Menteri Kewangan pun sudah disebut, waktu mantan Yang Berhormat Kubang Pasu jadi Perdana Menteri sudah diuar-uarkan untuk GST tetapi tidak ada *political means*.



Adakah Yang Berhormat Bagan Serai setuju bahawa Yang Amat Berhormat Pekan ini dia ada buat roti canai, ada telur? *[Ketawa]* Dia berani. Adakah Yang Berhormat Bagan Serai setuju dengan saya, ini bukan nasib, ini adalah kebijaksanaan, kepandaian yang terancang?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Mersing. Saya amat bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Mersing, masukkan dalam perbahasan saya. Betul lah roti canai, bertelur. Roti ada yang tidak ada telur. *[Ketawa]* Ada ya?

Tuan Yang di-Pertua, ini sebab...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya bingung ini. *[Ketawa]* Roti canai bertelur. Yang boleh bertelur setahu saya ayam betina sahaja. *[Ketawa]*

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Roti canai sama dengan telur Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Roti canai telur?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau begitu saya faham Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Akan tetapi roti yang dahulu semua tidak ada telur. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, jadi bahasa saya. Saya ini orang Bagan Serai, orang Bagan Serai cakup Kedah. Dia kalau kata nasib baik itu maknanya, itulah maknanya tadi. Nasib baik ada GST, bukan bernasib baik. Mana boleh nasib baik setelah ditentang, macam-macam dicakapkan, huru-hara dan sebagainya, duduk tepi jalan kata ini kata itu tetapi dengan keberanian, dengan kebijaksanaan Yang Amat Berhormat Pekan selaku Perdana Menteri dengan beraninya melakukan, melaksanakan GST ini. Ini adalah satu keputusan yang bijaksana, keputusan yang baik, keputusan yang adil, keputusan yang menitik berat, keputusan yang merasai denyut nadi rakyat supaya mereka dapat meneruskan kehidupan mereka.

Jadi GST- hari ini GST Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah buat lagi tujuh *steps* lagi, ada tujuh perkara lagi tentang GST hendak memperbaiki. Kita kerajaan kita sentiasa lihat macam mana hendak beri rakyat jadi elok, beri rakyat jadi senang, beri rakyat jadi seronok supaya kita dapat menjalankan kehidupan di dunia yang singkat ini dengan penuh kejayaan. Tujuh perkara, ubat-ubat ratingnya sifar. Ubat-ubat yang disenaraikan, 95 jenis ubat *over the counter*, dengan izin dan 30 jenis penyakit.

Ha! Ini bagus.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Rakyat patut bergembira. Kita patut kata *Alhamdulillah* lah...

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Jangan senyap sahaja. Silakan.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bagan Serai. Setuju kah Yang Berhormat Bagan Serai kita mengikut seruan ketua pembangkang dalam ucapannya tadi yang akhir-akhirnya itu dia meminta supaya kita insaf,

bertaubat, menyedari tentang hakikat dan sebagainya. Jadi apa yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Bagan Serai tadi memang telah menunjukkan satu hakikat tentang kebenaran, kebaikan dan juga besarnya manfaat daripada bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri beberapa hari lepas.

Jadi setuju kah kalau kita minta di sebelah sana bertaubat dan insaf dan jangan buat hal banyak sangat. Terima lah bahawa ini satu keadaan pembaharuan untuk kita bawa negara kita yang baik. Setuju kah Yang Berhormat Bagan Serai? Terima kasih.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih. Saya setuju kita semua kena istighfar lah. Bertaubat ini semua kena bertaubat. Semua kena bertaubat setiap hari supaya kita diampunkan oleh Allah, dosa-dosa kita ada yang nampak ada yang tidak nampak. Akan tetapi tentang perbincangan bajet ini, ada orang yang terkeliru. Yang saya katakan tadi dia sudah memang kelabu sudah. Dia tidak tahu kemudian dia kata macam-macam tentang satu dokumen yang telah dengan teliti dibuat. Dengan teliti dengan penuh kasih sayang dibuat.

Jadi hari ini tengok, macam-macam lagi sifat, dengan susunya, dal ini. Dal ini kacang parpu. Yang Berhormat Kapar mana? Yang Berhormat Kapar sudah lari sudah. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kapar sekejap tak beri sudah merajuk. Mana dia lari Yang Berhormat Kapar? Juga banyak benda lain.

Akan tetapi pembangkang masih lagi macam itu juga. Dahulu buat Jambatan Pulau Pinang, tidak bagus, buang duit rakyat, dera rakyat. Selepas itu datang Jambatan Pulau Pinang Kedua, semua okey. Begitu juga dengan KLIA, buat lapangan terbang besar makan belanja banyak, besar. Akan tetapi hari ini sudah ada KLIA2. Jadi yang dikatakan mereka tidak mempunyai pendirian yang tegas. GST pun sudah suka dah itu.

Tuan Yang di-Pertua saya ingin memberitahu kepada Dewan, saya rasa dua tahun tiga tahun lagi mereka semua akan sokong GST.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. saya melihat sahabat saya Yang Berhormat Bagan Serai berapi-api berbahas, jadi saya hendak beri *cool down* dengan izin Dewan, sebentar.

Soal GST ini kita mendengar kadang-kadang pihak pembangkang pun setuju dengan GST ini Yang Berhormat. Akan tetapi apa yang kita dengar bila di luar, di luar sana dia bersandiwara. Seolah-olah untuk mempolitikkan isu GST ini mendapat *political mileage* supaya dia dapat merebut kuasa di Putrajaya, itu sahaja asalnya Yang Berhormat. Setuju Yang Berhormat yang mereka ini hanya main wayang kepada rakyat?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Oh! Ini wayang rupanya? Oh begitu. Tidak apa saya berhati-hati.

Tuan Yang di-Pertua, saya terus pergi kepada perkara yang lebih mendalam iaitu tentang lima teras utama. Lima teras utama ini- sebentar beri saya masuk sedikit.

Ketahanan ekonomi, produktiviti, inovasi, teknologi hijau, mempersiapkan modal insan, memperkasa agenda bumi, meringankan kos sara hidup. Yang ini yang sedang hot, panas di luar sana. Yang panas di sana adalah sara hidup. Yang panas dekat luar sana adalah

perumahan. Yang panas dekat luar sana adalah pendidikan, adalah pengangkutan dan sebagainya.

Memang kerajaan membuat dokumen ini untuk membantu rakyat menyelesaikan masalah.

■1530

Tuan Yang di-Pertua, peranan kerajaanlah untuk meneruskan perkembangan ekonomi ini. Akan tetapi ada dua perkara di sini yang kita hendak kena fikir. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, yang pertama *how to make a cake bigger*. Kedua, *how to make all get the taste of the cake*, dengan izin. Inilah *inclusivity*, sesuatu perancangan ekonomi yang tidak memberikan rakyat segenapnya, selapisnya merasai nikmat manfaatnya, adalah perancangan yang tidak baik.

Jadi, apa yang kerajaan hendak buat hari ini, yang saya lihat daripada lima teras utama ini. Tiga teras ini, ketahanan ekonomi, inovasi, modal insan adalah perkara-perkara yang akan menyebabkan the *cake goes bigger*, dengan izin.

Perkara yang kedua lagi iaitu tentang agenda bumiputera. Satu agenda nasional dan juga bagaimana untuk meringankan kos sara hidup yang menjadi perkara utama adalah tentang *everybody can gets to taste the cake*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, inilah tema "Mensejahterakan Kehidupan Masyarakat". Inilah temanya. Temanya sangat penting, tema sangat boleh membantu kita hari ini. Jadi, pertamanya tentang membesarkan ekonomi dan keduanya, tentang semua rakyat dapat merasai. Inilah Ekonomi 101, mensejahterakan asas ekonomi, mensejahterakan manusia.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bagi satu contoh lagi, contoh kali ini ialah tentang kereta api. Kalau ada kereta api itu bagus tapi kalau kereta api laju sangat, orang tak sempat masuk. Jadi, tidak gunalah ada kereta api. Jadi, yang patutnya kereta api itu, diperlahankan atau diberhentikan sekejap. Orang dapat masuk dalam kereta api itu. Jadi maknanya, maksud saya rakyat dapat menikmati apa yang dibuat oleh perancangan ekonomi. Bukan satu perancangan yang hendak bagi semua *free!* Ini hendak bagi *free*, itu hendak bagi *free*, itu percuma, itu percuma, dengan niat untuk menarik minat orang tapi tiada ada usaha untuk membesarkan *cake* itu, membesarkan ekonomi itu. Jadi, ia sangat penting, Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sekali sekala tengok *monitor*, ada kawan di belakang berdiri.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Kuala Selangor, sahabat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sila.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Saya tertarik dengan penghujahan Yang Berhormat Bagan Serai mengenai lima perkara dan teras yang telah dibentangkan, terutama sekali dikaitkan dengan pembentangan bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Bagan Serai. Saya akui bahawa dari segi falsafah dan juga holistiknya bajet ini benar-benar untuk mensejahterakan rakyat sebagaimana yang di sebut oleh Yang Berhormat Bagan Serai. Cuma saya ingin memohon kepada Yang Berhormat Bagan Serai, adakah daripada segi inti pati bajet tersebut begitu cantik, saya ingin memberikan pertimbangan daripada segi pelaksanaan nanti. Terutama sekali dalam konteks 2016 bila bajet itu akan digerakkan.

Bagaimana kah pada pandangan Yang Berhormat Bagan Serai daripada segi sistem penyampaiannya, daripada segi *deliverynya*, dari segi pemantauan? Adakah perlu di samping kita sebagai Ahli Parlimen harus bersama-sama dengan kakitangan awam untuk memastikan setiap apa yang telah dibentangkan itu benar-benar sampai kepada rakyat. Untuk memastikan kesejahteraan rakyat benar-benar wujud bukan hanya daripada segi perkataan dasar tetapi juga dari segi penghayatan roh itu sendiri. Terutama sekali dari segi bajet yang dibentangkan. Saya mohon pandangan Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Itulah perkara sebaiknya. Antara perkhidmatan awam dengan- contohnya Ahli Parlimen dan wakil rakyat dan sebagainya. Mewujudkan satu *team*, mewujudkan satu pemikiran, mewujudkan satu usul yang bersama supaya dapat melaksanakan apa yang kita tulis ini. Kita akan bergerak, akan berusaha bersungguh-sungguh antara perkhidmatan awam dan pemerintah supaya keadaan ini berlaku. Ini yang kita katakan, satu impian dengan satu *plan* dan tindakan yang konsisten. Bukan kata-kata yang kata tiada impian. Kalau tiada impian ini- Tuan Yang di-Pertua, kalau orang tiada impian Tuan Yang di-Pertua, elok mati sahaja. Tiada apa hendak dibuat lagi Tuan Yang di-Pertua dan tak ada hendak dibuatkan, tak guna hidup.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Bagan Serai, sedikit sahaja...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sambung sedikit sahaja lagi ini. Saya sudah masuk kepada perkara pertama dalam...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang dua berdiri ini Yang Berhormat Bagan Serai. Beri laluanlah tidak Yang Berhormat?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Boleh Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sebelah Yang Berhormat Sepang, daripada mana? [*Menyampuk*] Yang Berhormat Sungai Petani.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sekali dua orang ya?

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Bagan Serai, mungkin tempat Yang Berhormat Bagan Serai barang tak naik. Pasal BN memerintah di sana. Akan tetapi yang pastinya di Sungai Petani Yang Berhormat, rakyat menggelupur.

Walaupun ada barang-barang yang tidak dikenakan GST tetapi kos untuk membawa barang itu. Dari satu tempat, ke satu tempat ada. Begitu juga kos-kos lain, termasuklah kenaikan

harga tambang disebabkan oleh harga minyak naik, disebabkan oleh perkhidmatannya juga kena GST, menyebabkan harga naik.

Oleh hal demikian, orang kampung yang dahulunya membawa RM50 Yang Berhormat, pergi ke pasar dia boleh bawa balik barang-barang yang agak selesa. Akan tetapi saya tidak tahu di Bagan Serai tetapi di tempat saya, orang kampung memang mengeluh. Jadi, adakah kita hendak sebut di sini bahawa, "Nasib baik ada GST, kalaulah tiada GST itu, maknanya negara ini tidak bergerak". Adakah - Saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua, inikah *option* yang kita ada? Maknanya, mesti dihukum semua rakyat, walaupun rakyat miskin dan juga yang kaya, mesti dikutip cukai mereka kerana hendak selamatkan negara kononnya. Sedangkan kita ada *option* yang lain, yang pertama sekali menyelamatkan rakyat dahulu, menggunakan kaedah-kaedah lain untuk akhirnya yang untungnya rakyat, khususnya rakyat luar bandar. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Yang Berhormat Sungai Petani memang tidak dengar apa yang saya cakap. Ini yang saya kesal. Daripada saya mula tadi saya cakap dia tidak dengar. Banyak kebaikan-kebaikan yang telah diwujudkan oleh kerajaan dengan adanya wujudnya GST ini, macam dia tidak pernah dengar pula. Tak apalah, saya biar dahulu sebab benda ini kita akan sampaikan juga sekejap lagi. Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** ...memperteguhkan ketahanan ekonomi negara. Ini saya bercakap tentang bagaimana aktiviti pelaburan domestik dirancarkan. Kita lihat ada, program-program seperti *Cyber City Center*, *Aeropolis KLIA*, *Rubber City Kedah*, Perindustrian Samalaju di Sarawak. Ini adalah program-program yang mempunyai nilai yang tinggi. Inilah program-program yang akan membawa, yang akan menjana kekayaan.

Tuan Yang di-Pertua, inilah program-program yang difikirkan oleh kerajaan untuk dibuat di beberapa tempat di Malaysia ini. Program yang dikatakan *high value*, dengan izin, yang penjana kekayaan dengan lebih program yang *sophisticated* berorientasikan ilmu dan inovasi dan modal insan yang tinggi.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, Yang Berhormat Bagan Serai, sedikit sahaja Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya terus hendak beritahu tentang bagaimana kerajaan...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sebentar Yang Berhormat Sepang, tengah panas ni. Tak boleh. Bagaimana kerajaan hari ini memberikan penumpuan yang tinggi kepada PKS (SME). Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bagan Serai, hendak bagi laluan kepada Yang Berhormat Sepang kah tidak? Kalau tidak, Yang Berhormat Sepang duduk. Tidak elok apabila berbahas, satu dua orang Yang Berhormat berdiri.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya suruh Yang Berhormat Sepang duduk, dia tak dengar. Saya minta duduk Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Bolehlah sekarang? Boleh?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tidak, saya tengah bercakap ini. Sebentar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, PKS (SME's). Kita lihat ini adalah program yang mana banyak *enterprise-enterprise*, banyak perniagaan-perniagaan yang berunsurkan SME's atau PKS ini. Hampir 85% hingga 90%. Sebab itu kerajaan hari ini memberi tumpuan, memberi dana, memberi bantuan banyak kepada PKS yang melibatkan ramai rakyat. Betul kita ada *multinational company* (MNC) tetapi kalau kita lihat betul-betul peratusnya yang mana rakyat banyak terlibat adalah PKS. Sebab itu, hari ini kita lihat tambahan 1 bilion Skim Jana Pembiayaan PKS, Pelan Induk PKS, Skim Anjakan Usahawan dan Skim Peningkatan Kapasiti serta Keupayaan PKS, projek transformasi kedai yang kita lihat. Inilah yang dilakukan dengan begitu gigih sekali oleh kerajaan hari ini supaya rakyat dapat mengecapi nikmat yang ada. Tuan Yang di-Pertua, sejarah...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Bagan Serai, sudah berhenti, sudah *slow* sikit, boleh ya? *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Yang Berhormat Bagan Serai, saya hendak tanya sikit peruntukan mengenai pendidikan ini. Setujukah dengan saya Yang Berhormat Bagan Serai, mungkinlah kita boleh *compromise* benda-benda beberapa sektorlah. Akan tetapi setuju kah dengan saya, manamana kerajaan pun sekurang-kurangnya sektor pendidikan, sektor kesihatan ini kita tidak seharusnya ganggu, dengan erti kata tak boleh *slash* ataupun kita kurangkan bajet.

#### ■1540

Jadi saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Bagan Serai, apabila kita kurangkan lebih kurang 16.5% peruntukan kepada institusi pendidikan tinggi ini termasuk universiti di Malaysia ini, Universiti Malaya turun sampai 27%. Bukankah ini akan menyebabkan universiti dengan kekurangan dana ini mereka mungkin akan mengenakan yuran yang lebih tinggi lagi untuk nak tampung itu dan akhirnya kesannya pada pelajar-pelajar ini. Pelajar mungkin akan kena bayar yuran yang tinggi. Kemudiannya pelajar ini pun bukanlah semua mampu hendak masak seperti mana dahulu Yang Berhormat Pontian kata, mereka hendak makan luar juga. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat Bagan Serai dalam hal tentang pendidikan ini?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Pendidikan ini memang satu perkara yang sangat penting. Pada pendapat saya, untuk pendidikan terutama negara yang hendak pergi negara maju, berpendapatan tinggi, bajetnya mestilah bajet yang cukup untuk universiti menjalankan programnya. Saya percaya Menteri ada jawapan yang terbaik untuk pertanyaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sambung ini. Saya hendak cerita sedikit tentang pertumbuhan era ekonomi. Ini macam sejarah juga sebab apa yang berlaku di dunia juga pernah

juga berlaku di Malaysia. Kita pada tahun awal-awal dulu kita berdasarkan hasil bumi. Kita banyak bergantung pada contohnya getah dan dulu kita ada bijih timah. Ini semua bergantung pada tanah, cuaca, iklim dan sebagainya. Inilah di mana kita katakan *resource based economy* ataupun '*R-economy*'. Kemudian perkara-perkara begini, yang hasil daripada bumi akan berkurangan dan kemudian kita pergi kepada tahun 80-an di masa pemerintahan Perdana Menteri nya Tun Mahathir, kita masuk kepada era pembuatan.

Ekonomi kita adalah ekonomi pembuatan, kita ambil getah buat *glove*, buat sarung tangan. Kita ambil kayu-kayan buat *furniture* dan banyak pelabur asing luar negara datang untuk buka kilang-kilang di sini, kita perlukan ramai pekerja. Masa itu kita gunakan ramai pekerja, ini dinamakan '*P-economy*' tetapi pada hari ini buruh tidak macam itu lagi. Kita telah melompat kepada satu era dipanggil pengetahuan inovasi dan kreativiti. Ini yang sedang dibawa oleh Dasar Transformasi Nasional. *K-economy* ini yang mana rakyat hari ini bekerja dengan banyak menggunakan fikiran, *use the brain* daripada dulu yang mana banyak menggunakan tangan kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini yang saya hendak sebutkan tadi. Jadi sebab itulah hari ini perlu ada usaha-usaha untuk memberi peluang kepada anak muda supaya anak muda tidak kata dia *unemployed*. Tadi Tuan Yang di-Pertua, saya dengar perbahasan pagi tadi mengatakan yang kata pengangguran itu, enam kejayaan itu yang kata pengangguran telah turun daripada 38 kepada 29 itu adalah tidak tepat. Sebenarnya 29 itu adalah pengangguran dalam istilah ekonomi dipanggil *full employment*. *Full employment* bermakna setiap masa mesti ada orang yang tidak ada kerja. Ia 3% seperti kita kata kadar kemiskinan. Mana boleh zero, mana boleh, ia mesti sentiasa ada sedikit itu yang mana tidak memberi kesan.

Jadi apa yang kita bincangkan hari ini ialah pengangguran pada anak muda, belia. Jadi kerajaan, itu sebab kerajaan buat dokumen ini. Dokumen ini dibuat dan diberikan bermacam-macam, saya pun tidak nampak dah hendak baca ini, bermacam-macam untuk generasi muda. Pembangunan agropreneur, Agensi Inovasi Malaysia, Skim Dana Lonjakan Teknologi, MaGIC, keusahawanan generasi muda, *industrial*, itu semua teknologi, inovasi, kreativiti.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** [Bangun]

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Seperkara lagi Tuan Yang di-Pertua, 2 dalam 1 adalah kombinasi di antara universiti dan SME, *team up*. Ini contohnya adalah untuk giatkan aktiviti yang dikatakan *demand driven innovation*. Ini contohnya kita bagi PKS, ada satu orang itu dia berniaga keropok. Dia meniaga keropok, dia buat *packing*, hantar ke luar negeri tetapi keropoknya sampai, keropoknya hancur. Jadi dia tidak tahu macam mana hendak buat ini, "*Macam mana saya hendak buat, keropok saya dah hancur.*"

Jadi dia *contact* universiti, ini yang kerajaan telah bagi dana RM50 juta, *Public Private Research Network* (PPRN). Maknanya orang yang buat keropok ini tidak ada cara, dia jumpa universiti, pakar-pakar, cendekiawan, orang-orang yang tahu, dia akan buat menggunakan dana yang diberikan oleh kerajaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bukit Mertajam, Yang Berhormat.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Yang Berhormat Bukit Mertajam, anak muda tadi.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Saya hendak sambung sedikit lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Perkara tiga ini sebab tadi saya sebut Tuan Yang di-Pertua, lima teras itu tadi. Tiga perkara ini adalah berkaitan dengan membesarkan ekonomi kita, kek itu yang kita hendak bahagikan. Jadi yang ketiganya itu adalah tentang modal insan. Kita tengok tadi modal insan, banyak sekolah buat, MRSM, merata-rata. Dalam ini kita dengan MRSM, sekolah rendah, sekolah menengah dan banyak bantuan diberikan kepada sekolah-sekolah SJK(T), SJK(C) dan pelbagai bantuan diberikan. Ini adalah penting. Macam tadi kita sebut juga bahawa peruntukan umpamanya untuk pengajian tinggi adalah sangat-sangat penting.

Hari ini Tuan Yang di-Pertua, negara hendak pergi negara maju, kita hendak berpendapatan tinggi. Pelajar-pelajar tahun 1 hingga 4 di universiti itu mereka ini akan bekerja di negara maju. Jadi, saya berpendapat bahawa peruntukan untuk universiti, peruntukan untuk melaksanakan segala program di universiti demi meningkatkan, selain daripada kita bagi biasiswa. Selain daripada kita buat kursus bahasa Inggeris, bahasa Malaysia dan sebagainya, perlu sangat. Oleh sebab kita hendak *target* universiti kita *top 100 or 200*. Macam mana hendak sampai *top 100 or 200* bila kita potong bajetnya? Macam mana?

Sekarang ini universiti digalakkan untuk membuat program-program yang boleh menjana kekayaan, menjana duit tetapi bagaimana universiti-universiti yang kebanyakan universiti dilihat kepada pembentangan ini mendapat bajet yang kurang daripada apa yang mereka dapat sebelum ini. Jadi saya berpendapat, terutama tadi kita dengar ada yang sebut tentang Universiti Malaya yang mana banyak bajet, mungkin bajetnya dipotong di situ.

Tuan Yang di-Pertua, bumiputera merupakan 60% penduduk bumi. Mereka mesti dapat merasai nikmat yang ada, yang dapat kejayaan di negara kita hari ini. Ini yang saya ceritakan tentang kereta api tadi. Kalau mereka tidak dapat naik dalam kereta api laju tadi, maka apalah guna semua itu. Jadi sebab itu penting sangat supaya peluang-peluang untuk memperkasakan keupayaan bumiputera. Jadi kita lihat banyak benda yang disediakan oleh kerajaan dalam dokumen ini untuk membantu bumiputera supaya mendapat kejayaan.

Juga hari ini kita melihat, saya melihat di sini tentang projek untuk Lebuhraya Pan Borneo. Lebuhraya Pan Borneo ini yang menelan belanja RM16.1 bilion berjarak 1,090 kilometer dijangka siap 2021. Itu pelan yang kita telah kirakan. Pertumbuhan ekonomi wilayah, ini satu wilayah mesti ada apa yang kita katakan 3D dengan izin. *The 1st D distance, density* iaitu kepadatan dan juga *division*, pemisahan. Ini adalah berdasarkan satu falsafah pemikiran.

Perkara 3D ini telah digubal oleh Bank Dunia pada 2009 bersandarkan pada falsafah pemikiran seorang sarjana ekonomi yang memenangi *Noble laureate* pada tahun 2008 iaitu Paul Krugman. Jadi kita lihat apabila contohnya Pan Borneo, Pan Borneo apabila dijalankan kita lihat



*distance*, jarak akan dipendekkan, kepadatan manusia akan banyak dan pemisahan akan dikurangkan. Jadi pertumbuhan ekonomi akan berlaku apabila ada perkara yang begini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tadi terdengar perbincangan pagi tadi yang mengatakan hutang kerajaan telah naik daripada saya buat sedikit selidik yang mendapati bahawa hutang kerajaan ini adalah di tahap yang *acceptable*, dengan izin. Tadi kita dengar tidak *acceptable*, seolah-olah kerajaan ini dah nak bankrap, seolah-olah gagal semua dah, 54.2%. Negara Malaysia adalah pada tangga 63 daripada 164 buah negara. Hutang tidak bermakna kita akan jadi susah. Ini saya hendak ceritakan sekali lagi. Apa yang penting ialah kenapa kita berhutang.

■1550

Negara kita memang berhutang tetapi negara kita mampu untuk bayar hutang. Sudah berapa tahun, sudah banyak tahun. Hutang ini mesti ada sebab, kalau hutang untuk seronok-seronok tidak betul. Akan tetapi kalau hutang ada sebab dan dia mampu membayar, maka hutang itu...

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Bagi laluan sedikit.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sedikit sahaja, sedikit sahaja. Apa yang saya hendak katakan Tuan Yang di-Pertua, sama ada hutang banyak ataupun tidak ada hutang, itu juga tidak betul. Saya hendak tanya dekat sini siapa yang tidak berhutang. Siapa yang tidak berhutang? Ada yang tidak berhutang? Tuan Yang di-Pertua, yang tidak berhutang ini tetapi Tuan Yang di-Pertua tidak bagi saya sebut, tetapi kalau boleh saya sebut ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hutang ini Yang Berhormat macam-macam. Hutang wang kah hutang apa?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Hutang wang Tuan Yang di-Pertua. Seperti seseorang sudah dapat kerja, dia beli kereta dia berhutang. Apabila seseorang beli rumah dia berhutang. Salah kah ini? Salah? Tidak ada orang berhutang. Yang tidak berhutang ini Tuan Yang di-Pertua, kalau Tuan Yang di-Pertua marah, saya tarik balik. Yang tidak berhutang ini binatang sahaja. Binatang tidak berhutang. Akan tetapi kita berhutang sebab kita hutang bersebab. Saya hendak bagi contoh Tuan Yang di-Pertua yang saya dapat...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang tidak berhutang yang ada duit.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *Japan* umpamanya 227.7% daripada GDP. *Japan* banyak hutang tidak? *Japan* ekonomi yang baik tidak? *Japan, Singapore*, 106.7% daripada GDP. *United Kingdom* – 86.6%, *Germany* – 74.7%. Secara mutlaknyanya sama ada orang berhutang atau tidak berhutang tidak bermakna dia teruk, sebab dia berhutang bersebab. Negara Jepun berhutang jauh lebih banyak daripada kita, tetapi dia jauh lebih baik daripada kita. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tunjuk ini...

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Yang Berhormat Bagan Serai sedikit sahaja.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ini tengah-tengah jalan ini.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Dua kali minta.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Saya hendak tunjuk Zimbabwe, 121% daripada GDP. Apa lagi? Kita ambil umpamanya *Singapore* tadi saya bagi tahu mereka *Singapore*, Belgium, *Japan* berhutang lebih daripada Malaysia tetapi mereka okey, mereka bagus. Libya, *Oman*, *Liberia*. Libya hutang 1.6%, kurang hutang bagus. Bagus kurang hutang. Dia maju? Dia tidak maju. *Oman* – 4.7%, *Liberia* – 8.1% hutang sedikit tetapi mereka tidak dihormati dalam ekonomi. Apa yang saya hendak gambarkan tadi kerana saya dengar perbincangan tadi mengatakan Malaysia telah banyak berhutang sehingga merosakkan ekonomi dan gagal dan bankrap dan ini adalah sama sekali tidak salah, adalah satu *statement* yang salah. *Statement* yang tidak baik untuk kita, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Bagi sedikit Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Silakan.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Setujukah Yang Berhormat Bagan Serai kalau kita rujuk pada satu hadis Nabi, yang kita selalu baca doa, [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] “*Aku mohon lindung Ya Allah daripada hutang keliling pinggang.*” Sedangkan kita pada hari ini tengok dalam penyata kewangan yang saya dapat semalam kita bayar hutang setiap tahun sekitar RM20 bilion lebih sahaja sedangkan kita berhutang hingga RM40 bilion. Minta pandangan daripada Yang Berhormat Bagan Serai. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebelum menjawab Yang Berhormat...

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tambah sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** ....Ingat sedikit Yang Berhormat jangan berhutang masa. [*Ketawa*]

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Saya hendak ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Bagan Serai yang dapat memberikan hujah yang cukup hebat sedikit. Apabila bercakap tentang hutang ini, kita mentadbir sebuah negara untuk mensejahterakan rakyat. Setiap hutang yang kita buat ini ada tujuan dia untuk pembangunan dan kita mempunyai keupayaan untuk membayar. Hutang negara pada ketika ini seperti Yang Berhormat Bagan Serai sebut tadi 54% sahaja daripada GDP kita 98.4% adalah hutang dalam negara. Kita hanya hutang sebanyak 1.6% luar negara.

Jadi walaupun pada ketika ini kita menghadapi penguncupan ringgit, tetapi kita tidak begitu terjejas kerana kita hanya berhutang luar negara sebanyak 1.6% sahaja. Kita di antara negara yang telah ditakrifkan bukan sahaja *the good pay master* tetapi sebenarnya kita dapat menguruskan ekonomi kita dengan cara yang paling terbaik sekali berhutang pada paras tidak melebihi 55% yang telah ditetapkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Saya mohon Tuan Yang di-Pertua masukkan pendapat Yang Berhormat Jasin dalam perbincangan saya. Saya ini Tuan Yang di-Pertua sedang hendak bercakap tentang...

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** ...Meringankan kos sara hidup rakyat.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Yang Berhormat Bagan Serai boleh?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sebentar ya, baru hendak mula.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Mengenai perkara yang sama.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** inilah perkara yang sangat-sangat penting yang sekarang tengah panas di luar. Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya pada pendapat saya kos sara hidup 60% daripada belanja pendapatan hari ini ke mana pergi. 60% dia pergi kepada perumahan, dia pergi kepada makanan dan juga dia pergi kepada pengangkutan. Sebab itu kerajaan yang prihatin, kerajaan yang sentiasa menyelami denyut nadi rakyat. Sentiasa puji macam ini bagaimana hendak buat. Sebab itu kita tengok dalam dokumen ini banyak rumah yang akan dibina. Macam-macam kategori rumah, daripada PR1MA, SPNB, PPA1M, KPKT, rumah PPR dan sebagainya dan juga tentang pengangkutan.

Kerajaan telah memberikan satu perhatian yang sangat serius, tentang jalan, tentang *airport*, kita lihat hari ini di bandar program bersepadu MRT, LRT, *airport* dan sebagainya dibuat supaya memudahkan rakyat. sebab itu kita lihat hari ini dalam kisah meringankan kos hidup rakyat, berapa banyak belanja digunakan untuk kumpulan B40, RM500 juta untuk usahawan bumiputera, RM100,010,000 untuk usahawan India, RM200 juta kemudahan-kemudahan mikro pada isi rumah B40, RM100 juta di bawah Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India, RM90 juta sebagai pinjaman mikro kredit kepada penjaja dan peniaga kaum Cina.

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Yang Berhormat Bagan Serai, kawan. Saya terpanggil dengan ucapan Yang Berhormat Bagan Serai tadi mengenai perumahan. Dari dahulu sehingga sekarang saya baru menjadi wakil rakyat pada 2013. Mantan Perdana Menteri dahulu Tun Mahathir, Menteri Kewangan dahulu Yang Berhormat Permatang Pauh pada kali ini pembentangan Bajet 2016 baru pertama sebagai rakyat Dayak di rumah panjang mendengar ucapan Perdana Menteri yang memberikan peruntukan yang terbaik kepada suku kaum Dayak di rumah panjang di negeri Sarawak. [*Tepuk*] Ini adalah Perdana Menteri yang terbaik, mendengar nadi rakyat negeri Sarawak. Jadi saya ingat itulah satu kebanggaan rakyat negeri Sarawak. Saya minta pendapat Yang Berhormat Bagan Serai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bagan Serai, panjang lagi hujah?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ada sedikit lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, sila.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Saya setuju dengan Yang Berhormat Hulu Rejang tadi. Itu yang saya maksudkan dengan satu usaha yang cukup serius. Ini tengok rumah panjang mendapat pinjaman, banyak tadi. Kita ada Skim Pemberian Deposit Rumah Pertama, rumah Orang Asli, kita ada rumah-rumah yang dibina untuk generasi kedua dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi saya hendak ucapkan tahniah kepada kerajaan dengan ini ialah tentang keputusan kerajaan untuk memberikan perhatian kepada golongan besar yang banyak mengalami kesusahan di luar iaitu kumpulan M40, *Middle 40*. Kita banyak bercerita tentang TOP20, B40 dan kita lihat di dlm dokumen ini dalam bajet ini banyak pelepasan diberikan kepada yang lain-lain tetapi paling banyak tadi pelepasan diberikan kepada kumpulan M40. Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan atas perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya lihat juga dalam ini ada peruntukan sebanyak RM160 juta untuk NGO-NGO. Saya berharap kerajaan memilih dengan serius NGO-NGO yang menjalankan aktiviti-aktiviti kebajikan, kesihatan, perpaduan dan sebagainya yang memberikan bantuan. Ini kerana banyak NGO-NGO ini tidak cukup modal, tidak cukup cara. Selalu juga saya berbincang dengan mereka bagaimana untuk dapatkan dana untuk menjalankan program-program yang dilakukan oleh NGO.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita telah dilanda banjir besar tahun lepas dan juga gempa bumi. Jadi dua perkara yang banyak memberikan kesan. Kalau kita tidak ada tindakan proaktif, maka masa hadapan bukan sahaja harta yang hilang tetapi nyawa juga akan hilang lagi. Jadi kita sangat-sangat bimbang tentang perkara ini. Sebab itu kerajaan membuat peruntukan untuk menunjukkan program untuk pengurusan bencana ini adalah satu perkara yang sangat baik.

#### ■1600

Saya ingin mencadangkan supaya kerajaan mewujudkan satu program seperti yang kita sebut *biodiversity centre*. Di negara kita ini, Malaysia adalah antara negara yang diiktiraf di dunia tentang biodiversiti. Malaysia juga adalah di antara yang mempunyai sistem perundangan yang memantapkan alam sekitar yang baik dan kita juga telah menandatangani banyak perjanjian alam sekitar di dunia dan juga menjadi nasihat, menjadi wasiat oleh Raja-Raja Melayu untuk kita jaga alam sekitar ini.

Begitu juga dengan kita sebagai orang Islam, perkara alam sekitar ini perkara yang sangat serius, yang sangat penting. Jadi kita dengan tema hari ini untuk menyejahterakan masyarakat kalau alam sekitar tidak sejahtera maka masyarakat pun tidak sejahtera. Oleh sebab itu mewujudkan satu lagi agensi, satu lagi entiti biodiversiti Pusat Biodiversiti Negara boleh membantu untuk menjaga hutan kita, menjaga alam sekitar kita dan dapat melihat dan memantau masalah yang akan datang seperti banjir. Kita dapat lihat dan memantau sebab ada pakar-pakar yang akan wujud dalam ini, dapat melihat juga masalah jerebu, masalah produksi hutan dan peruntukan untuk perubahan cuaca yang berlaku hari ini.

Oleh sebab itu, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya memberikan tumpuan kepada perkara-perkara asas ini tentang alam sekitar dan alam semula jadi dan mewujudkan lebih lagi tapak Ramsar atau Ramsar *site* yang saya selalu cerita dalam perbahasan lain tentang mewujudkan satu Ramsar *site* di tempat saya di Kuala Gula.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh sedikit tentang perbahasan yang saya dengar tadi kemudian saya akan habiskan. Tentang kadar kemiskinan yang telah diturunkan daripada tinggi kepada 0.6% tetapi dikatakan tidak tepat kerana pekali Gini tinggi. Saya hendak

cadangkan, isu ini adalah isu dengan *inequality*, tidak sama. Siapa dapat lebih ataupun orang kaya dapat lebih tetapi keadaan di Malaysia tidak berat sebenarnya. Keadaan di Malaysia tidak berat, tidak seburuk itu.

Kalau semua disamaratakan, kesamarataan sebab kita ini mengamalkan kesaksamaan. Kalau kesamarataan semua orang dapat sama, orang akan jadi malas juga. Ada orang yang tidak produktiviti. Isu pengagihan ini lebih penting. Oleh sebab itu dalam dokumen, dalam bajet ini kerajaan mencadangkan memberikan pengagihan, memberikan peluang dan keupayaan membantu rakyat supaya mereka dapat jadi produktif dan mereka keluar daripada garis kemiskinan.

Ini saya hendak beritahu kalau sampai *equals* semua maka itu bukanlah apa yang kita amalkan hari ini. Kita lihat hari ini, tahun 1970 kita punya *Gini coefficient* adalah 0.513%. Pada tahun 2002 sebanyak 0.41%. Memang turun dan pada tahun 2014 adalah 0.401%. Jadi untuk mengatakan kita tidak menyelesaikan kadar masalah kemiskinan saya tidaklah setuju, tidak ada perkataan begitu.

Tuan Yang di-Pertua, ingin sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas dokumen bajet ini, atas pembentangan bajet ini yang mana satu bajet yang *inclusive*. Seperti yang saya kata daripada awal lagi, inilah bajet yang realistik, yang seimbang, inilah bajet yang memberikan rakyat dapat merasai dan menikmati nikmat keamanan, kejayaan negara kita ini. Kita harap dengan bajet pertama ini yang akan menyusul daripada lima bajet untuk merangkumkan RMKe-11 ini negara kita sudah bersedia pada waktu itu. *Insyallah*, pada tahun 2020 untuk menjadi sebuah negara yang maju dengan rakyat berpendapatan tinggi. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tutup dengan pantun.

*Ke Putrajaya dari Pekan,*

*Menyampaikan usul bajet terkini,*

*Terima kasih Perdana Menteri saya ucapkan,*

*Bagan Serai menyokong usul ini.*

Tuan Yang di-Pertua, Bagan Serai menyokong. *[Tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Amat Berhormat Bagan.

#### **4.04 ptg.**

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang memberikan peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2016 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam satu ketika yang amat kritikal untuk negara Malaysia yang sekarang menghadapi bukan sahaja krisis politik tetapi juga krisis ekonomi. Harapan rakyat Malaysia ialah sekurang-kurangnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dapat meringankan beban akibat daripada kedua-dua krisis ini. Khususnya supaya golongan yang tidak berada ataupun golongan bawah dapatlah balik atau kembali ke satu ketika sebelum GST dikenakan, sebelum Malaysia mengharungi zaman penurunan nilai mata wang ini secara mendadak.

Akan tetapi malangnya harapan ini berkecai dihancurkan apabila beliau tidak mengumumkan bahawa Kerajaan Pusat sedar tentang kesilapan mengenakan GST tetapi sebaliknya menguar-uarkan, mengiakannya sebagai satu langkah yang bijak untuk menyelamatkan ekonomi ataupun pentadbiran kewangan Kerajaan Pusat. Betul, dari segi kewangan Kerajaan Pusat Barisan Nasional telah diselamatkan oleh kerana pelaksanaan GST. Akan tetapi ini atas kesengsaraan yang dihadapi oleh rakyat Malaysia yang terpaksa mengorbankan RM39 bilion tahun depan untuk membayar kegagalan dan kelemahan pengurusan ekonomi oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Kita kena ingat Tuan Yang di-Pertua bahawa RM39 bilion yang akan dikutip oleh Kerajaan Pusat akan datang daripada rakyat Malaysia biasa, 30 juta orang semua akan kena. Tidak ada seorang yang akan terlepas. Ini berbanding dengan cukai jualan dan cukai perkhidmatan sebelum ini di mana kita lihat ia dikenakan ke atas perniagaan sahaja.

Akan tetapi sekarang cukai GST akan cantas semua Tuan Yang di-Pertua, asalkan mereka terpaksa beli barang, mereka akan dikenakan GST. Kita boleh lihat kesan sungguh pun ada beberapa barangan yang telah pun *zero rated* dengan izin tetapi kita boleh lihat kesan ke atas ekonomi secara keseluruhannya yang menyebabkan kenaikan harga barang dan juga kekurangan ataupun *volume* perniagaan yang jatuh merudum.

Ini hakikat. Kita boleh tanya mana-mana sektor perniagaan, dari segi *volume* mereka turun 20%, 30%. Ada yang turun lebih sampai ada beberapa perniagaan yang terpaksa tutup kedai. Inilah hakikatnya dan saya tidak faham mengapa ini tidak diambil kira oleh pihak pentadbiran. Hanya beria-ia kerana dapat kutip RM39 bilion untuk selamatkan Kerajaan Pusat, membolehkan mereka terlepas daripada menjadi bankrap sampai setakat cukup wang untuk bayar gaji. Tanpa GST tidak cukup wang pun untuk bayar gaji.

Ini adalah keadaan, inilah hakikatnya tetapi daripada segi impak dan kesan kepada rakyat saya rasa ia amat besar sekali. Tanya mana-mana, tanya sesiapa pun mereka cakap bahawa keadaan ekonomi sekarang susah, lebih susah kerana satu isu sahaja, GST. Itulah sebabnya sekali lagi saya meminta bahawa pihak Kerajaan Pusat harus menghapuskan GST sekiranya hendak mengurangkan dan meringankan beban kepada rakyat biasa. Tuan Yang di-Pertua, saya tahu seruan ini tidak akan diterima bukan sahaja oleh pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetapi juga pihak Kerajaan Pusat kerana mereka tahu sekiranya meringankan beban sedemikian, maka mereka akan menghadapi realitinya.

#### ■1610

Realitinya ialah kegagalan dan kelemahan pengurusan ekonomi oleh kerana skandal-skandal kewangan dan rasuah baik 1MDB ataupun skandal derma RM2.6 bilion tidak boleh ditutup lagi. Tidak boleh ditutup lagi. Itulah sebabnya oleh kerana skandal-skandal tersebut, maka rakyat terpaksa menanggungnya dengan pembayaran yang begitu besar.

Bukan setakat itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Kita lihat hutang Kerajaan Pusat naik berlambak-lambak, daripada RM266 bilion pada tahun 2007, naik kepada untuk pertengahan tahun 2015, RM627.5 bilion. Kalau kita tambah lagi *contingent liabilities*, dengan izin, sebanyak

RM175 bilion, adalah sebanyak RM804 bilion hanya untuk pertengahan tahun 2015. Ini satu jumlah yang besar, Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana kalau kita agihkan kepada 30 juta rakyat Malaysia, bermakna setiap rakyat Malaysia berhutang RM26,800. Ini jumlah besar. Setiap rakyat Malaysia yang dilahirkan, dia berhutang RM26,800, hadiah daripada Kerajaan Pusat Barisan Nasional.

Apakah langkah yang diambil untuk mengurangkan beban hutang sedemikian? Tidak ada. Hanya menyatakan bahawa ia sekadar kurang daripada 54 peratus GDP, tidak apa. Selagi GDP naik, kita boleh hutang lebih lagi. Ini yang kita bimbang kerana apabila kita menghadapi krisis ekonomi, apabila kita menghadapi defisit, kita berhutang masih berlambak-lambak lagi. Macam mana kita boleh memastikan keadaan ekonomi boleh pulih dalam keadaan sedemikian?

Kita kena terima hakikat bahawa oleh kerana penurunan harga komoditi dan juga petroleum menyebabkan pihak Kerajaan Pusat kurang dana. Itulah sebabnya kita lihat banyak pengurangan dari segi peruntukan termasuk kepada universiti-universiti Kementerian Pengajian Tinggi yang dikurangkan sebanyak RM2.4 bilion. Akan tetapi sebaliknya, kita lihat bahawa Jabatan Perdana Menteri dinaikkan pula jumlah peruntukan yang diberikan. Adakah kita hilang hala tuju sampai pelaburan yang kita harus buat dalam sektor pendidikan telah pun dilupakan supaya Jabatan Perdana Menteri dapat diberikan peruntukan yang lebih untuk menerangkan mungkin skandal 1MDB.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin *put on record*, walaupun saya tahu bahawa ini tidak akan diendahkan oleh pihak Kerajaan Pusat bahawa kita harap GST dimansuhkan. Adalah tidak benar sekali bahawa Bajet Pakatan Harapan menerima dan memasukkan GST dalam Belanjawan Pakatan Harapan 2016. Ini tidak benar sama sekali.

Apa yang kita sebut ialah ia mesti *zero rated*, sama dengan menghapuskan GST. Kedua, turunkan harga minyak selaras dengan penurunan harga minyak antarabangsa. Kerajaan Pusat pun telah jimatkan subsidi petroleum sebanyak RM11 bilion, mengapa perlu suka-suka naikkan harga minyak? Ketiga, ini penting. Ini penting kerana ia mempunyai kesan secara langsung ke atas rakyat. Kenaikan tol, sesuatu yang tidak boleh diterima. Mengapa terus benarkan kenaikan tol? Mengapa benarkan syarikat-syarikat kroni ini beruntung lebih bila mereka sudah untung banyak?

Kalaupun untuk syarikat-syarikat yang masih belum dapat balik kos pembinaan lebuhraya ataupun pembinaan jalan, kita boleh faham mengapa tol harus dikenakan. Akan tetapi pada masa tol dinaikkan, kita tidak faham, kita tidak boleh terima, kita rasa marah. Bukan setakat kecewa, marah bahawa tol untuk lebuhraya di mana kos pembinaan telah pun diperolehi balik, sudah dapat balik, mengapa tol masih dikekalkan? Sekurang-kurangnya, bekukan kenaikan tol. Itu permintaan daripada semua.

Saya rasa di kalangan Ahli Parlimen Barisan Nasional pun tidak berani menyokong kenaikan tol dan penyokong-penyokong Barisan Nasional pun menentang kenaikan tol tetapi mengapa tol harus terus dinaikkan? Mengapa pihak Kerajaan Pusat lebih mementingkan hak dan kepentingan 30 buah syarikat konsesi lebuhraya daripada hak dan kepentingan 30 juta rakyat

Malaysia? Itu yang ditanya-tanyakan, itu yang dipersoalkan. Kalau hendak sebut bahawa, oh, hendak jaga orang bawah tetapi ini jaga syarikat-syarikat besar.

Saya sekali lagi minta Tuan Yang di-Pertua, meminta pihak baik Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan ataupun Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, mengapakah tol untuk lebuhraya di mana mereka telah dapat balik CAPEX atau *Capital Expenditure*, dapat balik kos pembinaan lebuhraya, mengapa tidak boleh mansuhkan tol di situ? Macam Lebuhraya Utara Selatan, dibina dengan kos RM8.8 bilion, Tuan Yang di-Pertua. Kalau tambah pelebaran dan juga *maintenance*, lebih-lebih pun bagi RM13 atau RM14 bilion. Ini semua telah pun dikutip balik. Sekarang sudah untung bertahun-tahun tetapi masih kutip lagi. Kutip sampai tahun 2038, Tuan Yang di-Pertua. Bukan sahaja Tuan Yang di-Pertua dan saya kena bayar, anak kita kena bayar, cucu-cicit pun kena bayar. Semua kerana angkara Barisan Nasional untuk bantu syarikat-syarikat kroni BN.

Ini yang kita tidak boleh terima, Tuan Yang di-Pertua. Kalau sekiranya Lebuhraya Utara Selatan, contohnya kos pembinaan masih belum dapat balik, kita faham kenapa tol harus dikenakan. Akan tetapi sekiranya sudah dapat balik, dapat balik pelaburan asal, mengapa kita biarkan dia untung bersih sekarang? Kutip tol ini semua keuntungan kecuali bayar gaji dan buat *maintenance* ini sedikit sahaja dan kutip sampai tahun 2038. Tidak masuk akal.

Itulah sebabnya saya mengucapkan tahniah kepada rakyat dekat Sabah dan Sarawak akhirnya dapat satu *Pan-Borneo Highway* yang kita telah perjuangkan, parti pembangkang telah perjuangkan selama 25 tahun. *[Tepuk] [Dewan riuh]* Dapat dengan tanpa pembayaran tol.

Kita kena akui. Saya akui bahawa kita tidak berjaya bila kita minta satu *Pan-Borneo Highway* 20 tahun lalu. Dah 20 tahun lalu kita sudah minta. Tanyalah Yang Berhormat Bandar Kuching, dia pun tahu. Tiap-tiap kali buat soalan. Sebaik sahaja dia jadi Ahli Parlimen sudah ada soalan kenapa tidak boleh ada tol, mengapa tidak boleh ada lebuhraya macam dekat Semenanjung Malaysia, tetapi sekarang baru kita dapat. Mengapa? Kita hanya boleh dapat kerana Barisan Nasional sudah nazak. Kalau mereka tidak nazak, tidak bagi.

So, itulah sebabnya itu satu mesej penting. Apabila mereka susah, terpaksa bergantung kepada Sabah, Sarawak untuk mengekalkan majoriti kerana sudah kalah dekat Semenanjung Malaysia, bergantung kepada Sabah, Sarawak.

**Dato' Hasan bin Arifin [Rompin]:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Itulah sebabnya baru bagi. Kalau tidak ada, tentu tidak akan bagi. Itulah sebabnya kita harap rakyat Sabah, Sarawak sedar tentang perkara ini, sokong lagi Pakatan Harapan supaya boleh dapat balik lebih daripada itu. *[Tepuk]* Itulah kenyataan, itulah hakikat.

Di sini kita sekali lagi menegaskan dari segi tol ini, sekarang Sabah, Sarawak sudah dapat tol percuma.



## ■1620

Saya rasa untuk rakyat Malaysia di pihak di sebelah Semenanjung kalau hendak dapat tol semula, tol percuma, hendak dapat tol percuma, tanpa tol macam dekat Sabah, Sarawak, saya rasa kita tahu apa kita perlu buatlah.

**Seorang Ahli:** [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Saya rasa kita patut tahu apa kita perlu buat. Saya rasa itu penting. Yang perkara keempat Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan penurunan nilai mata wang ringgit. Apakah langkah-langkah untuk mengembalikan dan memulihkan nilai mata wang ringgit. Saya tidak lihat dalam bajet langkah-langkah proaktif yang diambil oleh pihak kerajaan pusat supaya nilai mata wang ringgit yang sekarang hampir RM4.30 kepada USD1 dapat dipulihkan kepada keadaan sebelum ini sebanyak RM3.60-RM3.70.

**Dato' Hassan bin Arifin [Rompin]:** Yang Berhormat Rompin.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Adakah? Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Rompin dulu. Sila.

**Dato' Hassan bin Arifin [Rompin]:** Adakah Yang Berhormat sedar bahawa ada kemungkinan China sendiri akan *devalue* dia punya Yuen dan ada kemungkinan bahawa Singapore sedang melemahkan *currency* dengan *flooded currency in this market* bahawa *currency* dia terlalu tinggi berbanding dengan Amerika dan memberi kesan yang sangat tidak baik kepada ekonomi Singapore. *Inflation*, jadi perlu Singapore melemahkan *currency* dia juga. Adakah Yang Berhormat Bagan sedar perkara ini sedang berlaku bahawa bukan Ringgit yang lemah tetapi Amerika. Adakah Yang Berhormat Bagan sedar tetapi keadaan seluruh dunia menyebabkan *currency against USD* yang keadaan unik, keadaan USD didagangkan dengan keadaan unik berdasarkan kepada keadaan ekonomi seluruh dunia ini. Adakah setuju bahawa Singapore akan melemahkan *currency* dia?

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bukan Perdana Menteri Singapura. Saya hanya Ketua Menteri Pulau Pinang sahaja. Saya tidak boleh jawab bagi pihak Singapura. Tapi kalau kita lihat contoh yang diberikan oleh Yang Berhormat daripada Rompin berkaitan dengan negara China dan negara Singapura. Kalau negara China mereka mengurangkan nilai Renminbi (RMB), hanya 2% saja. Mereka buat dengan sengaja. Singapura kalau hendak buat, dia buat dengan sengaja. Tapi untuk nilai Ringgit, nilai mata wang Ringgit, itu bukan kita buat dengan sengaja. Kita cuba sengaja untuk menjatuhkan dan komplot mata wang Ringgit supaya jatuh merudum juga.

**Dato' Hassan bin Arifin [Rompin]:** Laluan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Itu perbezaan. Nanti saya habis, saya akan bagi. Duduk dulu. Itulah perbezaan. Mereka buat dengan sengaja. Kita cuba sokong dengan sengaja. Nilai rizab jatuh, kita guna juga rizab jatuh dan pada lebih USD100 sampai USD94. Tidak dapat.

**Seorang Ahli:** [*Menyampuk*]

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Ini bilion, USD bilion, USD 100 bilion. Ini tidak dapat menyokong ataupun memastikan nilai mata wang ringgit terus kekal. Itu perbezaan dan masalahnya ialah Tuan Yang di-Pertua, adalah kerana skandal kewangan 1MDB dan juga *donation* RM2.6 bilion yang menyebabkan kehilangan keyakinan di kalangan pelabur sehingga mereka jual ringgit cepat-cepat. Inilah, tidak mahu jawab. Ini kena jawab. RM2.6 bilion dan juga skandal 1MDB, RM42 bilion. Ini pun 1MDB kita tahu ia dijamin oleh pihak kerajaan pusat. Saya ingin tegaskan...

**Dato' Hassan bin Arifin [Rompin]:** Lualuan Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Nanti bagi saya habis ayat ini dulu. Saya hendak bagi, jangan bimbang. Tapi harap jangan panjang sangat. Nilai mata wang ringgit ada impak besar kepada ekonomi negara. Gabenor Bank Negara telah sebut, ada banyak sebab, di antara sebab utamanya ialah skandal 1MDB. Tidak diselesaikan. Sampai mereka sendiri akui mereka telah mengesyorkan kepada Peguam Negara agar tindakan diambil tapi Peguam Negara tidak mahu ambil tindakan. Kita tidak boleh terima. Bank Negara minta, bukan Ahli Pembangkang minta. Bank Negara minta pun tidak mahu terima. Mana ada keyakinan di kalangan pelabur lagi ke atas pentadbiran kewangan Malaysia kalau nasihat yang dikeluarkan oleh Bank Negara pun tidak diambil kira. Ini kita tidak mahu bincang lagi, bekas Peguam Negara kena pecat kerana hendak ambil tindakan ke atas 1MDB.

Tidak mahu sebut lagi kenyataan titah raja-raja Melayu yang minta dan desak bahawa tindakan diambil ke atas mereka yang terlibat dalam skandal 1MDB.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Bagan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Ini tentu kita tunggu tugas daripada....

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Boleh....

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Duduk dulu, duduk dulu.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bercadang supaya dia pandang kepada Tuan Yang di-Pertua. Jangan pandang sini, pandang kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Putatan duduk dulu.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Kita kena tunggu tugas, tugas akta ini diberikan, tugas yang akan dilaksanakan...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Dia berucap pandang sini, pandang ke Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Putatan, duduk dulu.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Yang Berhormat daripada Rompin, itulah perbezaannya.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Bagan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Dan selagi tidak ada sikap serius, hanya hendak tutup saja, tidak boleh. Apa guna CEO, hanya hadir seminar MCA, UMNO kah, kalau dia tidak mahu jawab soalan-soalan daripada parti pembangkang ataupun ahli-ahli PAC. Apakah yang dia takut sangat sampai Bank Negara minta mereka jelaskan, tidak berikan penjelasan, tarik balik

kebenaran yang telah diberikan. Itu perkara serius. Itu yang menghancurkan keyakinan pelabur-pelabur di luar negara. Sila Yang Berhormat Rompin, ini kali terakhir.

**Dato' Hassan bin Arifin [Rompin]:** Yang Berhormat Bagan mengatakan bahawa sengaja. Itu adalah bukan istilah ekonomi yang baik. Sengaja.

**Seorang Ahli:** [*Menyampuk*]

**Dato' Hassan bin Arifin [Rompin]:** Bukan, dari segi ekonomi, dari segi ekonomi bukan satu *connotation* yang tepat dari segi istilah ekonomi, sengaja.

**Seorang Ahli:** Yang ini orang Pahang.

**Dato' Hassan bin Arifin [Rompin]:** *Devalue* bermakna *USD is too strong, you have to devalue money*, bukan sengaja dan *Singapore currency currently is too strong*. Dia terpaksa *flooded* dia punya *currency* untuk melemahkan Singapore Dollar. Jadi faktor, Bank Negara telah mengatakan bahawa *lets Ringgit* tidak ada campur tangan daripada kerajaan, Ringgit biar didagangkan dengan keadaan ekonomi supaya ekonomi membuat *adjustment*. Kalau saudara hendak berdebat tentang soal Ringgit dan USD, kita boleh. Saudara menggunakan *connotation* berbeza. Tidak adil kerana Ringgit biar didagangkan dengan keadaan yang hari ini supaya membuat *adjustment*, ekonomi membuat *adjustment* kepada keadaan ekonomi semasa.

Kalau China sebuah gergasi ekonomi yang besar terpaksa *devalue* dia punya *currency* dan Amerika atau Singapore, *financial center*, terpaksa membiarkan *currency* dia lemah. Apa tanda ekonominya. Dia petanda ekonomi, bukan setakat kelemahan kita menguruskan Ringgit tetapi kerana suasana dunia hari ini menyebabkan Ringgit dalam keadaan yang sedemikian rupa.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Cukup. Cukuplah cukup. Saya rasa Yang Berhormat daripada Rompin kena faham, dari segi pengurusan tukaran wang asing. *Devalue* adalah satu tindakan dasar secara sengaja.

**Dato' Hassan bin Arifin [Rompin]:** Tidak betul, saya tidak setuju.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** *Delivery.....*

**Dato' Hassan bin Arifin [Rompin]:** Tidak setuju.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** *Delivery monetary policy*. Ini dilakukan oleh negara. Tapi saya tidak mahu....

**Dato' Hassan bin Arifin [Rompin]:** *China is 'begging'*.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Saya tidak mahu berbahas tentang istilah bahasa. Saya hendak berbahas tentang bajet. So, kalau hendak berbahas tentang istilah bahasa, kita keluar, kita boleh minum teh, kita boleh bahas.

**Dato' Hassan bin Arifin [Rompin]:** Silakan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Dekat sini kita hendak bahas tentang bajet. Itu penting dan kalau kita sebut tentang 2% *devalue* oleh negara China, itu secara sengaja, itu secara *deliberate*. Berbanding dengan nilai mata wang ringgit turun 30% Tuan Yang di-Pertua oleh kerana kehilangan keyakinan pasaran. Bukan kah ini menunjukkan bahawa kerajaan BN sudah gagal. Bukan ini satu penghakiman daripada pasaran bebas bahawa BN, selagi tidak boleh selesaikan skandal 1MDB, selagi Perdana Menteri lari tidak mahu jawab *donation scandal*, nilai

mata wang Ringgit tidak boleh pulih sama sekali dan saya hendak cabar sekiranya Bajet 2016 ini begitu baik, begitu lengkap, begitu sempurna, bolehkan ia memulihkan nilai mata wang Ringgit kepada tahap yang asal.

■1630

Sekiranya tidak boleh memulihkan nilai mata wang ini kepada tahap yang asal, ini adalah satu bukti yang tidak boleh dinafikan langsung bahawa bajet ini gagal sama sekali. Gagal beribu gagal. Inilah hakikat yang kita kena terima.

Kedua, saya hendak juga tekan GST. Masalah GST. Tanyalah rakyat Malaysia. Apa gula-gula yang diberi dalam bajet kali ini? Ini semua, "*indah khabar daripada rupa*". Jangan kita semua jadi seperti Mat Jenin. Tidak guna. Ini kerana yang penting ialah mereka tahu keadaan ekonomi lebih baik sebelum GST dan bukan selepas GST. Kalau tanya sama rakyat. Buatlah memorandum atau apa-apa. Pungutan suara atau apa-apa. Tanya sama rakyat. Mereka lebih suka keadaan tanpa GST daripada diberikan gula-gula secara jangka masa pendek ini. Ini tidak bermakna langsung. Tidak kira dekat Paris ataupun di Sabah Sarawak. Mereka semua tidak suka dan menentang GST. Itulah harapan yang dilahirkan oleh pihak pembangkang bahawa kita harus mengakui kesulitan yang dihadapi oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin minta bahawa tidak kira Yang Berhormat dalam PAC ataupun Yang Berhormat-Yang Berhormat hendak suarakan tentang masalah 1MDB. Mereka harus diberikan ruang. Apa yang berlaku ialah mereka kena pecat, mereka telah diambil tindakan. Saya rasa ini tidak kena sama sekali. Apabila Yang Berhormat Pagoh menyebut tentang pendirian beliau, YAB Timbalan Perdana Menteri yang baru menyatakan janganlah nostalgia sangat. Janganlah nostalgia sangat. Saya hendak ingatkan Kerajaan Barisan Nasional. Rakyat bernostalgia tentang zaman sebelum GST. Rakyat bernostalgia tentang zaman sebelum 1MDB.

Kalau bukan 1MDB, nilai mata wang ringgit kita tidak akan turun secara mendadak seperti sekarang. Kalau bukan 1MDB, rakyat tidak akan begitu susah. Kalau bukan 1MDB, nama Malaysia tidak akan dimalukan dengan pemimpin kita. Pemimpin negara. Sungguhpun saya ahli pembangkang, saya pun rasa segan bila pemimpin kita pecah rekod kerana ada wang yang begitu besar, yang paling besar dalam akaun peribadinya. Ini saya harap Yang Berhormat, YAB boleh ambil tindakan ke atas *Wall Street Journal*. Saman dekat Amerika Syarikat. Jangan saman dekat Malaysia. Saman dekat Amerika Syarikat. Buktikan bahawa mereka berikan maklumat yang palsu.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan bajet ini, saya bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang ingin melahirkan perasaan kesal bahawa tidak ada sebarang projek diumumkan untuk negeri Pulau Pinang. Ini bukan kali pertama. Ini kali kedua. Mungkin kali ketiga. Saya ingin mengingatkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa Pulau Pinang juga sebahagian daripada negara Malaysia. Pulau Pinang juga bayar cukai. Pulau Pinang bayar sebanyak RM6.5 bilion tiap-tiap tahun. RM6.5 bilion. Lebih banyak kalau berbanding dengan negeri Perak tetapi kita tidak dapat satu projek pun. Adakah ini adil? Adakah ini satu bajet untuk satu Malaysia?

Kalau begitu, bukankah kutipan cukai yang dibayar atau disumbangkan oleh rakyat Pulau Pinang adalah sesuatu yang mungkin harus ditimbang semula. Mengapa kalau kita sumbangkan cukai dan akses duti sedemikian, tidak dapat apa-apa balik pun?

Saya masih ingat semasa kita meraikan Hari Raya Haji tahun ini. Pulau Pinang dilanda banjir kilat dan Perdana Menteri prihatin menyatakan bahawa beliau sedia membantu mangsa-mangsa banjir. Saya begitu tersentuh hati kerana Perdana Menteri mengambil berat. Buatlah *Tweet* bahawa beliau akan berikan bantuan dan dengan serta-merta saya telah tulis surat kepada beliau meminta menjalankan projek-projek tebatan banjir sebanyak RM805 juta. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat sebarang jawapan. Tidak ada. Dalam bajet, satu projek pun tidak ada. Saya hendak mengingatkan beliau tentang janji yang dia buat pada masa itu. Baru sahaja dan juga janji untuk membina LRT. Bukan sekali. Bukan dua kali tetapi tiga kali untuk membina LRT di Pulau Pinang supaya dapat mengatasi masalah kesesakan trafik.

Saya ucapkan tahniah kepada negeri-negeri yang dapat *airport* baru. Saya hanya minta untuk memperbesarkan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang yang sekarang sudah melebihi kapasiti kerana kemasukan pelancong dan juga pelabur ke Pulau Pinang. Akan tetapi sungguhpun sudah lebih kapasiti, tidak ada pengumuman, projek untuk membesarkan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Adakah kita mahu tengok Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang jadi macam pasar malam kerana begitu sesak dengan penumpang-penumpang?

Adakah ini ekoran hasad dengki politik untuk balas dendam sahaja? Saya rasa ini bukan sebuah kerajaan yang bertanggungjawab. Ini bukan sebuah kerajaan yang demokrasi. Itu bukan sebuah kerajaan yang berjiwa rakyat. Saya minta bahawa rayuan ini diambil kira kerana kalau tidak, ini bukan sahaja akan menganiayai tetapi mendiskriminasikan ke atas sumbangan yang diberikan oleh negeri Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menimbulkan masalah pekerjaan. Kalau Malaysia ingin menjadi negara maju, saya hendak tanya macam mana kita boleh mencapai status negara maju dengan GDV per kapita sebanyak USD15,000? Sekiranya nilai mata wang ini kita sekarang pada takat RM4.30, bermakna GDV per kapita daripada segi ringgit mesti sampai RM63,000 dan sekarang kita hanya sekadar RM47,000. Macam mana daripada USD10,830 tahun lepas, tahun 2014, kita dapat mencapai USD15,000 menjelang 2020 iaitu peningkatan USD700 setiap tahun? Susah untuk mencapai status ini. Adakah Wawasan 2020 terpaksa dilanjutkan selama lima tahun? Bukan 2020 tetapi 2025. Inilah akibat skandal 1MDB yang menyebabkan kejatuhan. Antara sebab utama, menyebabkan kejatuhan nilai mata wang ringgit.

Telah sampai masanya kita melaksanakan pertumbuhan ekonomi secara inklusif. Bukan hanya kepada mereka yang mahu menguasai pasaran atau monopoli ataupun mereka yang ada kabel politik kuat, kronisme, kita harus memberikan penekanan kepada inovasi dan juga daya saing sama rata supaya kita dapat mewujudkan satu ekonomi berteraskan pengetahuan dan juga kreativiti dan ini memerlukan penglibatan daripada semua sektor masyarakat. Bukan sahaja perniagaan. Bukan sahaja pihak pekerja tetapi termasuk juga NGO dan semua lapisan

masyarakat. Baru kita boleh menambah nilai dan juga menambahkan peningkatan ke atas ekonomi. Produktiviti-produktiviti penting, Tuan Yang di-Pertua.

■1640

Kalau kita mahu satu kumpulan pekerja yang mampan, kita harus tingkatkan produktiviti. Saya lihat laporan ekonomi yang menyatakan bahawa produktif buruh adalah setara 2% sahaja berbanding dengan negara-negara maju yang lain 3% atau 4%. Mengapakah kita tidak boleh mencapai produktiviti yang tinggi? Termasuk juga penyertaan tenaga buruh wanita yang lebih tinggi kalau berbanding dengan negara-negara lain? Insentif mestilah diberikan. Janganlah hanya sekadar memberikan tumpuan kepada *employment*, dengan izin, tetapi juga harus berikan tumpuan kepada *employability*. *Employment* penting dari segi kuantiti tetapi *employability* juga penting dari segi kualiti.

Kalau kita hendak pastikan kita dapat *employability*, yang penting ialah latihan dan juga pendidikan yang diberikan mestilah bertaraf antarabangsa. Malangnya yang kita tahu bahawa taraf antarabangsa termasuk vokasional ada banyak kecacatan. Apakah usaha yang dijalankan oleh pihak kementerian untuk memenuhi tugas penting ini? Oleh kerana kita telah melihat pengurangan yang telah berlaku ke atas peruntukan untuk Kementerian Pengajian Tinggi, bolehkah semua ini tercapai?

Tuan Yang di-Pertua,...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bagan boleh ringkaskan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Sekejap. Saya hendak tegaskan, jangan ingat gula-gula sebanyak RM764 juta dapat meyakinkan rakyat bahawa GST baik, GST betul-betul angkara dan musuh rakyat sekarang. Itu ya, mesti dihapuskan. Sebelum saya habiskan ucapan saya, saya ingin meminta bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri harus memastikan bahawa bila kita berdebat ataupun membincangkan masalah negara, jangan gunakan isu perkauman dan ekstremisme untuk tutup perdebatan yang dijalankan. Saya amat kesal bahawa ada Menteri yang meminta bahawa perniagaan Cina diboikot. Saya kesal bahawa ada seorang Timbalan Menteri hendak tampar orang Cina.

**Seorang Ahli:** Ada Menteri itu di sini.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Ini tidak harus berlaku! Ini bukan konsep 1Malaysia. Mengapa hendak memusuhi di antara satu sama lain? Kita semua warga negara Malaysia tidak kira Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan, kita semua anak Malaysia. Apa yang dilakukan ini hanya mengancam kestabilan, keutuhan dan juga perpaduan negara. Adakah ada apa-apa agenda seperti yang dibongkarkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri bahawa wang peruntukan untuk sekolah-sekolah rendah, sekolah ibunda, sekolah Cina, sekolah Tamil dan sebagainya. Untuk tahun ini yang telah diumumkan dalam bajet tahun lepas sebanyak RM800 juta masih belum diberikan kepada sekolah-sekolah.

Kita harus— saya harap dapat jawapan. Mengapa wang yang telah diumumkan tahun lepas untuk tahun ini sebanyak RM800 juta masih belum diberikan? Adakah pengurangan

daripada RM800 juta kepada RM500 juta untuk sekolah-sekolah ibunda untuk tahun depan, adakah ini sesuatu yang adil? Apabila Perdana Menteri telah menyatakan bahawa sekolah-sekolah ibunda akan dikekalkan tetapi bila beliau sebut akan dikekalkan, potong pula wang peruntukan. Saya rasa ini tidak selaras dengan apa yang beliau sebut. Kita tidak lihat sebarang reaksi daripada parti-parti komponen Barisan Nasional.

Akhir Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi meminta marilah kita selesaikan masalah 1MDB kerana ia betul-betul menghantui negara. Saya harap bahawa semua Ahli Parlimen boleh setuju tentang cadangan kita bahawa ada satu *accountability* penuh tegas skandal 1MDB. Tidak ada harus ada apa-apa sekatan ke atas perbahasan ataupun pertanyaan tentang 1MDB. Saya amat kesal bahawa pihak kerajaan telah meluluskan usul untuk menggantung Yang Berhormat Gelang Patah hanya kerana beliau menimbulkan isu 1MDB. Ini satu perkara penting. Sekiranya ada satu jawapan yang terang dan jelas yang menyuruh saya bagi pihak DAP tidak bersedia untuk menentang bajet.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Putar belitlah.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Tidak bersedia untuk menentang bajet. Akan tetapi sekiranya masih tidak ada jawapan yang menyeluruh dan memuaskan hati rakyat dan yang penting sekali memulihkan keyakinan kepada pelabur asing supaya nilai mata wang kita ini pulih semula. Saya bagi pihak DAP terpaksa menyokong cadangan yang diberikan tadi, yang dinyatakan tadi oleh Ketua Pembangkang iaitu kami terpaksa buat kali pertama menentang bajet kerana skandal 1MDB tidak dijelaskan dengan memuaskan kepada rakyat. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Putatan. Selama 30 minit ya, Yang Berhormat Putatan.

**4.46 ptg.**

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang budiman. Kita baru dengar perbahasan daripada Yang Berhormat Bagan. Bagi saya, dia nombor satu putar belitlah. Di Pan Borneo pun dia jadi hero, kononnya - ini cakap banyak ini, sandiwara, perli-perli. Ini tidak boleh pakai Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya juga berterima kasih kerana diberi peluang untuk turut berbahas atas bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada Jumaat yang lalu, yang bertemakan '*Mensejahterakan Kehidupan Rakyat.*' Ini betul, betul ini Yang Berhormat Bagan, bukan main-main. Rakyat senang mendengar apa yang telah dibentangkan, terutama sekali rakyat Malaysia daripada Sabah dan Sarawak, Yang Berhormat Kota Kinabalu ya, Yang Berhormat Sandakan. Banyak yang kita dapat keistimewaan.

Satu antara satu dia, lima tunjang. Satu daripadanya pertumbuhan ketahanan ekonomi negara. Betul tetapi Yang Berhormat Bagan bilang dia putar belit. Dia tidak tengok- dia mahu keluar sudah. Dia tidak mahu dengar.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Tidak apalah, Yang Berhormat Putatan syok sendiri sahajalah.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Mempertingkatkan produktiviti, inovasi dan teknologi hijau betul, ini betul, siapa bilang ini salah? Seterusnya, mempersiapkan modal insan, memang betul. Seterusnya, memperkasakan agenda bumiputera. Yang Berhormat Kota Kinabalu, aku ni bumiputera tak? Jadi, yang akhir sekali, meringankan kos sara hidup rakyat. Ini betul. BR1M kena bagi, kena naik, elaun kena naik, jabatan kerajaan, penjawat-penjawat awam kena naik semua. Antara negara-negara jiran kita, Thailand, Filipina, Indonesia, siapa negara yang paling baik di antara jiran kita ini? Disebut sini. Harga minyak mana yang murah? Mana murah? Malaysia. Beras mana murah? *[Disampuk]* Thailand. Bodoh, *sorry* tarik balik. Malaysia. Gula? Malaysia. Elektrik...

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Malaysia boleh, Malaysia boleh.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Mana murah? Malaysia. Yang Berhormat Lanang jangan main-main, ini betul.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Siapa ada Perdana Menteri yang tidak hendak letak jawatan? Malaysia. *[Ketawa]*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** ...Mana murah? Malaysia. Kamu cakap sahaja, GDP per kapita mana yang paling baik? Malaysia. Publisiti yang paling murah siapa? Malaysia.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Perdana Menteri yang ada *donation* RM2.6 billion, Malaysia lagi.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Sepang mana pergi? Paling murah.

#### ■1650

*Average income after tax* siapa yang paling baik? Malaysia! Apa lagi? Apa yang kamu main wayang selalu ini?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Putatan, ini macam perlu sahaja. *[Ketawa]* Ada macam bahasa ataupun kiasan di sebalik itu. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Kapar, bawa gaduh dalam mana ini? Ya, sila.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 37, dia mengganggu. Okey, peruntukan keseluruhan RM267.2 bilion. Sikit, kah ini? Banyak, kan? Pembangunan RM52 bilion.

**Seorang Ahli:** Malaysia!

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** *[Ketawa]* Mengurus, kita sungguh prihatin dengan penjawat-penjawat awam. Semua pengurus-pengurus kita atur baik-baik dengan sejumlah RM215.2. Mana yang paling banyak peruntukan antara ketiga ini? Malaysia! *[Ketawa]*



Yang Berhormat Kelana Jaya pun tahu. *[Disampuk]* Antara tunjang yang menarik adalah meringankan kos sara hidup rakyat. Ini saya tertarik Tuan Yang di-Pertua. Kualiti perkhidmatan kesihatan kita antara yang terbaik.

**Seorang Ahli:** Malaysia!

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Malaysia! Engkau pergi Indonesia, engkau pergi Filipina, engkau pergi Thailand, mana yang paling baik? Banding dengan cara yang betul, *reality*. Malaysia masih baik. Pelbagai program pemilikan rumah, adakah? Engkau cuba cari di Filipina, ada perumahan kos rendah? Tak ada? Oh, di Malaysia, perkampungan bersepadu Orang Asli...

**Seorang Ahli:** Malaysia!

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Engkau tengok Orang-orang Asli di Filipina, adakah? Tak ada! Di sini sahaja ada! Di sana engkau sudah tengok, adakah? Ada? Ada? Ada Yang Berhormat Kuala Langat? Tak ada?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tolong jawab.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Tak ada! Tolong jawab, tak ada! *[Disampuk]* Membina rumah panjang!

**Seorang Ahli:** Malaysia!

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** *Natives* daripada Sarawak, adakah di semua Kalimantan ada? Ada buat? Tak ada! Malaysia sahaja ada! *[Ketawa]* Haiya, kamu ini! *[Ketawa]* *[Disampuk]* Ha, betul Yang Berhormat Seputeh.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tanya itu Yang Berhormat Batu Gajah.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Pengukuran tanah adat Sabah dan Sarawak.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tanya Yang Berhormat Batu Gajah, dia tahu.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Batu Gajah mana dia tahu? Dia tak faham Yang Berhormat Batu Gajah. Mana Yang Berhormat Batu Gajah?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Itu, itu, itu.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Itu, itu, itu.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Mesyuarat bawah pokok.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** *[Ketawa]* Mesyuarat bawah pokok, tak adalah, dia tak tau punya. Yang Berhormat Kelana Jaya langsung tak tahulah. Orang Kelana Jaya mana tahu. Sabah ini, tahun-tahun kena peruntukan menukarkan IC orang Sabah. *Natives Court* punya rumah pun kena bikin, kena buat. *[Disampuk]* Yang Berhormat Kapar mana ada? Kalau pembangkang jadi pemerintah, saya tidak tahulah. Langsung ini satu pun tak ada.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tak dak! Sama dengan Yang Berhormat Bagan Serai.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** *Rules in services*, adakah? Ha? Di Thailand, ada? Di Indonesia, ada? Hanya Malaysia ada, Yang Berhormat Pokok Sena.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Hei, Yang Berhormat Putatan tengok Speaker, jangan tengok sini, tengok Speaker. *[Ketawa]*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Okey? Apa lagi? Ini menyeragamkan harga, satu harga Sabah, satu harga Sarawak. Ini baik. Rakyat Sabah dan Sarawak menerima hakikat ini dengan terbuka. Satu lagi, subsidi baja padi huma bukit. Di Sabah, Sarawak, dia punya sawah padi di atas bukit. Kerajaan, ini Yang Berhormat Kapar mana pernah pergi Sabah, Sarawak ini atas bukit, tak ada. Ya! Dia tak tahu, so jangan cakap banyak pasal ini ya. Ini hanya Malaysia punya kerajaan yang buat, Kerajaan Persekutuan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak. Dulu tak ada, sekarang ada ya. *[Tepuk]* Klinik Bergerak 1Malaysia, ini pertama kali. Ini pertama sekali. Adakah? Adakah negara-negara yang saya sebutkan tadi ada klinik bergerak ini? Hanya di Malaysia. Di mana? Hanya di Malaysia ada.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *You lowest your standard*lah.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Hei, engkau jangan larilah Yang Berhormat Kapar. Jangan engkau lari. *[Ketawa]*

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Putatan, minta penjelasan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Okey, bantuan persekolahan..

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Kuala Krai minta penjelasan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ini parti? Ini parti, bisa baca. Parti baru, okey saya akan beri laluan. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila, sila.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ini parti PAN, PAN ini, 'Span' kah apa? Ya, aspek? Pan Borneokah? Pan?

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya, Pan Borneo. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Putatan. Saya ingin menyentuh apa yang disebut oleh Yang Berhormat Putatan mengenai bantuan rumah panjang di Sarawak ya yang dikatakan pertama kalinya dalam belanjawan kita disebut pada kali ini. Tiga hari lepas saya di Sebuyau dan naik rumah panjang, bertemu dengan keluarga-keluarga di sana.

Kemudian saya ada bertanya, selama ini rumah panjang di Sarawak yang diduduki oleh kaum Bumiputera di sana adakah dibina oleh kerajaan ataupun atas inisiatif komuniti itu sendiri? Jawapannya Tuan Yang di-Pertua, selama ini memang dibangunkan oleh komuniti iaitu kerjasama di antara mereka membina di tanah-tanah adat mereka.

Jadi, di dalam perbahasan kita di Dewan pun, saya dengar di Sarawak ini banyak permohonan diminta untuk pembangunan tetapi saya belum mendengar salah satu permintaan rakan-rakan kita daripada Sarawak adalah untuk membina rumah panjang. Lebuh raya, jalan

raya, bekalan air, sekolah yang baru, itu ada tetapi rumah panjang tidak ada. Jadi, saya bertanya kepada orang Sarawak, adakah memang mereka lebih suka mereka sendiri membangun atau betul mereka sudah berubah sampai ke rumah panjang pun mereka hendak bantuan kerajaan? Saya hendak tanya itu sahaja, terima kasih.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang pertama sekali sahabat saya di Kuala Krai ini jalan belum baik lagi. So, saya mohon Yang Berhormat Kuala Krai ini perjuangkanlah jalan-jalan yang masih berhabuk dan rakyat di Kuala Krai itu masih lagi terpinggir dan banyak lagi kebun-kebun yang belum diusahakan.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya, Yang Berhormat Menteri Luar Bandar ada mendengar, jangan takut. Menteri Luar Bandar ada mendengar.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** *[Ketawa]*

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Dari dulu dah bercakap, dia mendengar.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Jadi Yang Berhormat, sama-samalah kita perjuangkan. Samalah-sama kita yang dulu di Sarawak, saya ingin menjawab. Soal rumah panjang, memang dahulu memang masyarakat yang laksanakan. Betul, ya betul tetapi dengan keprihatinan Kerajaan Negeri Sarawak telah membantu *almost*, keseluruhan rumah-rumah panjang itu dibantu oleh wakil-wakil rakyat Barisan Nasional. *[Tepuk]* Itu Yang Berhormat Kuala Krai.

Jadi saya harap dengan parti baru PAN ini dapat juga berjuang sama-sama kita di bangku, di sini kalau boleh. *[Disampuk] [Ketawa]* Selesai dulu dengan PAS, dengan tak perlulah Yang Berhormat Marang, dia orang yang terhormat ya. Jadi sahabat-sahabat saya yang lain itu janganlah gaduh-gaduh. Sama-sama kita berjuang. Okey, saya teruskan.

Bantuan BR1M dinaikkan. Ini berita baik bagi golongan sasar. Jadi gaji minimum, bayaran khas RM250 semua ini, berita-berita baik kepada masyarakat kita. Menghargai perkhidmatan awam kepada yang berpencen, bekas tentera, rumah tentera, bekas polis, semua ini berita baik kepada rakyat. *[Batuk]* Maaf saya. Bagi Sabah, Sarawak, Yang Berhormat Bagan tadi sebut pasal Pan Borneo. Dia yang memperjuangkannya, kononnyalah. Kononnyalah, dia perjuangkanlah seolah-olah Ahli Parlimen dari Sabah ini tidur di dalam Dewan inilah tidak pernah bersuaralah. Itu semata-mata sandiwara Yang Berhormat Bagan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Susu punya lembu...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ya, apa ini? Susu...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** "Susu punya lembu, sapi mahu dapat nama".

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Susu punya lembu? Lembu punya susulah. *[Ketawa]* "Lembu punya susu, sapi punya nama". *[Ketawa]* Yang mendapat nama. Jadi, itu rakyat tak mahu beri langsunglah. Ini perbahasan paling murahlah, kesian jugalah. *[Ketawa]* Itu PAS kasi nama. *[Ketawa]* Kesianlah, ya saya kesian. Saya tidak mahu tetapi saya kesian. *[Disampuk]* Ya, yang kerja kuat PAS, sekarang PAN yang sudah ambil nama. Okey, okey. Satu

lagi memperkukuhkan pengurusan bencana alam. Ini amat penting sekali, ini amat penting sekali sebab Kuala Krai pun ada juga terbabit dengan bencana banjir.

■1700

Jadi saya mintalah sahabat saya Yang Berhormat Kuala Krai juga perjuangkanlah kesan-kesan bencana banjir itu dulu boleh diselesaikan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Masa banjir dia mana ada di kawasan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ha, dia tiada di kawasan, dia di Kuala Lumpur. Jadi amaran gempa bumi ini saya cadangkan harus diadakanlah, harus diadakan sebab kita tidak tahu apa yang berlaku akan berlaku di Ranau lagi atas gempa bumi. Jadi saya berterima kasih kepada NGO-NGO, sahabat saya dari Baling datang Sabah dan semua sahabat saya yang lain telah berkunjung ke negeri Sabah. UMNO dan parti-parti yang lain, PAS adakah? Tak nampak PAS. Betul ya ada PAS? Terima kasih jugalah kepada PAS datang, semualah kerana memberi keprihatinan kepada mangsa-mangsa terutama sekali malim-malim gunung kita ya.

Soal ESSCOM juga yang memberi berita baik kepada rakyat negeri Sabah. Saya secara *by point* ini Tuan Yang di-Pertua, secara *point system*. IPP yang di Sabah ini belum cukup. Ini rakyat masih merungut supaya Menteri yang berkenaan, Menteri dari Sabah juga dapat mengatasi masalah kekurangan *power* dan *shortage of power* dengan izin.

Program Bandar Selamat juga yang berita baik yang mana rondaan motosikal akan diadakan pada tiap-tiap kawasan bandar. Soal TERAJU, ini usahawan bumiputera saya harap bumiputera-bumiputera bukan Islam dari negeri Sabah dan Sarawak juga terikutlah dengan program tersebut.

GST, saya tidak menyentuh fasal GST lagi. Akhir sekalilah sebagai Ahli Parlimen dari Sabah mewakili rakyat Malaysia dari Sabah dan Sarawak merekodkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga merangkap Menteri Kewangan ke atas pembentangan bajet yang betul-betul berjiwa rakyat. Semoga kita hidup aman dan damai negara ini dengan slogan sehati sejiwa. Itu mukadimah saya.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Oh, ingat habis dah. Baru mukadimah. *[Dewan riuh]*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Saya mulai dengan perbahasan saya. Seperti apa yang kita saksi dalam Dewan yang mulia ini, soal reformasi Parlimen. Satu perkara yang saya setuju dengan saranan Yang Berhormat Permatang Pauh bahawa kita harus mengadakan reformasi dalam Parlimen ini dengan mewujudkan beberapa jawatankuasa yang mana saya duduk sebagai Ahli Jawatankuasa Dewan juga.

Saya juga kesal atas kekecohan Dewan semasa dibentangkan Jawatankuasa PAC yang mana antara satunya sahabat kita dari Gelang Patah yang kononnya sudah menjadi Ahli Parlimen lebih daripada 40 tahun. Berkebudayaan yang tidak memberi langsung pengajaran yang baik, contoh yang baik kepada Ahli-ahli Parlimen yang baru seperti kita ini. Jadi apa yang

diminta pada ketika itu langsung memalukan Dewan Parlimen ini yang sebenarnya beliau sendiri yang mahu Dewan yang mulia ini menjadikan *first class Parliament* tetapi dengan budaya yang ditonjolkan oleh beliau pada ketika itu amat-amat memalukan. Selepas itu beliau telah dikeluarkan dan langsung tidak memberi pandang hormat kepada Speaker.

Jadi saya bercadang supaya satu mungkin mereview Peraturan Mesyuarat 78 yang mana mungkin apabila seseorang ahli digantung, maka keistimewaan juga mungkin di review, mungkin tidak membayar separuh elaun atau kemudahan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang digantung sebab ini tidak begitu berat kerana empat bulan, dia sengaja buat kerana dia ada urusan yang lain di luar, lebih menguntungkan daripada duduk di dalam Dewan ini. Itu satu pendekatan yang saya cadangkan supaya Jawatankuasa Dewan dapat melihat perkara ini supaya ini dapat menegakkan budaya-budaya ataupun tabiat-tabiat ataupun gelagat-gelagat ahli-ahli terutama sekali di sebelah sana yang tidak langsung menghormati Speaker.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Jadi, ya Yang Berhormat Rasah, *you* berdiri tadi. Saya bagi laluan.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Putatan, saya rasa tuduhan Yang Berhormat Putatan itu tadi memang berniat jahat. Saya berharap kalau boleh sila tarik balik. Kita sedia maklum di dalam Parlimen, Barisan Nasional mempunyai kerusi yang majoriti. Yang Berhormat Gelang Patah disingkirkan disebabkan oleh...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Kalau bilang saya berniat jahat, bawa peraturan mesyuarat. Yang Berhormat tahu peraturan mesyuarat di mana saya ada cakap berniat jahat.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Apa yang saya hendak katakan di sini saya rasa... Rakyat Malaysia untuk membuat keputusan pada PRU yang ke-14.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Apa yang saya cakap di sini adalah realiti yang sebenar. Integriti Parlimen, ada peraturan mesyuarat Yang Berhormat.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Tadi Yang Berhormat Putatan juga mengatakan bahawa Yang Berhormat Gelang Patah ada urusan yang lain dekat luar, sebab itu beliau sengaja memohon disingkirkan. Saya rasa itu satu tuduhan yang berniat jahat.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Tuan Yang di-Pertua... [*Mengangkat buku Peraturan Mesyuarat*] Peraturan mesyuarat.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Saya rasa itu satu tuduhan yang berniat jahat.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Rasah sengaja mengganggu perbahasan saya.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Putatan yang bagi jalan kepada saya.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Tadi Yang Berhormat yang bagi laluan kepada dia. Sudah bagi. Apalah Yang Berhormat Putatan putar belit.

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Yang Berhormat Putatan, boleh?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ini boleh.

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Yang Berhormat Putatan, saya setuju dengan Yang Berhormat sebab saya ikuti hujah Yang Berhormat. Kita sebagai seorang wakil rakyat, Ahli Parlimen dalam Dewan, sepatutnya kita berbahas dengan cara berhemah dan bukan tunjuk contoh yang buruk dan saya difahamkan juga Yang Berhormat Gelang Patah juga merupakan seorang orang politik yang pertama kali pernah memijak gambar orang di luar Dewan ini dan sehingga pengikut-pengikut DAP juga mencontohi kelakuan sedemikian dan juga memijak gambar orang lain yang dapat kita saksikan semasa kempen BERSIH, perhimpunan BERSIH dan sebagainya. Setujukah tidak Yang Berhormat Putatan?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Saya setuju. Saya terbaca juga di dalam surat khabar, di blog-blog, Whatsapp, Instagram semua itu gambar Yang Berhormat Gelang Patah yang berperangai seolah-olah macam budak-budak kecil. Jadi itu, perangai seperti itu tidak langsung mencontohi kebaikan kepada Ahli-ahli Parlimen, sebagai Ahli Parlimen yang sudah jadi apek. Apek itu dia kadang-kadang cakap macam api tetapi dia apek, dia merepek. Tetapi api dalam bahasa Cina ini. [*Perkataan dalam bahasa Cina*] Parlimen, veteran. [*Ketawa*] Bukan *apo*, *apo* itu yang lain pula *apo*.

Okey, sebagai seorang Ahli Dewan ini, kita ada peraturan mesyuarat. Peraturan mesyuarat ini kita harus hormati terutama sekali berkenaan dengan *dress coding* kita. *Dress coding* kita kadang-kadang ada juga antara kita tidak begitu prihatin kepada *dress coding*. Apa gunanya ada peraturan mesyuarat kalau kita tidak hormati. Jadi saya mengharapkan peraturan-peraturan ini dapat *direview* dengan Jawatankuasa Dewan.

Satu lagi yang saya sentuh pasal Dewan ini berkenaan dengan tugas-tugas Speaker. Tugas Speaker ini amat berat. Kalau kita bandingkan dengan kemudahan Speaker ini, saya amat kecewa kerana jika dibandingkan dengan Ahli Parlimen biasa, kalaulah Speaker itu berasal dari Sabah atau Sarawak, selepas bekerja di Parlimen, Speaker terpaksa berulang-alik ke rumah dia ke Kota Kinabalu ataupun di Sabah, Sarawak. Jadi, kemudahan tiket tidak ada.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Tak ada, semua tak ada.

#### ■1710

Jadi, kita lihat kita punya Speaker ini duduk di *low cost* AirAsia, kos yang rendah. Bayangkan Speaker Malaysia duduk AirAsia dengan tambang yang murah.

Jadi saya bercadang, memohon kepada kerajaan supaya ini dipertimbangkan supaya Speaker pun dapat kemudahan seperti Ahli-ahli Parlimen yang lain. Ini kerana apabila balik kawasan kita duduk di *business class*, Speaker duduk di AirAsia. Mana adil Yang Berhormat Bagan Datok. Mana adil. Tolonglah kepada Speaker ini. [*Ketawa*] Kereta. Kita lihat kereta Timbalan Menteri semua baru. Speaker punya kereta sudah berapa tahun sudah. Kesian. Timbalan Speaker pun juga. Ini termasuk Timbalan-timbalan Speaker.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Masa tambahan tidak diberikan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** *[Ketawa]*

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Boleh? Boleh, Sibuti?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Sila Yang Berhormat Sibuti.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Putatan, adakah ini cadangan ataupun usul? Kalau ini usul untuk memberi kemudahan kepada Speaker dan timbalan-timbalannya, saya menyokong.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih. Ini cadangan yang saya buat dalam perbahasan saya supaya kerajaan dapat mempertimbangkan permintaan saya ini supaya kemudahan-kemudahan kepada Speaker dan Timbalan Speaker dapat diberi. Ini supaya kita punya Speaker ada *'umph'* sedikit. Jangan bila kita balik di KK, Speaker kesian, dia duduk ekonomi. Jadi itu tidak baiklah.

Kerja Speaker ini amat berat. Kadang-kadang sakit kepala. Kadang-kadang dia geleng kepala dengan kenakalan pihak-pihak sebelah sana ini yang sengaja memperberat kerja-kerja... *[Disampuk]* Yang Berhormat Batu Gajah ada pengalaman Speaker...

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Boleh?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Saya mahu tanya, bagaimana kalau mempersidangkan di bawah pokok Batu Gajah? *[Ketawa]* Mungkin ada senang sedikit.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Okey. Yang Berhormat Putatan, ingat juga tentang peristiwa pokok ya. Terima kasihlah kerana membawa perkara ini ke Dewan. Masih mengingati peristiwa yang bersejarah itu dalam Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Putatan, tadi Yang Berhormat Putatan ada menyebut tentang keistimewaan yang harus diberikan kepada Speaker dan juga Timbalan Speaker. Mungkin saya juga bersetuju kalau berbuat demikian di mana tidak baiklah kalau Ahli-ahli Parlimen duduk *business class* tetapi Speaker ataupun Timbalan Speaker duduk di belakang. Bagaimana kalau kita cadangkan Speaker dan Timbalan Speaker duduk *business class*, Ahli-ahli Parlimen tidak boleh duduk *business class*, duduk belakang.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Tuan Yang di-Pertua, itu terpulanglah kepada kerajaan. Saya tidak membantah.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Ini kerana kita hendak jimatkan kos. Betul?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ya. Kalau Yang Berhormat sudi, lain kali kalau ada peluang jadi Speaker, bolehlah dibuat di bawah pokok. Saya teruskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Lagi tiga minit.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Saya kira baru 12 minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Putatan yang kira. Ini Speaker yang kira.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Tuan Yang di-Pertua, serius sedikit. Ini antara Ahli-ahli Parlimen kita yang telah berpencen, kesian. Ada kononnya jual cendol di tepi jalan dan terima BR1M. Jadi saya mencadangkan kepada kerajaan supaya melihat tidak ramai lagi yang tinggal ini. Jadi saya harap, pencen-pencen, elaun-elaun pencen kepada Ahli Parlimen yang telah bersara ini dapat diwujudkan kembali dengan bajet dan keadaan kewangan kita yang boleh mungkin membenarkan kenaikan pencen kepada Ahli-ahli Parlimen. Itu satu. Isu yang betul-betul dalam perbahasan saya Tuan Yang di-Pertua, isu politik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada yang tidak betul Yang Berhormat Putatan?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** [Ketawa] Itu betul sahaja, hanya betul. Ini betul-betul. Isu-isu politik yang disandiwarakan oleh pihak pembangkang. Agenda lain tidak bukan untuk menjatuhkan kerajaan. Itu sahaja agendanya. Isu GST, isu 1MDB, isu kejatuhan nilai ringgit, macam-macam. Jadi, rakyat sudah muak mendengar sandiwara-sandiwara yang semua diputarbelitkan melalui media sosial. Kadang-kadang ada gambar yang *diedited* supaya mengelirukan rakyat. Jadi saya haraplah pihak Kementerian Komunikasi dan Multimedia ini dapat membendung kegiatan-kegiatan orang yang langsung tidak bertanggungjawab untuk memutarbelitkan isu-isu apa yang di hadapan kita ketika ini.

Isu politik di Sabah ini banyak juga dimainkan dan mungkin *disponsor* oleh pihak-pihak yang berkenaan, terutama sekali pihak pembangkanglah. Isu autonomi, isu SSKM, isu *colonization*, isu rakyat Sabah dan rakyat Sarawak dipinggirkan, isu royalti minyak, isu harga barang tinggi, isu pembangunan luar bandar tidak begitu pesat, isu agama, isu perkauman, isu pernyataan yang menyakiti hati rakyat Sabah dan Sarawak, isu *native* bumiputera, isu Malaysia *agreement* 20 poin dan 18 poin, banyak isu ini.

Isu PTI, isu yang belum disematkan, isu ESSCOM, isu penculikan, isu pilih kasih kononnya biasiswa hanya diberikan kepada budak-budak di Semenanjung dan Sabah dan Sarawak tidak langsung diberi. Ini isu semua yang dimainkan oleh pihak-pihak yang tertentu. Isu peruntukan yang tidak mencukupi kepada negeri Sabah dan Sarawak, yang tidak setimpal dengan kadar pembangunan di negeri itu. Antara isu yang saya sebutkan tadi itu, saya dapat menangkis, saya dapat memperjelaskan kepada sesiapa yang membawa hal itu kepada saya, tetapi ada juga yang saya tidak dapat perjelaskan. Jadi saya mohon kepada kerajaan supaya dapat memberi sedikit penjelasan soal isu-isu yang dibangkitkan oleh rakyat-rakyat di negeri Sabah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terutama sekali Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita mendengar dan juga merangkap Kementerian Dalam Negeri, isu-isu yang sensitif yang dibawa oleh rakyat-rakyat negeri Sabah itu mungkin dapat dialog serupa dengan apa Dato' Anifah buat, baca dialog. Itu 30% boleh selesai, hanya untuk memberi



penjelasan isu-isu yang dibangkitkan itu sebelum PRU Ke-14 nanti. Tolong. Ini membantu kita kerana kita menjadi mangsa, menjadi sasaran bagi rakyat yang sengaja menyakiti hati wakil rakyat di sana.

Jadi kita juga tidak mahu lagi mendengar agensi-agensi Kerajaan Pusat, jabatan di bawah kementerian hanya terbang ke Sabah sekejap. Dia hinggap seolah-olah bangau mencari makan, lepas itu terbang balik. Jadi saya mencadangkan semua jabatan di bawah kementerian, semua agensi kementerian dapat menubuhkan pejabat-pejabat secara *permanent* di negeri Sabah dan Sarawak supaya rakyat negeri Sabah tidak lagi berulang kali pergi ke Putrajaya menguruskan lesen...

**Dato' Othman bin Aziz [Jarlun]:** Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Untuk mendapatkan projek sikit pun pergi Putrajaya. Tambang berapa? Mahal. Bayar hotel berapa? Mahal.

**Dato' Othman bin Aziz [Jarlun]:** Minta laluan sedikit.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Mahu pergi Putrajaya atau Sabah Sarawak...

**Dato' Othman bin Aziz [Jarlun]:** Tidak. Itu Sabah itu.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Okey.

**Dato' Othman bin Aziz [Jarlun]:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Putatan bersetuju, pihak pembangkang memainkan isu-isu yang banyak yang telah disebutkan sebentar tadi seolah-olah konon menganggap rakyat Sabah Sarawak ini tidak berapa cerdik atau bahasa Kedah kata bodoh. Sedangkan mengikut pengalaman saya sendiri sejak tahun 80-an dahulu berada di Sabah, hari ini kita lihat Sabah Sarawak kita lihat sudah jauh ke hadapan maju, tidak ketinggalan sangat jika dibandingkan *over the times*. Jadi, adakah Yang Berhormat Putatan yakin bahawa dengan cara tindak tanduk yang dibuat oleh pembangkang ini, maka rakyat Sabah Sarawak akan terpengaruh dan juga akan diperbodohkan oleh mereka. Apa pandangan Yang Berhormat Putatan?

■1720

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Putatan boleh gulung.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ya, setuju dengan sahabat saya Yang Berhormat Jarlun. Ini, sebagaimana yang saya katakan tadi, sengaja disandiwarkan oleh pihak pembangkang supaya rakyat mempercayai mereka. Putar belit, putar belit, putar belit supaya dia membencikan kepada kami wakil rakyat kerajaan bahawa kita ini tidak bekerja, seolah-olah tidak bekerja. Itu dia, Yang Berhormat Jarlun.

Jadi saya mintalah pertolongan dan bantuan daripada kementerian-kementerian supaya mewujudkan pejabat-pejabat di Sabah supaya tidak ada lagi *complaint* bahawa mereka ini terpaksa berhijrah ke Putrajaya untuk mengurus benda yang sedikit seperti IC, kewarganegaraan, lesen, minta projek, bermalam-malam di Kuala Lumpur. Jumpa pegawai pun tidak dapat berjumpa. Kadang-kadang sampai dua minggu langsung kosong. Balik sahaja

kosong, maki hamun dengan wakil rakyat kenapa tiada pejabat di Kota Kinabalu dan Kuching. Tolonglah, ini soal autonomi ini kita boleh selesai dengan adanya kolaborasi dengan kementerian-kementerian supaya ini dapat diwujudkan untuk menyenangkan pengurusan-pengurusan rakyat daripada negeri Sabah dan Sarawak tidak lagi berhijrah ke Putrajaya. Berilah kuasa sedikit kepada Kerajaan Negeri Sabah untuk mengurus terutama sekali dari segi bentuk peruntukan.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja lagi Tuan Yang di-Pertua. Ini soal urusan. Kadang-kadang apa yang diberi kepada jabatan atau agensi Kerajaan Negeri Sabah itu hanya benda-benda yang terpakai terutama sekali kenderaan-kenderaan polis. Kereta-kereta yang terpakai di Semenanjung dihantar ke Kota Kinabalu, Sabah, dihantar ke Kuching dan bilalah polis di negeri Sabah ini dapat kereta baru? Janganlah hantar yang *second hand*. Jabatan Penyiaran, kamera yang berat ini, satu tan punya berat dihantar kepada *cameraman*, berilah yang canggih sedikit. Kasihan pegawai-pegawai sana. Ya, tolong. Ini *complaint* daripada rakyat, bukan saya *complaint*. Saya wakil rakyat. Rakyat bagi kuasa, saya bawalah. Bukan macam Yang Berhormat Kota Kinabalu yang asyik *complaint* yang Batu Sumpah sahaja. [Disampuk] Sarawak pun sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Okey, saya menghormati keputusan dan arahan Tuan Yang di-Pertua. Kalau ikut saya, saya banyak lagi. Walau bagaimanapun, saya akan bawa dalam peringkat jawatankuasa. Terima kasih banyak-banyak. Semoga Tuan Yang di-Pertua pun dihormati. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Sila Yang Berhormat Marang.

### 5.23 ptg.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Membaca doa dan selawat]* Tuan Yang di-Pertua, saya akan sentuh perkara dasar sahaja kerana masa yang sangat terhad.

Saya mulakan dengan menyebut Firman Allah SWT yang menjadi dasar dan panduan kepada bajet. Firman Allah SWT... [Membaca sepotong ayat Al-Quran] Maksudnya, “Dan janganlah jadikan tangan mu terbelenggu di leher (*bakhil*) dan jangan pula terhulur seluas-luasnya (*boros*) dan jangan pula tidak *istiqamah* (*nanti kamu menjadi terduduk dalam keadaan tercela dan kesal*). Sesungguhnya Allah melimpahkan rezeki kepada sesiapa yang dikehendakinya dan menentukan kadarnya. Sesungguhnya Allah berlaku terhadap hamba-Nya dalam keadaan Maha Mengetahui lagi Maha Melihat.”

Inilah petunjuk Allah dalam cara berbelanja yang *istiqamah*, yang betul bagi individu dan juga negara yang disifatkan oleh Allah menjadi salah satu daripada ciri atau sifat hikmah, kebijaksanaan manusia.

Sudah menjadi kebiasaan, pembentangan bajet dikemukakan jumlah hasil dan pendapatan, diikuti peruntukan perbelanjaan yang besar bagi menjana ekonomi negara demi kemajuannya, dengan keselesaan kehidupan rakyat dalam segala aspeknya bersama kelancaran jentera kerajaan. Semua pihak mestilah dalam keadaan selesa adalah kejayaan yang sebenar. Itu sebenarnya yang berjaya. Semua pihak selesa.

Bajet tidak mencapai matlamat kalau pihak kerajaan sahaja yang selesa sedangkan rakyat masih menderita dengan masalah mereka belum selesai atau mendatangkan masalah baru yang menimpa kehidupan seperti masalah kemiskinan yang masih ada, kemudahan asas belum dipenuhi dan ditambah inflasi yang membimbangkan kehidupan dalam segala aspeknya, di antaranya ialah kenaikan harga barangan keperluan harian yang tidak boleh ditampung oleh pendapatan yang tidak mencukupi, dan keamanan hidup yang tidak terjamin dengan kadar jenayah yang meningkat atau tidak diatasi, begitu juga kemalangan yang sering berlaku dengan sebab pembangunan yang tidak seimbang.

Parlimen menjadi tempat bermuhasabah, sama ada membahaskan yang telah berlangsung untuk menjadi iktibar atau bakal dilaksanakan supaya berhemat dan lebih hikmah. Bagi penganut Islam, diajar beriman, bukan sekadar Wawasan 2020 yang sudah hampir tiba, bahkan yang lebih mencabar lagi menghadapi wawasan akhirat dan adanya perhitungan dosa dan pahala dalam segala aspek urusan hidup bermasyarakat yang tidak dipisahkan daripada Islam yang lebih luas maknanya daripada perkataan 'agama' yang difahami oleh pihak yang lain termasuk dalam aspek politik, ekonomi dan pengurusan.

Aspek ekonomi pula lebih menjadi penekanan dalam kehidupan duniawi kerana dijadikan laksana berhala yang dipuja oleh semua ideologi dan teori ciptaan manusia, laksana kiblat yang dihadap ketika beribadat. Islam menegaskan aspek ekonomi juga termasuk dalam sebahagian daripada perkara amanah yang besar tanggungjawabnya.

Firman Allah SWT... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran] "Sesungguhnya Allah menyuruh kamu secara wajib supaya kamu menunaikan amanah kepada orang yang ahli (boleh melaksanakan amanah dan menerima amanah itu). Dan apabila kamu menghukum di kalangan manusia semuanya, hendaklah berlaku adil. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat."*

Rasulullah SAW memberi amaran, apabila amanah dijadikan peluang mendapat habuan diri, keluarga dan kroni, menandakan berlakunya kemusnahan umat. Dalam aspek ekonomi, seseorang itu akan ditanya daripada mana diambil hartanya, bagaimana dia mengambil harta dan bagaimana dan ke mana dia membelanjakannya. Maka, dalam aspek pemerintah negara lebih besar amanah dan persoalan ini.

Perkara hasil dan pendapatan wajib diambil kira, bukan sahaja zat barangannya, diambil kira juga cara pendapatannya. Adakah halal dan harus, daripada hasil bumi atau percukaian dan lain-lain termasuk derma, hutang dan sebagainya?

## ■1730

Adakah dengan cara yang betul tanpa zalim menipu termasuk juga hasil rasuah dan salah laku cara mendapat hasil, semuanya disoal. Tetap dipersoalkan juga ke mana dibelanjakan dan bagaimana. Adakah mengenai sasarannya yang betul dengan kadar yang tepat atau melebihi sehingga boros maka Allah berfirman, *[Membaca sepotong ayat al-Quran]. "Tunaikan terhadap kalangan yang ada hubungan keluarga akan haknya yang sepatutnya dan orang yang miskin dan musafir yang terputus bekalan. Dan jangan sekali-kali berlaku boros, terlampau boros. Sesungguhnya orang-orang yang boros itu menjadi saudara-saudara syaitan dan syaitan itu terlalu kufur melawan terhadap Tuhan-Nya"*.

Bermula cara mendapat hasil yang tidak betul atau salah tetap diambil kira kerana cara yang tidak betul tidak membawa keberkatan. Walau terlalu banyak jumlahnya tidak ada keberkatan, al-Quran menegaskan konsep keberkatan. *[Membaca sepotong ayat al-Quran]*

*"Dan kalaulah penduduk negeri beriman dan bertakwa nescaya Kami bukakan untuk mereka keberkatan-keberkatan yang banyak yang turun dari langit dan yang keluar daripada bumi tetapi mereka membohonginya. Lalu Kami mengambil tindakan menghukum dengan sebab apa-apa yang telah dilakukan oleh mereka. Adakah penduduk negeri merasa aman selamat apabila tibanya hukuman Kami di waktu malam ketika mereka nyenyak tidur. Adakah penduduk negeri merasa aman selamat apabila tiba hukuman Kami di waktu duha pagi ketika mereka bermain dan tidaklah merasa selamat daripada langkah hukum kami itu melainkan orang-orang yang rugi"*.

Perkataan berkat tidak ada dalam teori politik, ekonomi dan masyarakat ciptaan manusia hanya ada dalam al-Quran. Tanpa keberkatan berlakunya bencana alam sekeliling seperti gempa bumi, banjir termasuk jerebu. Bukan sahaja jerebu cuaca termasuk juga jerebu politik, ekonomi dan sebagainya kerana kerakusan tanpa batas seperti tidak mesra alam sekeliling kerana boleh merosakkan alam sekitar kerana rakus untuk mendapat hasil sehingga kerosakan secara langsung daripada tangan manusia menyebabkan inflasi, kejatuhan mata wang, berlaku kerana tidak saksama di antara pengeluar dan kuasa membeli, ataupun pengedaran wang palsu yang boleh berlaku di peringkat antarabangsa.

Saya percaya banyak negara dalam ketakutan untuk menyiasat atau mengkaji USD yang menjadi sandaran kewangan dunia itu, adakah kertas kosong yang dicatat sebanyak-banyaknya tanpa sandaran emas dan sebagainya yang bernilai tinggi kerana pencetaknya negara kuasa besar. Semua kesilapan atau kezaliman atau salah laku boleh menjadi bencana alam yang nyata. Dalam sistem pemerintahan Islam disebut *Hisbah (Ombudsman)*, dilakukan bukan sahaja terhadap hasil pendapatan, bahkan dilakukan juga terhadap manusia yang mengurusnya. Di atas konsep *hisbah* tersebut berlaku peristiwa kepimpinan menjadi teladan secara kenyataan bukannya teori dan slogan. Pada zaman Khalifah Umar bin Khattab r.a., apabila Islam telah berjaya membebaskan tanah jajahan dua kuasa besar dunia Parsi dan Rom walaupun dianggap negara paling besar, maju dan kaya di zamannya.

Namun dua kuasa besar yang kuat dan kaya itu dianggap jahiliah kerana pelaksanaan konsep feudalisme yang memperhambakan rakyat dan menjajah negara dan kaum lain. Walaupun kekayaannya melimpah ruah namun rakyatnya menderita kerana sekadar menjadi hamba kepada kalangan atasan yang memerintah dan memiliki harta secara monopoli. Para petani yang tidak ada milik tanah beberapa generasi hanya layak menjadi laksana abdi kepada tuan-tuan tanah. Para peniaga di cukai yang membebankan, mengambil cukai laksana menyamun tanpa timbang rasa kemanusiaan.

Islam telah membawa perubahan dengan kebebasan ekonomi yang tidak menindas dan memperhambakan rakyat serta menjana kewangan negara yang melimpah ruah. Bukan sahaja kemudahan asas rakyat yang sempurna mengikut zamannya bahkan kewangan negara yang melebihi keperluan tanpa kekurangan. Sabda Nabi Muhammad SAW, [*Membaca sepotong hadis*]. *“Akan tiba masanya Islam mencapai kejayaan sehingga harta melimpah ruah tidak ada penerimanya”*. Peristiwa menarik berlaku pada zaman Khalifah Umar bin Khattab r.a.. Apabila datangnya longgokan kain di Madinah untuk pakaian merupakan bahan paling sukar didapati di zamannya lalu dibahagikan secara percuma kepada penduduk Madinah.

Setelah beberapa hari Khalifah Umar r.a. datang menemui rakyat di masjid dengan berpakaian baru, sebaik sahaja memulakan ucapannya, *“Tuan-tuan dan puan-puan, sila dengar dan taat”*. Tiba-tiba ada yang menyampuk, *“Kami tidak mahu dengar dan taat sehingga Amirul Mukminin atau tuan khalifah memberitahu daripada mana datangnya kain baju baru yang dipakai ini. Ini kerana mengikut bahagiannya tidak mencukupi badan-Mu yang besar, sudah pasti ambil kain dari pintu belakang”*.

Alasannya kerana mengikut pembahagian yang diberi kepada masing-masing secara saksama tidak boleh mencukupi bagi saiz pakaian Khalifah Umar yang besar badannya sehingga anak Khalifah Umar, Abdullah bin Umar r.a. memaklumkan bahawa dia menghadihkan bahagiannya kepada ayahnya. Sebaik penjelasan diberi dengan cara yang boleh dipercayai maka si pengkritik menegaskan sila teruskan ucapan sekarang kami sedia mendengar dan mematuhi. Kita sedang mengalami krisis keyakinan yang lebih besar daripada sehelai kain, berjuta kali ganda daripada kepunyaan Khalifah Umar bin Khattab. Krisis keyakinan yang berlaku seluruh pelusok dunia kita menerima limpahan dan tempiasnya.

Berulang kali berlakunya salah laku dalam hasil perbelanjaan dan pengurusan. Walaupun berlaku juga di banyak negara lain dilanda krisis yang melemahkan keyakinan dan kepercayaan kerana tidak amanah. Namun kita jangan sekali-kali berpegang kepada falsafah Pak Pandir yang memijak sebatang kayu buruk bagi menyeberangi parit kerana melihat semut yang ramai jumlahnya dapat meniti dengan selesa menyebabkan Pak Pandir basah kuyup ke dalam parit kerana meniti kayu buruk bersama semut itu atau menyalahkan orang lain tanpa mencerminkan diri sendiri.

Marilah kita menjadikan iktibar secara ikhlas bagi memanfaatkan daripada hasil bumi negara kita yang melimpah ruah, tenaga manusia berbilang kepakaran, kemampuan daripada masyarakat majmuk yang sama kemanusiaannya walaupun berbeza bangsa, agama dan

budaya. Dengan semangat masyarakat Madani yang bersumberkan bahasa al-Quran daripada perkataan tamadun, kemajuan dan *Ad-Din* agama dan cara hidup tanpa pemisahan daripada agama.

Ibnu Khaldun menegaskan bahawa manusia itu masyarakat Madani mengikut fitrahnya dengan syarat dibangunkan insannya, sifat dan ciri manusianya dengan betul. Aspek jasad, roh, akal individu masyarakat sehingga mampu membina negara dalam segala aspeknya. Bukan sahaja politik yang paling banyak dicaturkan sehingga mencelarukan bahkan termasuk juga ekonomi, keamanan dan keselamatan di semua peringkat. Merangkumi semua aspek kejadian manusia dan urusan kehidupannya daripada individu, keluarga, kelompok yang kecil sehinggalah sebuah negara masyarakat majmuk dan masyarakat antarabangsa.

Percayalah bahawa kegagalan terus berulang sehingga lebih setengah abad sudah memerintah sendiri, merdeka tetapi masih tetap naik turun dan pasang surut. Tanpa mencapai ke tahap negara maju dan kuat. Wawasan 2020 sudah hampir. Pencetusnya masih hidup dan sangat berusia, namun tahap pencapaiannya secara menyeluruh belum hampir mencecah harapan. Maka kaum bumiputera yang sudah ke belakang menjadikannya tetap lebih jauh ke belakang kerana yang maju menjadi lebih maju. Konsep perlumbaan dalam teori liberal kapitalisme menjadikan kekayaan berpusing di kalangan tertentu sahaja, menyebabkan terus melakukan perkara yang dilarang oleh Quran. *[Membaca sepotong ayat al-Quran]. "Jangan harta itu berpusing di kalangan orang-orang kaya yang tertentu sahaja"*.

#### ■1740

Allah mencipta manusia dengan sifat kemampuannya mentadbir dan mengurus . Firman Allah, *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]*, "Adakah kamu tidak dapat melihat betapa Allah menciptakan untuk kamu segala apa yang ada di langit dan di bumi? Lalu Dia melimpahkan kepada kamu segala nikmat yang zahir dan sesungguhnya Allah mencipta manusia dengan sifat kemampuan jasad, roh dan akal. Kalau Allah *tarbiyah* dengan pendidikan dan pelajaran yang baik merangkumi semua sifat kemanusiaannya nescaya dapat mengurusnya dengan kebaikan yang berkatnya membawa pulangan yang melimpah-ruah. Soal ulama', zaman para sahabat terdahulu pada zaman keemasan Islam mengisahkan dia menyaksikan dua zaman dalam era Kerajaan *Ammawiyah* katanya, "saya menyaksikan Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik meninggalkan harta pusaka berjuta dinar dan Khalifah Umar bin Abdul Aziz meninggalkan harta pusaka sejumlah hanya 20 dinar. Tiba-tiba saya menyaksikan anak Khalifah Sulaiman menjadi peminta sedekah, dan saya menyaksikan anak Khalifah Umar bin Abdul Aziz menjadi hartawan dan dermawan yang mampu menyumbang beratus-ratus ribu dinar", menunjukkan betapa peranan manusia adalah pertama dan utama.

Peranan manusia adalah pertama dan utama. Peruntukan sumber modalnya hanyalah bahan dan alat yang dirancang dan urusan bagi melaksanakan pelaburan secara istiqamah adalah manusia tanpa bakhil dan boros yang dimasukkan dalam perkara kebijaksanaan daripada petunjuk Allah. Bermakna perlukan belanjawan yang konsisten tanpa bakhil dan tanpa boros. Bakhil menyusahkan rakyat, menjadikan rakyat tidak menyumbang kepada negara maka negara

tidak maju. Boros boleh merosakkan harta negara juga tidak maju. Inilah maknanya *al-wasatiyyah* dalam aspek ekonomi yang menjana ekonomi negara. Negara memerlukan pengurusan yang bijaksana, perbelanjaan yang betul dan adil tanpa kebijaksanaan ini, hasil yang banyak tidak mendatangkan apa-apa faedah.

Berlakunya perbincangan bajet tambahan setiap kali selepas adanya persidangan bajet umum menunjukkan adanya lubang yang membocorkan menjadikan kewangan peruntukan yang tidak konsisten atau pengurusan yang salah. Adanya *surplus*, lebih, menandakan kebijaksanaan. Berlakunya defisit, kekurangan menandakan tidak bijak atau pun penyelewengan. Muhasabah sahaja terhadap bajet tidak mencukupi. Kita juga memerlukan pembetulan terhadap kesilapan dan tindakan yang adil terhadap penyelewengan. Sering kali kita mencipta kehilangan wang negara dengan pelbagai peristiwa yang ditinggalkan zaman tanpa penyelesaian. Ditutup puncanya di bawah karpet, untuk dilupakan sehingga tidak dijadikan iktibar undang-undang dan penguatkuasaan yang laksana sarang labah-labah, yang hanya memerangkap nyamuk dan lalat, meloloskan helang dan jerung yang besar, peristiwa terkini yang diuar-uarkan 1MDB hanyalah mengulangi drama BMF, PERWAJA, Mika Holdings dan lain-lain. Tidak habis-habis menyalahkan di antara satu sama lain silih berganti tanpa keinsafan. Nampaknya kemampuan kita sekadar meminta supaya bertaubat, insaf dan jangan ulang lagi.

Namun Islam mencipta sejarah apabila Nabi Muhammad SAW bertindak memaafkan kepada yang bersalah ketika *fathul makkah* dengan keinsafan selepasnya telah berjaya mencipta tamadun baru. Apabila mereka yang istiqamah betul sepanjang masa, bergabung tenaga dengan mereka yang insaf menebus kesalahan yang lalu dengan khidmat yang sangat cemerlang sebelum meninggal dunia. Allah sentiasa menguji kita dengan cabaran dalaman dan di luar kita. Firman Allah, [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*], "Dialah yang menerima taubat hamba-hambanya dan memaafkan mereka daripada dosa-dosa. Padahal Dia mengetahui apa-apa sahaja yang kamu lakukan, Dia menerima orang-orang yang beriman dan menambahkan kurnianya. Dan bagi orang-orang kufur melawan hukuman azab yang sangat dahsyat. Kalau Allah melimpah-ruahkan rezekinya tanpa batas, nescaya mereka jadi melampau. Namun dikurniakan mengikut kadar yang Dia kehendaki, sesungguhnya Dia Maha Mengetahui berkenaan hamba-hambanya lagi Maha Melihat". Sangat menakjubkan kerana Allah menurunkan ayat ini dalam Surah As-Syura yang bermakna mesyuarat menunjukkan diberi peluang bermesyuarat dan bertaubat, bukan sekadar mendesak supaya menghukum yang tidak boleh menyelesaikan masalah.

Tuan Yang di-Pertua, manusia bermasyarakat madani, bukan sahaja dalam aspek masyarakat yang sempit bahkan Al-Quran meluaskan skopnya dengan makna yang luas, mencakupi seluruh dunia dan semua aspek kehidupan manusia yang bermasyarakat termasuk aspek ekonomi. Penegasan Al-Quran meletakkan manusia semuanya adalah satu keluarga. Firman ALLAH, [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*], "Wahai manusia, sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu asalanya daripada seorang lelaki Adam dan seorang wanita Hawa dan Kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku kaum supaya kamu bertaaruf sesungguhnya yang

paling mulia di kalangan kamu di sisi Allah ialah yang paling bertakwa. Sesungguhnya Allah itu Maha Mengetahui berkenaan diri kamu dan Maha Mengetahui berkenaan urusan kamu”. Menegaskan bahawa manusia itu pada hakikatnya berkeluarga besar, berasal daripada bapa dan ibu yang sama kemudian berkembang ke seluruh pelosok dunia, di tempat dan cuaca yang berbeza menjadikan mereka pula pelbagai bangsa, bahasa, warna kulit dan semua yang berlainan. Namun tetap menjadi keperluan semua manusia membabitkan mereka bertaaruf bukan sahaja maknanya daripada segi bahasa sekadar berkenalan wajah, bahkan juga saling berhajat di antara satu sama lain dalam semua aspek.

Ibnu Khaldun, bapa ilmu Sosiologi menegaskan keperluan manusia dalam keperluan hidup termasuk dalam aspek ekonomi mewajibkan bermasyarakat Madani bertamadun dengan ilmu, iman dan akhlak. Semuanya daripada perkara ad-din mewajibkan kerjasama yang adil dengan penuh saksama di kalangan manusia sama ada dalam kelompok yang kecil sehinggalah paling besar di peringkat antarabangsa dan alam sejagat. Inilah hikmahnya Al-Quran menegaskan manusia seluruhnya pada hakikatnya adalah satu keluarga. Walaupun berbeza bangsa, agama dan budaya dan lain-lain namun memerlukan percampuran bahan. Kebolehan, kepakaran dan tenaga, pertukaran dan tolong-menolong dalam perbezaan tersebut serta kemajuan masing-masing. Ada negara yang kaya dengan sumber pertanian, ada pula yang kaya dengan sumber galian, ada pula yang kaya dengan kemahiran dan kepakaran dan ada yang kaya dengan tenaga rakyat. Pada dasarnya adalah tidak mungkin seorang manusia ada satu bangsa, ada satu negara mempunyai segala-galanya.

Maka dalam aspek ekonomi juga mewajibkan adanya hubungan kerjasama dan pembahagian kekayaan agar pendapatan yang adil dan saksama. Al-Quran yang menjadi kitab mukjizat memaparkan kisah terdahulu yang berulang dengan situasi realiti terkini. Allah mendedahkan ada kalangan para rasul yang menentang jahiliah ekonomi. Firman Allah mengisahkan kerasulan Nabi Shuib AS [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*], “Dan kepada penduduk Madyan, diutuskan saudara mereka Nabi Shuib menjadi rasul. Dia berkata, Wahai kaumku, abdikan diri kamu kepada Allah, tiada lagi tuhan selain daripadaNya telah datang kepadamu keterangan daripada tuhan kamu. Maka tunaikan sukatan dan timbangan dengan betul, jangan sekali-kali mengambil sesuatu hak manusia secara jahat dan jangan melakukan kejahatan di bumi selepas dilakukan kebaikan. Itulah yang lebih baik kepada kamu sekiranya kamu beriman. Jangan duduk di jalanan untuk melakukan ancaman bagi merampas harta orang yang lalu dan menghalang manusia dari jalan Allah kerana mahu berlaku menyeleweng. Ingatlah nikmat Allah di mana kamu dahulunya sedikit, lemah dan susah, lalu Allah membanyakkan kamu daripada segi bilangan kaum dan kemewahan hidup. Biarlah apa-apa bencana yang telah menimpa ke atas mereka, yang melakukan kejahatan.

#### ■1750

Paparan daripada al-Quran menunjukkan bahawa Rasul juga ditugaskan menentang jahiliah ekonomi. Hamba-hamba manusia yang bertuhankan harta menjadikannya matlamat hidup yang dipuja selain Allah, mempersucikannya secara kotor sehingga berlaku zalim terhadap



sesama manusia sehingga melupai sifat kemanusiaan. Gejala ini mencetuskan era kezaliman pada zaman lampau sehingga merampas bumi dan hasilnya serta memperhambakan sesama manusia. Kalau di zaman dahulu kuasa Barat yang maju dengan kuat selepas revolusi industri.

Demi menjana kemajuannya, maka dibentuk armada untuk merompak di lautan luas. Selepasnya sanggup menjajah bumi, merampas hasil bumi dan menawan penduduk yang lemah, dijadikan abdi yang diperniagakan. Selagi gejala tersebut berterusan, maka keadaan yang mengikut perkembangan zaman sehingga serba boleh, maka diwujudkan penyelesaian masalah ekonomi bagi negara besar. Demi kepentingannya sahaja dengan mempergunakan negara sederhana dan kecil. Di atas konsep ekonomi bebas mengikut sistem liberal kapitalisme atau sosialisme, mengikut agenda globalisasi, menjadikannya lebih moden dan canggih.

TPPA adalah agendanya bagi menghapuskan sempadan bumi dan perairan negara. Bersamanya dihilangkan sempadan sifat kemanusiaan sejagat dan hak asasi yang adil sesama manusia yang berkeluarga secara masyarakat madani. Kalau penjajah purba merompak tanpa undang-undang, maka penjajah baru diadakan undang-undang melindungi rompakan global di sebalik perjanjian yang dimaterai, laksana cacing kerdil yang menumpang dalam perut ular yang lebih besar atau ikan kecil menumpang jerung yang besar lagi ganas.

Begitulah betapa jadinya petani di negara yang sedang membangun sejak lebih setengah abad masih belum terbangun dengan sendirinya. Turut bernaung di bawah ketiak bekas penjajah yang masih berpeluh dengan semangat penjajahannya. Di mana petani yang memiliki tanah sekangkang kera yang majunya membajak dengan traktor Kubota paling kecil ditolak. Ada yang membajak dengan kerbau, menandingi petani negara besar yang memiliki ladang beribu-ribu hektar dengan jenteranya yang besar dan canggih.

Di samping kemajuan sains dan teknologinya, begitulah juga nasib nelayan kecil yang bersampan menandingi kapal-kapal armada nelayan meredah lautan luas, sama sahaja nasibnya para kontraktor tempatan akan bersaing dengan kontraktor gergasi yang masuk kerana perjanjian yang merobekkan sempadan ekonomi negara. Belum lagi dikira USD yang tidak diketahui cagarannya. Adakah kertas kosong tetap perkasa? Mungkin kertas kosong kerana kuasa besarnya bersemangat penjajah melindunginya dengan kadar ringgit yang tidak mampu dipertahankan.

Sepatutnya zaman pemimpin rakyat yang berjoli dengan umpan kereta Rolls Royce dan teksi terpakai daripada *England* dibeli menjadi kereta rasmi sudah cukup menjadikannya tampak peduli rakyat yang masih berkaki ayam sudah berlalu dalam lipatan sejarah. Oleh kerana seseorang yang beriman tidak harus disengat dua kali daripada lubang yang sama. Oleh kerana kita dikatakan sudah merdeka dan berulang kali menyambut Hari Kemerdekaan. Akhirnya, selamatkan keadaan secara bermasyarakat madani.

Di kalangan negara serantau ASEAN, negara satu umat, seagama OIC dan juga satu kemanusiaan NAM, dengan adil dan saksama kemanusiaan bermoral, bukannya negara rimba dengan kemajuan sains dan teknologi yang menjadikannya lebih ganas daripada binatang buas

kerana berakal dan berilmu yang disalah gunakan, itulah namanya jahiliah walaupun sudah berada dalam abad yang baru.

Firman Allah SWT, benarlah firman Tuhan [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] “*Telah zahir keburukan di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia sendiri supaya dirahsiakan kepada mereka sebahagian daripada perubatan mereka. Mudah-mudahan mereka kembali kepada kebenaran.*” TPPA bukannya penyelesaian ekonomi global, bahkan lebih bersifat penjajah baru dalam aspek ekonomi kerana tidak mewujudkan kerjasama yang saksama dan adil. Adalah lebih baik bagi negara kita mengadakan kerjasama serantau dan negara yang terdekat diutamakan. Kerjasama ASEAN, OIC, China, Jepun, Rusia, selepasnya diikuti Eropah dan Amerika tanpa bermusuh dengan sesiapa dengan menggunakan bahan bersama secara adil. Sama ada sumber bumi, kepakaran dan tenaga kerja yang bersifat kerjasama yang adil.

Bebaskan daripada bergantung dengan USD, kepada Dinar ataupun mata wang Asean dan sebagainya dengan membebaskan diri daripada mata wang negara yang juga mengalami krisis ekonomi dengan menjadikan kita pelampung penyelamat yang ditinggalkan selepas mereka selamat.

Akhirnya, saya ingin menyentuh mengenai masalah keamanan dan keselamatan. Firman Allah SWT [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] “*Allah berjanji kepada orang yang beriman dan beramal soleh daripada kalangan kamu bahawa Dia akan menjadikan mereka kalangan yang memerintah di muka bumi sebagaimana dijadikan daripada kalangan umat terdahulu. Dia menjadikan Din Islam berkuasa memerintah. Lalu Dia menukar keadaan daripada ketakutan kepada keamanan. Mereka boleh beribadah kepadaKu Allah dalam keadaan tidak syirik terhadapKu dengan sesuatu yang lain dan sesiapa yang kufur selepas itu mereka itu orang yang fasik.*”

Allah menjanjikan bahawa keamanan akan wujud apabila syariat Islam yang ada kehebatan menggerunkan penjenayah. Di mana proses kehakimannya sukar dihukum dengan syarat-syarat yang ketat kepada institusi kehakiman yang melibatkan para hakim, saksi dan keterangan dengan segelintir yang sangat kecil di jatuhkan hukuman qisas, hudud dan takzir akan mengatasi jenayah yang menggugat keamanan masyarakat yang sehingga kini menjadi masalah global apabila kadar jenayah naik mendadak di negara yang paling maju dan kaya di dunia. Sudah tiba masanya kita kembali kepada syariat Islam yang adil daripada rahmat Allah. Cukuplah memberi keinsafan dengan kelemahan undang-undang ciptaan manusia dengan peningkatan jenayah.

Seterusnya, kita melihat pada keamanan dunia yang juga terancam oleh pertarungan yang menumpahkan darah sana sini. Mengapa umat Islam disalahkan sehingga mencetuskan Islamophobia yang sengaja dicetuskan oleh media barat yang dikuasai Zionis. Semua kekacauan, khususnya di Asia Barat adalah agenda penjajah. Negara kuasa besar yang pernah menjajah semenjak beberapa abad, mereka telah mencetuskan dua perang dunia yang dahsyat.

Kajian yang adil dilakukan, bukan sahaja mereka menjadi punca dua peperangan yang dahsyat itu, bukan paling ramai mangsa korban adalah anak-anak negeri yang dijajah, khususnya umat Islam. Sama ada yang dikerah secara paksa menjadi tentera atau terpaksa berperang kerana tanah airnya dijadikan medan peperangan. Secara kebetulan, negeri umat Islam kaya dengan sumber alam. Secara kebetulan kedudukan geografi peta dunia Islam menjadi laluan strategik, laluan sumber tenaga dan perjalanan perdagangan.

Daripada Selat Melaka terletak di antara Malaysia dan Indonesia sehingga Bap Mandap, pintu Laut Merah. Melalui Terusan Suez berada di dalam bumi Mesir sehingga Selat Bosporus di Istanbul, pintu ke Laut Hitam dan juga pintu Laut Mediterranean adalah tanah air umat Islam. Maka, kawasan ini sering kali menjadi mangsa peperangan.

Langkah kuasa besar menubuhkan negara haram Zionis Israel dengan merampas dan menjadikan penduduk asalnya sehingga menjadi pelarian adalah jenayah perang yang paling besar dalam sejarah manusia. Semata-mata bagi menjaga kepentingan mereka daripada sumber tenaga paling kaya di rantau itu. Sehingga dilakukan apa sahaja walaupun mengorbankan manusia yang dibunuh atau menjadi pelarian.

Konflik yang berlaku di rantau itu sekarang adalah agenda serampang yang lebih daripada dua mata. Bagi menyelamatkan Israel dan peperangan yang menjana ekonomi mereka dengan permainan harga minyak dan perniagaan senjata yang mencetuskan peperangan secara *proxy* di atas kejahilan agama dan semangat perkauman yang sempit. Semua pihak dibekalkan senjata dan logistik yang dianggap boleh digunakan dengan membunuh sesama sendiri dan membayar duit sendiri kepada pihak yang melagakan mereka dengan menggunakan kesilapan yang berlaku. Seperti kezaliman pemerintah terhadap rakyat ataupun perbezaan agama antara Islam dan Kristian atau mazhab dalam satu agama atau kaum etnik yang berbeza.

Sebenarnya sudah dirantau itu beribu tahun dan Islam telah menyatukan mereka. Bukan Islam yang salah tetapi kejahilan setempat, kezaliman pemerintah dan musuh. Islam mewajibkan kita bersabar dalam kesilapan, dalam negara umat dan negara sendiri. Walaupun terpaksa mengorbankan diri dan harta, bukannya merosakkan umat dan negara daripada dalam. Wajib membezakan di antara menentang musuh luar yang mencero boh dan menghadapi kesilapan dalam negara sendiri. Di atas kuasa ini, maka PAS sanggup bertahan kalah teruk dan sedikit kemenangan. Walaupun kemenangan yang dikejar kelihatan terlalu jauh kerana kami berpegang kepada janji untuk Allah, dua kemenangan dunia dan akhirat.

#### ■1800

Bahkan kita berjanji tetap bersama menentang musuh luar dan sesiapa sahaja mahu mengganggu urusan negara kita walaupun dalam perkara masalah yang wajib kita betulkan, walaupun kita sedar kesalahan dalaman kita jangan musuh luar campur negara kita. Biar kita sendiri [*Tepuk*] dan kebiasaan kita sendiri. Jangan sesekali menjemput musuh luar datang ke sini. Kita mahu mengharamkan peristiwa penjajahan berulang kerana nabi kita Muhammad menyebut tidak harus orang beriman disengat satu lubang iaitu sebanyak dua kali.

Kita berpendapat langkah penyelesaian yang diwujudkan dua negara Palestin adalah mustahil dan tidak lebih diiktiraf negara rompakkan terhadap bumi Palestin dan menubuhkan negara haram Israel yang menjaga kepentingan kuasa besar di kawasan Asia Barat. Sejarah bangsa Yahudi sejak beribu tahun tidak boleh menjadi alasan dan bukan bangsa Yahudi menjadi penduduk asal di Palestin. Tanpa dinafikan bangsa Yahudi yang berada di situ berhak menjadi rakyat dan beribadat menjadikan maha suci mereka. Kalau sejarah itu dipakai maka bangsa Red Indian lebih berhak memerintah mereka. Orang Asli di Australia dan New Zealand lebih berhak daripada bangsa kulit putih.

Akan tetapi kita membaca petua terkini dan Islam menegah bahawa bumi adalah kepunyaan Allah dan menjadikan manusia satu keluarga yang wajib bermasyarakat madani secara bersaudara. Sepatutnya satu negara Palestin yang mengandungi masyarakat majmuk, al-Quran telah menjelaskan penyelesaiannya. *[Membaca sepotong ayat al-Quran] "Dan kalau Allah tidak menjadikan manusia bertolak menolak di antara benar dan salah nescaya dibinasakanlah kuil-kuil penganut Yahudi, gereja Kristian, sembahyang-sembahyang dan masjid-masjid yang disebut dalam nama Allah sebanyak-banyaknya".*

Sejarah membuktikan betapa Yahudi dan Kristian tidak mengizinkan di antara satu sama lain dan berbunuhan. Serta memusnahkan rumah ibadat silih berganti sehinggalah Islam mengambil alih dan mengiktiraf Baitulmuqaddis adalah tanah suci berpenganut tiga agama samawi Islam, Kristian dan Yahudi. Kalangan pelampau Yahudi yang bergerak dengan pertubuhan Zionis berjuang untuk menguasai Baitulmuqaddis kononnya bagi penganut Yahudi sahaja bahkan yang lebih pelampau lagi mahu merobohkan Masjid Al-Aqsa supaya diganti dengan kuil Yahudi yang dinamakan Haikal Sulaiman.

Seterusnya menggali untuk mencari tabuk peti keramat yang memberi kekuatan berperang bagi menakluki dunia seluruhnya dengan mencetuskan peperangan terhadap semua bangsa dan agama bersama semangat cerita dongeng yang direka oleh pendeta-pendeta mereka yang menyeleweng daripada ajaran Nabi Musa dan Nabi Harun a.s.

Namun mazhab Yahudi Ortorok Neturei Karta pula berpegang bahaya usaha menubuhkan negara Israel adalah menggali kubur bagi menghapuskan bangsa Yahudi kerana menyeleweng ajaran yang sebenar. Saya berharap agar kerajaan kita tidak berpengaruh dengan cadangan penyelesaian dua negara yang ditaja oleh kuasa besar yang dipenuhi oleh Zionis.

Isu politik zalim dalam negeri dan antarabangsa dan isu ekonomi yang zalim meminggirkan sesama manusia mencetuskan wujudnya pelarian yang merebak di seluruh pelosok dunia sehingga Setiausaha Agung PBB mengaku sudah menjadi isu global. Al-Quran telah menyatakan penyelesaian terhadap isu ini sejak 15 abad yang lalu. Apabila Allah menurunkan wahyunya dalam al-Quran. *[Membaca sepotong ayat al-Quran] "Dan jika seseorang bukan Islam mursyid datang meminta perlindungan maka berikanlah perlindungan kepadanya sehingga mendengar kalam Allah kemudian sampaikan ke tempat yang aman walaupun pendatang yang dizalimi itu kalangan penganut bukan Islam wajib diberikan perlindungan"*

*menunjukkan Islam memberi jaminan hak kemanusiaan sehingga merentasi sempadan agama yang berbeza walaupun diwajibkan berdakwah”.*

Islam melarang paksaan sebelum menerima Islam. Sekiranya mereka tidak menerima Islam hendaklah diberi keamanan sama ada dia benar berada dalam negeri umat Islam atau ke negeri yang aman kepadanya. Tidak diizinkan, dipaksa pulang ke negeri yang menzaliminya. Ke atas semangat inilah masyarakat Pantai Timur menjadi Islam menerima pendatang mangsa peperangan Vietnam dan Kemboja pada tahun 70-an.

Sehingga kini nelayan-nelayan kita yang hanyut ke perairan mereka dilayan dengan baik kerana mengenang budi kita. Konsep Islam inilah yang menjadi panduan undang-undang antarabangsa dan piagam Geneva yang berkait dengan pelarian. Kita sepatutnya merasa kecewa dengan negara-negara jiran yang kaya raya menangani masalah Asia Barat dan merasa kecewa dengan agenda memaksa terhadap penganut Islam secara halus di negara-negara Arab dan mengutamakan kalangan profesional demi kepentingan ekonomi selain mengatasi masalah kemanusiaan.

Akhirnya, saya ulangi ayat tema yang pernah diucapkan oleh Perdana Menteri dalam bajet yang lalu untuk dijadikan peringatan. *[Membaca sepotong ayat al-Quran] “Abdikan diri kepada Tuhan punya Kaabah ini yang memberi makan sehingga tidak lapar dan memberi keamanan sehingga tidak takut. Kosong beribadah, ekonomi yang memberi kehidupan dan politik yang mewujudkan dengan keamanan”.* Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Jasin.

#### **6.05 ptg.**

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua bagi saya peluang untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet tahun 2016. Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah berjaya merangka bajet yang pragmatik untuk mendepani tahun 2016 yang dijangka lebih mencabar lagi pada tahun ini dan beberapa tahun yang lalu.

Izinkan saya Tuan Yang di-Pertua untuk melakarkan sedikit kemungkinan senario ekonomi global pada tahun 2016 serta impaknya ke atas ekonomi serantau dan juga negara kita sendiri. Tujuan saya untuk memberikan senario ini adalah untuk membolehkan kita lebih memahami rasional dan duduk bersama-sama untuk berbincang bajet yang telah dirangka oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Menurut IMF pertumbuhan ekonomi dunia pada tahun ini adalah pada kadar 3.1%. Ianya 0.3% lebih rendah daripada tahun 2014 dan 0.2% lebih lemah daripada unjuran asal. Selepas itu, *recovery* pula di negara-negara maju di *Euro Zone*, USA dan juga di Jepun masih lagi lemah dan juga *fragile*. Selepas itu *imaging economies* mengalami pertumbuhan yang lebih perlahan seperti negeri China. Ekonomi dunia kedua terbesar sedang bergelut pula untuk menyekat kadar

pertumbuhannya yang menurun dan juga pada masa yang sama harga minyak mentah pula diramalkan akan terus menurun.

Oleh kerana negara kita mengamalkan ekonomi terbuka dan ianya membawa makna jumlah perdagangan kita adalah 160% lebih besar daripada nilai GDP kita dan kedudukan Malaysia pada ketika ini berada di tangga ke-25 di dunia. Daripada segi eksport maka Malaysia dengan izin *is highly growth integrated* yang demikian kita tidak boleh terlepas dan terhindar serta terlindung daripada *out come* dan juga impak senario tersebut.

Tujuan saya memberikan sedikit gambaran ini Tuan Yang di-Pertua kerana ingin maklumkan bahawa tidak ada sesiapa yang sebenarnya menjangkakan bahawa ekonomi dunia pada ketika ini menghadapi masalah. Masalah ekonomi global yang tumbuh perlahan hasil daripada kejatuhan harga minyak dan juga kejatuhan harga komoditi. Walaupun banyak daripada negara belum *recover* lagi daripada impak krisis ekonomi *Euro Zone* kita sedang berhadapan dengan berbagai-bagai cabaran pada ketika ini.

Apa yang saya hendak sebut di sini bahawa beberapa hujah yang telah disampaikan oleh pihak pembangkang pada pagi tadi kita dapati sepatutnya sebagai Ahli Yang Berhormat apatah lagi sahabat saya daripada Bagan seorang pentadbir sebuah negeri pada ketika ini tidak sepatutnya membuat hujah yang sebenarnya jauh daripada landasan. Pertamanya apabila disebutkan tentang cadangan beliau untuk memansuhkan GST. Siapa menjangkakan GST akan berlaku bahkan GST ini telah dirancang dengan begitu rupa beberapa tahun yang lepas sebagai satu sistem percukaian yang lebih efisien dan diamalkan oleh 160 buah negara pada ketika ini.

Keputusan kita untuk GST cukup bertepatan sekali kerana GST telah dilihat sebagai penyelamat. Kalau tidak defisit fiskal kita akan macam Yang Berhormat Ketua Pembangkang sebut tadi bengkok.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *[Bangun]*

■1810

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Lenggong bangun.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Jasin, saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Jasin. Beberapa kali baik Yang Berhormat Permatang Pauh atau Yang Berhormat Bagan menyebut dan menolak GST. Saya tidak tahu apa dalam perancangan Pakatan Harapan kononnya untuk menggantikan kekurangan pendapatan negara hasil daripada keadaan ekonomi hari ini. Kalau GST ditolak, agak-agak Yang Berhormat Jasin apa pengiraan mereka sebenarnya. Apakah ada ataupun hanya sekadar momokan untuk mengelirukan rakyat sahaja? Tanya pandangan Yang Berhormat Jasin.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Sebenarnya itulah perkataan yang cukup bertepatan sekali kerana kalaulah GST tidak menyelamatkan kita, keputusan telah kita buat selepas kita mencadangkan dua tahun yang lepas dan berkuat kuasa pada April tahun lalu, maka fiskal kita akan melebar kepada angka 4.8% tetapi berkat kerana GST, kita bukan sahaja dapat mencatat angka sebanyak 3.2% pada tahun ini dan

*insya-Allah* pada tahun hadapan unjuran kita adalah kepada angka 3.1%. Maka perbahasan beliau tentang GST tadi adalah cukup tidak bertepatan sekali.

Seterusnya, beliau menyebut tentang hutang 2007 yang sekarang sudah melebar sebanyak RM658 bilion. Itu sebabnya Tuan Yang di-Pertua, kita hendak lihat bukan sahaja jumlah tersebut bahkan peratusan daripada GDP kita adakah ia melangkaui angka 55% daripada GDP yang telah kita tetapkan kerana pertumbuhan hutang adalah *in tandem* dengan GDP semasa. Jadi Tuan Yang di-Pertua, selepas itu beliau ada menyebut tentang hutang negara yang turut membesar. Saya ada sebut tadi, hutang adalah untuk tujuan pembangunan, bukan untuk tujuan mengurus. Ia diukur daripada kemampuan kita membayar semula dan sebenarnya hutang kita pada ketika ini ditakrifkan sebagai satu daripada negara yang paling terbaik sekali dan kita sebenarnya mengurus kewangan kita pada tahap yang cukup *prudent* sekali.

Seterusnya beliau ada menyebutkan tentang GNI *per capita income*. Itu saya bersetuju kerana pada ketika ini, pada tahun lepas kita menjangka GNI *per capita income* kita berada pada tahap 35,500 berapa ringgit saya pun sudah lupa tetapi sekarang kita menjangkakan mempunyai *per capita income* akan melonjak kepada 36,600 lebih. Jadi maknanya ada pertambahan lebih kurang 1,000 sahaja. Apa yang saya hendak maksudkan di sini, untuk menjadi sebuah negara maju bukan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Bagan. Itu unjuran kita untuk mencapai sebanyak USD15,000 yang bersamaan pada ketika ini kalau tukaran asing lebih kurang RM69,000 tetapi kalau mengikut OECD, dia ada menyebut di sini ada 34 buah negara pada ketika ini yang di dalam OECD yang telah diiktiraf sebagai negara maju. Ia merangkumi tiga syarat, yang pertamanya HDI yang tinggi, itu telah kita tepati, *Human Development Index*. Kita sekarang berada di tangga 62 pada tahun 2014. Selepas itu pendapatan yang tinggi, inilah sebenarnya harapan kita untuk melonjakkan lagi pendapatan yang seterusnya ditakrifkan sebagai negeri maju.

Sebenarnya takrifan negeri maju ini, OECD ada berbagai-bagai tetapi apa yang saya hendak sebut di sini, definisi *high income*, berpendapatan tinggi daripada USD12,736 ini syarat daripada OECD. Lebih kurang kalau tukaran wang asing pada ketika ini adalah lebih kurang RM53,000. Jadi apa yang saya hendak sebut di sini kalau pada ketika ini *per capita income* kita berada pada tangga RM36,800. Jadi maknanya kita ada lagi kekurangan sebanyak lebih kurang RM17,000 lagi.

Kita ada masa lima atau empat tahun daripada sekarang. Jadi maknanya setiap tahun, kita mesti mendapatkan pertumbuhan sebanyak lebih kurang RM4,000. Jadi saya hendak tanya kepada pihak kerajaan, adakah kita mempunyai keupayaan untuk mencapai angka RM4,000 pada setiap tahun untuk melonjakkan pendapatan *per capita income* kita. Kalau tidak, apakah pelan B yang kita ada kerana ini penting supaya matlamat dan unjuran untuk menjadi sebuah negara maju akan tercapai.

Seterusnya beliau ada menyebutkan, membantah tentang kenaikan tol. Saya hendak sebut macam mana tol di *Penang*? Naik juga. Tol kita sebenarnya adalah berasaskan kepada berapa jauh kah pembinaan kita. Sila.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** [*Bangun*] Mohon laluan.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Jasin, saya pun sering hairan tentang kenaikan tol yang sering disebut, apabila naik memang orang *complaint* terutama sekali pembangkang. Akan tetapi kita terlupa bahawa sebelum hendak dibuat sesebuah lebuhraya itu, syarikat konsesi perlu membuat *proposal* kepada Lembaga Lebuhraya ataupun kerajaan yang berasaskan kepada *traffic study* yang dibuat oleh JKR sendiri, bancian lalu lintas. Kemudian asasnya adalah keperluan. Keperluan tersebut secara mudahnya kita kata hendak mengelakkan *jammed*. Jadi hari ini contohlah macam Jalan Tun Razak, memang *jammed* dan diperlukan laluan alternatif.

Seterusnya syarikat itu akan membuat cadangan kadar tol. Kadar tol pula akan berdasarkan kepada *traffic forecast*, kemudian kepada belanja atau *maintenance cost*. *Maintenance* ini ada dua perkara, yang pertama *major maintenance* iaitu setiap tujuh tahun diperlukan *resurfacing*. Kemudian *maintenance* biasa seperti hendak menjaga rumput, longkang dan sebagainya. Kemudian, syarikat ini pula perlu melihat adakah ia *bankable*. *Bankable* maknanya ia perlu pinjaman untuk membuat pembangunan projek tersebut dan akhirnya sudah tentu daripada segi *viability project*.

Jadi semua ini kerajaan pula akan pulangkan balik kepada rakyat, berbincang melalui katanya macam dibuat kursus tempatan, berbincang dengan kepimpinan, pihak-pihak yang berkaitan, *stakeholders* terutama sekali rakyat tempatan yang berkenaan. Kemudian barulah kadar tol itu ditetapkan dan kenaikan *revision* ataupun penetapan kadar tol dan masa hendak dibuat *revision*, akhirnya dibuat *agreement* ataupun perjanjian. Dalam perjanjian inilah mesti ada satu klausa kata, sekiranya kadar tol yang *direvise* ataupun dengan izin *revision of toll rates* itu tidak boleh dibuat atas apa juga sebab, maka kerajaan perlu membayar pampasan. Jadi pampasan ini bergantung kepada kadar *forecast traffic* dan juga kadar tol yang hendak dinaikkan.

Untuk makluman Yang Berhormat Jasin, sebagai makluman tahun ini sahaja, tahun 2015, kalau Yang Berhormat Jasin melihat dalam bajet Kementerian Kerja Raya pampasan kadar tol yang disediakan oleh kerajaan berjumlah RM593 juta, yang kerajaan kena bayar sebab tidak menaikkan kadar tol di lebuhraya tertentu. Dalam masa yang sama juga, kalau Yang Berhormat Jasin tengok perbelanjaan penyelenggaraan lebih raya jalan-jalan Persekutuan termasuk *maintenance* adalah RM640 juta.

Jadi adakah Yang Berhormat Jasin bersetuju bahawa kalaulah kadar tol ini terus dibebani, ditanggung oleh kerajaan dengan membayar pampasan, duit yang sama RM593 juta itu sepatutnya boleh digunakan untuk membuat *maintenance* Jalan Persekutuan yang lain ataupun hendak membuat jalan baru di tempat-tempat terutamanya di Sabah dan Sarawak yang diputuskan. Apakah pandangan Yang Berhormat Jasin?

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih sahabat saya yang berpengalaman tentang Lembaga Lebuhraya ini. Saya rasa hujah beliau dimasukkan dalam ucapan saya. Apa yang kita hendak sebut di sini supaya semua Ahli-ahli Yang Berhormat dapat memahami apa konsep bajet dan supaya kita jangan membuat tuduhan melulu tanpa usul



periksa apatah lagi tentang apa juga hujahan yang telah dibuat oleh sahabat saya tadi kerana kita mahu melihat operator ini, kita lihat berapakah CAPEX mereka? Sama ada CAPEX yang telah dibelanjakan untuk membina lebuhraya kerana negara kita pada ketika ini di antara negara yang paling hebat yang menyediakan jalan raya dan lebuhraya yang paling terbaik. Jadi janganlah kita membuat tuduhan-tuduhan melulu, andaian-andaian dan persepsi-persepsi yang bukan-bukan.

#### ■1820

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya terus pada ucapan saya, jadi memahami realiti dan hakikat tersebut dengan minda terbuka. Maka kerajaan kita sedar bahawa ia perlu segera mengambil alih tempat pemandu ekonomi daripada pihak swasta. Secara mudah, ringkas dan padat, kerajaan perlu memilih pendekatan dengan izin, *Keynesian to stimulate effective demand and consequently economic growth*. Ini bermakna dalam suasana pihak swasta lebih berhati-hati untuk berbelanja. Maka menjadi tanggungjawab kerajaan untuk mengekalkan kesejahteraan hidup rakyat. Itulah sebenarnya tema bajet kita pada tahun ini.

Natijahnya, Kerajaan Barisan Nasional terpaksa berbelanja lebih daripada jangkakan hasil yang kita peroleh atau bajet defisit. Lalu semua Ahli Dewan yang mulia ini dan rakyat Malaysia hendaklah sedia untuk menerima rasional serta tekad tersebut, inilah *basic economy*. Defisitnya adalah *manageable* ataupun RM40 bilion atau 3.1% daripada nilai GDP kita dan ia lebih rendah daripada segi defisit fiskal tahun ini sebanyak 3.2%. Ia adalah berkat perancangan kita yang pragmatik, yang *prudent* dan cukup berhemah sekali.

Tuan Yang di-Pertua, hasil kemelut dan pergelutan yang pahit itu sebenarnya adalah amat manis sekali. Rasionalisasi berkenaan telah menyelamatkan RM24 bilion duit rakyat. Manakala pelaksanaan GST pula dijangka akan memberikan tambahan hasil bersih sebanyak RM22 bilion pada tahun 2016. Bukan matlamat kita ataupun tujuan kerajaan untuk membebankan rakyat. Kita faham tentang kenaikan harga barang pada ketika ini, kos sara hidup. Akan tetapi inilah sebenarnya keputusan yang terbaik untuk mengurus ekonomi negara pada ketika ini dan telah terbukti bahawa dengan keputusan yang terbaik tersebut telah menyelamatkan negara kita daripada terus menghadapi defisit yang cukup melebar.

Tuan Yang di-Pertua, antara *outcome* daripada apa yang cuba diusahakan daripada bajet ini, daripada segi pertumbuhan ekonomi GDP *growth* kita diunjurkan akan tumbuh pada 4% hingga 5% pada tahun 2016. Rendah sedikit kalau kita bandingkan dengan unjuran pertumbuhan kita pada tahun ini iaitu sebanyak 4.5% hingga 5.5%. Namun ia adalah satu unjuran yang cukup realistik yang boleh dibanggakan setelah kita mengambil kira latar belakang senario ekonomi yang suram, yang saya lakarkan tadi. Dalam pada itu, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan mengenai sasaran kita untuk mencapai ekonomi berpendapatan tinggi.

Izinkan saya pula untuk membuat beberapa saranan untuk dipertimbangkan oleh pihak kerajaan. Pertama Tuan Yang di-Pertua, kita mahu melihat supaya pertumbuhan kita akan terus berada dalam keadaan yang paling baik. Apakah sebenarnya langkah-langkah lain yang dibuat

oleh kerajaan bagi memastikan ada penjimatan pada semua perbelanjaan setiap kementerian dan juga jabatan?

Seterusnya, saya ingin sebutkan di sini, angka-angka sebenar ataupun sebelum itu, sebelum saya terlambat saya hendak sebutkan sedikit ada beberapa perkara yang saya hendak bangkitkan tentang kawasan saya. Pertamanya, daripada belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebenarnya satu bajet yang menyeluruh, yang bukan sahaja memerlukan penumpuan kepada ekonomi sahaja bahkan memberikan kepastian supaya kita dapat menyejahterakan rakyat.

Apa yang saya hendak sebut di sini pada tahun 2010, kita ada satu projek rangsangan ekonomi yang mana satu projek jalan empat lorong yang dibuat, yang dicadangkan dari Tangkak ke Jasin, Jasin ke Ayer Keroh, mempunyai empat buah pakej. Kita telah dapat melaksanakan pakej pertama dan pakej keempat. Pakej kedua dan ketiga masih lagi belum dilaksanakan. Saya tidak jemu-jemu untuk membangkitkan perkara ini pada setiap tahun. Bukan sahaja dalam ucapan belanjawan, bahkan dalam ucapan yang lain. Ini kerana saya rasa perkara ini sepatutnya dilaksanakan segera kerana inilah janji kita kepada rakyat yang patut kita tunaikan.

Keduanya, kita dapat lihat daripada Kementerian NRE satu peruntukan yang besar sebanyak RM732 juta untuk tebatan banjir. Sama ada kerajaan telah memasukkan satu permohonan yang telah kita buat untuk satu Projek Tebatan Banjir Sungai Kesang bagi memastikan supaya bandar Jasin tidak sentiasa dilanda banjir kilat setiap kali hujan lebat. Jadi, kita mahu kalau boleh kerajaan dapat memastikan supaya projek ini dapat dilaksanakan untuk belanjawan pada tahun 2016.

Terakhirnya Tuan Yang di-Pertua, ini baru permohonan saya sahaja Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua tengok saya, naik gerun saya. Ketiganya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada 10 minit lagi. Banyak masa lagi.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa saya hendak sebut di sini, negeri Melaka adalah sebuah negeri pelancongan. Ini adalah *revenue* kita yang paling baik. Setiap kali cuti umum, setiap hujung minggu, hari Jumaat, Sabtu dan Ahad kita dapat lihat kesesakan yang cukup serius sekali berlaku. Kadang-kadang kesesakan yang melangkaui sampai tiga jam untuk sampai ke pusat bandar daripada tol. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa beliau melawat negeri Melaka pada tahun 2013 telah pun menyatakan dan mengumumkan, beliau meluluskan satu projek penguraian trafik bagi memastikan supaya ia tidak menghadapi kesesakan yang melampau ini. Jadi kita berharap semoga projek ini dapat dilaksanakan untuk bajet tahun 2016.

Tuan Yang di-Pertua, banyak parameter yang perlu kita berikan perhatian untuk mencapai tahap kejayaan yang lebih baik dan lebih tinggi. Namun kemakmuran dan keamanan adalah merupakan yang paling penting. Kita akui Kerajaan Barisan Nasional tidaklah sempurna ataupun *perfect* tetapi berdasarkan dengan izin, *a basket of indicator* ini amatlah jelas bahawa

kedua-dua 'K' ini iaitu kemakmuran dan keamanan telah berjaya dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional dengan sempurna dan rakyat telah dapat menikmati hasil usaha tersebut.

Pertamanya, kita lihat kepada pertumbuhan GDP kita. Malaysia mencatatkan pertumbuhan sebanyak 5.3% pada separuh tahun pertama tahun 2015. Berbanding dengan negara-negara lain yang lebih rendah dan juga menguncup pertumbuhannya seperti di Amerika, Jepun, Germany, *Eurozone* dan Singapura. Petunjuk ekonomi "poko" menunjukkan bahawa ekonomi Malaysia akan terus berkembang pada tempoh yang terdekat ini. Diakui bahawa pertumbuhan ini pada kadar yang lebih perlahan dan kita anggarkan mencapai 4.4% atau 5%. Ekonomi dunia juga seperti yang kita sebut awal tadi dijangka tumbuh perlahan pada 3.1% pada tahun ini.

Kadar pengangguran kita pula seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah sebanyak 2.9%. Manakala banyak negara lain yang sedang bergelut dengan masalah pengangguran yang tinggi seperti di Indonesia, Mesir, Israel, Amerika dan *Eurozone*. Kadar kemiskinan pula ia amat rendah atau hampir sifar iaitu hanyalah 0.6%. Matlamat kita mahu mencapai supaya kita tidak ada lagi kemiskinan tegar.

Sedangkan banyak negara terus dicengkam kemiskinan seperti di Amerika 15%, di China 36%. Tidak perlu saya sebutkan negara-negara lainlah, Indonesia dan juga India. Akan tetapi apa yang kita hendak sebut di sini, kita mahu matlamat kita adalah supaya kita dapat mengurangkan ataupun kalau boleh sifar kemiskinan tegar. Kadar inflasi kita di tahap sederhana iaitu 3.1% berbanding dengan negara-negara lain. Selepas itu keamanan, berdasarkan daripada *Global Peace Index*, Malaysia berada pada tangga ke-28. Kebahagiaan. Berdasarkan daripada WHI, kedudukan Malaysia nombor 61. Kemakmuran pula, berdasarkan pada *Legatum Prosperity Index*, kedudukan Malaysia pada tangga ke-45.

#### ■1830

Saya sengaja memberikan angka ini supaya kita dapat satu kepastian. Janganlah kita hendak menuduh seolah-olah negara kita, ekonomi negara kita gagal seperti apa yang disebut oleh pembahas-pembahas awal tadi. Akan tetapi, seharusnya kita bersyukur berterima kasih kepada kerajaan dan seharusnya kita memberikan sokongan. Apa juga usaha yang baik ini semata-mata bukan sahaja untuk negara bahkan untuk rakyat juga.

Selepas itu kita pergi kepada kemakmuran. Agar ia seimbang, pada hemat saya, bajet kita pada tahun ini wajarlah kita lihat daripada segi pertamanya, pendapatan kerajaan, sumbangan rakyat berbanding dengan perbelanjaan.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat]***

Kita hendak kalau boleh perbelanjaan kita jangan melebihi daripada perbelanjaan mengurus. Ini kerana, itu adalah satu daripada syarat-syarat perlu. Kalau pun negara kita defisit, tetapi kita tidak boleh berbelanja mengurus melebihi daripada pendapatan kita. Kita boleh

belanja, selepas itu pembangunan kita boleh belanja lebih kerana pembangunan boleh menjana pendapatan. Setiap pinjaman yang kita buat adalah bertujuan untuk kos pembangunan kita.

Seterusnya yang kedua, suasana ekonomi global kerana permintaan luar dan suasana ekonomi dalam negeri kita, permintaan domestik. Yang ketiganya, pertumbuhan serta agihan. Seterusnya, keseimbangan antara kepentingan individu dan juga kepentingan negara serta pertumbuhan mapan yang turut mengambil kira tuntutan jangka pendek, sederhana dan juga panjang. Diharapkan cadangan dan apa juga kritikan yang telah dibuat supaya dapat sama-sama kita perbaiki.

Sebenarnya, walaupun pihak pembangkang membuat berbagai-bagai cemuhan tetapi banyak pihak yang memuji kehebatan ketahanan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dalam membentangkan satu bajet yang cukup bererti yang memberikan satu penumpuan khusus kepada semua lapisan masyarakat. Matlamat kita, kita menyejahterakan rakyat.

Dalam rangka Bajet 2016, Kerajaan Barisan Nasional menerima hakikat bahawa pertumbuhan ekonomi global akan terus berlegar dalam keadaan yang cukup lemah. Apatah lagi harga komoditi kita pada ketika ini pada paras yang rendah dan oleh yang demikian, akan memberi impak ke atas hasil kerajaan melalui punca-punca yang kita sebut tadi.

Jadi, di bawah landskap pendapatan kerajaan yang menurun dan pertumbuhan ekonomi global yang suram, maka sudah pasti ia sedikit sebanyak memberi kesan kepada suasana ekonomi dalam negeri termasuklah perbelanjaan ataupun *consumption* oleh rakyat. Terbukti, kedua-duanya telah menurun.

Pertumbuhan ekonomi kita pada suku tahun 2015 adalah lebih rendah iaitu 4.9 peratus sahaja berbanding suku pertama iaitu 5.6 peratus. Jadi, kita dapat lihat bagi tempoh yang sama, penggunaan terakhir swasta juga merosot 6.4 peratus dan juga 8.8 peratus. Di sinilah sebenarnya tanggungjawab kerajaan dan peranan kerajaan untuk mengambil alih swasta yang pada ketikanya lebih berhati-hati untuk membuat apa juga perbelanjaan.

Kita mempunyai beberapa pilihan. Dalam keadaan ekonomi sedemikian, apakah sebenarnya pilihan kerajaan? Pada asasnya, kerajaan kita mempunyai dua pilihan. Pertamanya, kita berbelanja mengikut kemampuan hasil yang ada dan mengukur baju di badan kita sendiri. Atau yang kedua, kita berbelanja lebih daripada hasil yang kita diperolehi tetapi ia dibelanjakan secara produktif, secara berhemah dan pragmatik dengan tujuan untuk kita merangsang semula aktiviti-aktiviti ekonomi kerana di situlah sebenarnya ekonomi *spinning* yang akan berlaku dan serta melonjakkan semula hasil kerajaan.

Jadi pilihan pertama itu biasanya amat sesuai kalau kita amalkan oleh orang-orang individu, syarikat-syarikat ataupun syarikat-syarikat keluarga. Jadi, pada hemat saya, ia kurang sesuai diamalkan untuk negara. Bahkan, saya mencadangkan supaya pilihan yang kedua tadi lebih tepat dan kita laksanakan oleh kerajaan yang bertanggungjawab yang mengutamakan kesejahteraan dan 2K iaitu keamanan dan kemakmuran tadi.

Dalam lain-lain perkataan, kerajaan kita mengguna pakai pendekatan jaguh ekonomi kita, *Lord Keynes*, untuk memulihkan semula kerancakan aktiviti ekonomi kita. Adalah tepat

masanya kerajaan kita untuk ambil alih tugas memandu perjalanan ekonomi kita ini. Pihak swasta memang pada ketika ini bukan sahaja ada dalam pada keadaan yang lemah, bahkan lebih berhati-hati.

Sekiranya, kedua-duanya iaitu kerajaan dan swasta mengurangkan pelaburan perbelanjaan masing-masing dalam tempoh yang suram ini, maka sudah pasti ekonomi kita akan menguncup dan rakyatlah yang akan menanggung kesengsaraannya. Bahkan, apa yang akan berlaku ialah pengangguran yang meluas, pendapatan yang merosot dan kemiskinan kita akan meningkat. Apa yang kita bimbang sekali adalah penyakit sosial akan merebak.

Lantas, kita alu-alukan peningkatan perbelanjaan. Pelaburan tersebut demi mengekalkan kemakmuran rakyat tetapi apa juga perbelanjaan yang kita buat seharusnya lebih *prudent* dan memastikan supaya kita dapat mengawal apa juga defisit fiskal kita, tidak melebihi daripada apa yang kita unjurkan.

Sesungguhnya, kerajaan sebenarnya telah pun melaksanakan pendekatan ini pada tahun ini apabila kita mencerapi senario yang saya lakarkan tadi. Buktinya, perbelanjaan akhir kerajaan pada suku tahun kedua tahun 2015 telah melonjak kepada 6.8 peratus berbanding 4.1 peratus pada suku tahun sebelumnya. Tanpa pemacuan tersebut, maka sudah pasti kita tidak akan mampu untuk mencapai pertumbuhan sebanyak 5.3 peratus untuk setengah tahun pertama tahun 2015.

Oleh yang demikian, kita terus akan dapat menikmati kemakmuran dalam suasana ekonomi global yang suram dan juga muram serta mencabar ini. Jadi janganlah hendaknya pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab membuat berbagai-bagai andaian, persepsi-persepsi yang bukan-bukan yang boleh melemahkan sebenarnya negara kita dan pemimpin kita.

Pada masa yang sama, saya ingin menarik perhatian kerajaan kepada empat isu utama yang berkaitan dengan pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran ini iaitu, pertama, ekonomi berpendapatan tinggi. Setakat manakah pencapaian yang kita buat yang lebih realistik sekali apabila kita sampai unjuran kita pada tahun 2020 untuk mencapai sebuah negara maju? Apakah sebenarnya tindakan-tindakan kita selain daripada kita meningkatkan *minimum wage* pada ketika ini yang sebenarnya satu berita yang cukup gembira sekali pada semua golongan pekerja. Akan tetapi, kita mestilah kalau boleh mengambil pendekatan yang lebih pragmatik lagi dalam memastikan supaya kita dapat menambah lagi pendapatan-pendapatan rakyat.

Seterusnya, kedua, kita mahu melihat supaya satu perbelanjaan yang benar-benar berhemah. Kita alu-alukan pendapat daripada pihak pembangkang tetapi seharusnya apa yang baik kita berikan kepujian. Bukan semua tak baik. Apa kerajaan buat semua tak baik. Entah apa yang baik pun kita tak tahu. Akan tetapi apa juga yang diberi oleh kerajaan kita terima tetapi dalam masa yang sama kita bantai habis-habis.

Tuan Yang di-Pertua, kita mahu kalau boleh nama negara kita yang baik ini dapat sama-sama- ia adalah tanggungjawab kita bersama dan sama-sama kita jaga. Janganlah hendaknya kita keluar di sana, di luar negara, memburuk-burukkan kerajaan. Inilah suatu perbuatan yang cukup biadab sekali yang sepatutnya tidak berlaku.

Seterusnya- saya dah nampak signal daripada Tuan Yang di-Pertua. Saya akur. Perkara ketiga, kita mahu kalau boleh kita dapat merapatkan jurang kekayaan. Keempat, yang paling penting, kos sara hidup kita.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya adalah orang yang sangat taat kepada arahan, saya tidak mahu melanggar peraturan. Saya taat, Tuan Yang di-Pertua, setakat itu yang dapat saya sampaikan. Saya menyokong bajet ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1840

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Yang Berhormat Parit Buntar.

6.40 ptg.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *[Membaca doa dan selawat dalam bahasa Arab]* Tuan Yang di-Pertua, bajet yang sama-sama sedang kita sedang bahaskan ini adalah merupakan satu bajet yang tiba dalam suasana negara kita diuji dengan pelbagai ujian. Ujian itu tidak dinafikan sama ada ia merupakan ujian dalaman mahupun ujian luaran. Tanpa kita tidak secara semberono mengkritik dasar dan juga bajet ini, memang kita akui ada perkara-perkara yang kita tidak dapat kawal khususnya dalam melihat faktor dan suasana dunia yang pada hakikatnya di luar daripada kawalan kita semua.

Saya memberi contoh seperti mana yang telah disebut oleh beberapa rakan sebelah sana dan juga di sebelah sini tentang bagaimanakah perkembangan ekonomi China yang perlahan turut memberi kesan kepada ekonomi kita pada hari ini. Itu tidak dapat dinafikan sehinggakan apabila ekonomi negara China ia bersin Tuan Yang di-Pertua, maka seluruh ekonomi khususnya di negara kita akan terkesan.

Yang kedua, kita tidak nafikan sebagai satu sumber pendapatan negara iaitu minyak telah turun tanpa ada satu kawalan yang boleh kita buat terhadap penurunan ini. Saya akur dengan hujah-hujan dan alasan-alasan yang diberikan terhadap faktor luaran yang di luar daripada – *beyond our control*, dengan izin.

Selain daripada itu, *foreign direct investment* sudah berkali-kali disebut tentang bagaimana ia berkurangan khususnya pada negara kita. Tidak dapat dinafikan dalam konteks kuasa dunia seperti US, kadar faedah yang tidak menentu oleh *Federal Reserve* yang menetapkan kadar faedah itu juga telah memberi kesan kepada ekonomi kita pada hari ini.

Sama-sama lah kita akur bahawa ini adalah faktor di luar kawalan kita dan semua kita sedia maklum bahawa dunia ekonomi yang dikuasai oleh *neo-capitalists*, *neo-liberalists* adalah ekonomi yang menekan negara-negara yang lemah dan terdedah kepada kerapuhan ekonomi pada bila-bila masa.

Namun dengan izin, *having said that* Tuan Yang di-Pertua, ini bukan bermakna kita dapat lari daripada membuat muhasabah kepada kelemahan-kelemahan yang berlaku secara dalaman. Faktor dalaman yang merupakan daripada perbuatan kita sendiri. Dasar-dasar yang kita lakukan

sendiri. Tidak adil sama sekali Tuan Yang di-Pertua untuk melonggokkan semua permasalahan ekonomi ini kepada suasana ekonomi dunia lembap dan sebagainya.

Kita harus akur secara jujur melalui *dhamir* kita yang disebut oleh Yang Berhormat Permatang Pauh pada pagi tadi bahawa tangan-tangan kita secara sedar ataupun tidak sedar melakar langkah-langkah menuju kepada negara yang akan dilanda krisis. Ini berpandukan kepada firman Allah SWT dalam surah Asy-Syura ayat yang ke-30 bahawa Allah SWT berfirman. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran] "Apa yang tertimpa atas kamu daripada musibah..."*. Kita jangan terjemah musibah hanya musibah jerebu contohnya ataupun musibah gempa bumi contohnya, tetapi musibah juga boleh berlaku dalam maksud krisis ekonomi dan ujian-ujian kepimpinan. *"Ini adalah daripada perlakuan tangan-tangan kamu.."*. Tanggungjawab kamu yang telah menyebabkan semua ini berlaku. *"Pun demikian, Allah memaafkan sebahagian besar daripada dosa-dosa yang telah kamu lakukan."*

Ayat yang tadi disebut oleh Yang Berhormat Marang juga saya ingin petik. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran] "Nampaklah kefasadan di lautan dan di daratan, ini adalah di atas sebab apa yang telah diperlakukan oleh tangan-tangan kamu sendiri (tangan manusia) supaya dengan itu dirasakan kepada mereka apa yang telah mereka lakukan, moga-moga mereka ini sedar"*.

Tuan Yang di-Pertua, hanya rahmat Allah sahaja yang berbaki untuk kita sempurnakan dalam menyelamatkan keadaan, dan saya menyeru kepada rakan-rakan sebelah sana walaupun tak ramai orang bahawa kita harus, pertama mengaku *we have a problem here*. Tak boleh kata kita tidak ada masalah atau cuba hendak mengelak-elakkan atau cuba hendak membuatkan–menutup masalah itu dengan berbagai alasan-alasan. Saya minta supaya kita *for the first time* dengan izin, mengakulah kita ada masalah di sini. Masalah ini perlu, *first step towards solution is to accept that you have a problem*, dengan izin.

Langkah awal untuk kita selesai masalah ialah kena mengaku dahulu ada masalah, dan mengaku ada masalah ini akan bawa kita untuk mengatur langkah yang lebih positif, langkah yang lebih proaktif bagi kita mengelak krisis. Itu sebenarnya bajet Pakatan Harapan Tuan Yang di-Pertua, *averting a crisis* iaitu mengelak krisis. Tajuk itu sendiri Pakatan Harapan telah letak mengakui bahawa kita ada masalah dan kita harus elak daripada masalah itu menjadi lebih teruk. Langkah awal yang saya sarankan Tuan Yang di-Pertua untuk diambil perhatian oleh rakan-rakan semua termasuklah pihak kerajaan, semua yang membahaskan dalam Dewan ini harus mengakui bahawa negara ini perlu diselamatkan dan bukan kerajaan ini perlu diselamatkan. Ada dua perbezaan antara kita hendak selamatkan kerajaan dengan kita hendak selamatkan negara. Kerajaan boleh datang dan pergi walaupun UMNO tak pernah-pernah pergi. Sudah berpuluh tahun Barisan Nasional. Akan tetapi negara ini akan kekal, *the country will remain, the government can come and go*.

Oleh itu, dalam berhadapan dengan krisis ini yang kita hendak selamatkan bukanlah kerajaan tetapi yang kita hendak selamatkan adalah negara ini. Maka sebab itu, saya seru kepada semua rakan-rakan kita mesti mendongak lebih tinggi daripada garisan kepentingan parti kepada kepentingan negara. Saya tidak mahu dalam usaha kita untuk menyelamatkan parti atau

kerajaan maka kita akan menggunakan jalan keluar yang lebih membahayakan negara, contohnya untuk kita mengelak daripada kelemahan kita serta kebobrokan kita maka kita alihkan perhatian supaya rakyat sibuk dengan isu-isu perkauman contohnya, isu-isu kebencian agama contohnya sehingga kita mengeksploitasikan isu perkauman, isu hubungan antara agama untuk kita jadikan umpan menyelamatkan keadaan dan menyelamatkan diri kita sedangkan perbuatan tersebut akan menyebabkan masalah kepada negara kita.

Berhentilah daripada permainan perkauman. Sebab itu Parti Amanah Negara, walaupun ini baru pertama kali suaranya didengar dalam Parlimen menyatakan dengan tegas bahawa kami menentang sebarang fahaman perkauman yang boleh merosakkan negara ini.

**Seorang Ahli:** Dahulu parti lain.

■1850

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Ya, siapa mahu berucap, sila bangun! Mahu komentar, tidak ada?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tiada yang bangun.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Terima kasih. Mana bisa mahu komentar menentang perkauman sudah tentu semua orang sokong, Tuan Yang di-Pertua. Ya, saya teringat akan kata-kata seorang ahli politik. *"A politician is a person with huge politics you don't agree. If you agreed with him, he is a stateman"*. Apa maksudnya? Ahli politik ialah seorang tidak akan bersetuju dengan politiknya.

Dan inilah kita di sini, semua ahli politik semua ini. *"Apa di sini cakap dia tak akan setuju, apa yang di sana cakap dia tak setuju"*. Sebab itulah orang politik. *Because*, kerana jika anda bersetuju dengannya, dialah seorang negarawan. *So*, saya mengharapkan biarlah kita menjadi negarawan di sini. Supaya kita boleh bersetuju pada perkara-perkara prinsip. Walaupun berbeza pandangan, walaupun berbeza parti supaya jangan kita jadikan diri kita hanya *politician* dalam kata lain dengan izin, *a politician thinks at the next election, a stateman think of the next generation*.

Ahli politik hanya fikirkan lagi dua tahun, mahu pilihan raya terus kekal berkuasa. Tapi negarawan berfikir bagaimana generasi seterusnya harus kita selamatkan. Inilah isu yang saya rasa mengheret Dewan ini kepada perkara-perkara yang tidak perlu diheret. Tuan Yang di-Pertua, yang kedua kita kena kembalikan kepercayaan rakyat dari Dewan ini. Bukan dari luar sana. Dari luar sana kita boleh berbicara atas pentas politik. Dari luar sana kita boleh bergegar sehingga *rostrum* boleh bergegar dan platform boleh bergegar. Rakyat yang mendengar akan dicurahkan dengan semangat retorik-retorik ucapan kita di luar sana, Tuan Yang di-Pertua.

Tetapi, di dalam Dewan ini, kita harus bersama kembalikan keyakinan rakyat yang di luar sana. Cara yang paling mudah kita kembalikan keyakinan rakyat ialah kita memerlukan tindakan yang drastik Tuan Yang di-Pertua terhadap isu-isu yang memalitkan kewibawaan negara, skandal-skandal yang berlaku. Pelbagai masalah 1MDB yang kita berbahas panjang kerana kita hendak menggantung Yang Berhormat Gelang Patah kerana isu 1MDB.



Saya hendak beritahu kepada Tuan Yang di-Pertua, rakyat di luar sana dia tidak kira siapa, dari parti mana, apa yang dia sokong? Tapi percayalah, bahawa mereka hilang kepercayaan kepada kita sebagai Ahli Parlimen. Saya tidak kata kepada Barisan Nasional, saya tidak kata. Saya menyatakan kita sebagai ahli-ahli politik, kita sebagai Ahli-ahli Parlimen. Dalam kita berbicara tentang 1MDB, kita tidak menunjukkan sikap kita untuk mengembalikan kepercayaan.

Saya takut satu hari Tuan Yang di-Pertua, saya ada tengok dalam internet, saya tidak tahu di negara mana. Ada seorang Ahli Parlimen berjalan, semua tangkap Ahli Parlimen itu, buang dia dalam tong sampah. Kerana apa? Sebab tidak ada *value* lagi. Saya tidak mahu jalan di pekan Parit Buntar atau di mana nanti orang tengok. Oh, ini wakil rakyat kita, ambil dia letak dia dalam tong sampah. Kerana saya mahu kewibawaan Dewan ini serta Ahli-ahli Parlimen yang ada di dalam Dewan ini kita mesti kembalikan keyakinan rakyat terhadap institusi Parlimen ini.

Kami daripada Amanah Negara dan Pakatan Harapan menuntut supaya mereka yang terlibat dalam skandal ini diheret dan dikenakan hukuman terhadap kesalahan mereka. Barulah rakyat percaya, ini tidak. PAC hendak bubar, tunggu tiga bulan Parlimen baru sidang. Kenapa tidak panggil, mesyuarat Parlimen khas. Ini! Bekas pengerusi PAC ada, ada di belakang sana Pulai, sekarang sudah naik pangkat jadi Timbalan Menteri. Dia sudah buat cantik sudah, sudah panggil sudah. Tapi tiba-tiba terhenti, kerana apa? Ahli PAC termasuk pengerusi telah dinaikkan pangkat.

Baguslah Tuan Yang di-Pertua, naik pangkat. Cuma saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang memang kuasa dia untuk melantik mana-mana Jemaah Menteri atau Timbalan. "*Takkan tiada orang lain*"? Bukan saya menafikan, potensi mereka. Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Tapi jikalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merasakan bahawa skandal 1MDB ini memaliti namanya, memburukkan namanya maka dia mesti dengan segera memastikan PAC buat rumusan bahawa dia tidak bersalah.

Tapi apa yang berlaku ialah apabila dia lantik anggota PAC termasuk pengerusi dia, sahabat saya, saya ada *tweet* kepada dia ketika dia dilantik, saya *tweet* kepada dia. Saya *tweet* kepada dia Tuan Yang di-Pertua, sebab saya ini kawan dengan dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tahniah kepada dia.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Ada dua saya sebut, tahniah. Cuma saya kata anda kekal terus jadi pengerusi anda akan dilihat tolak jawatan sebagai Kabinet duduk sebagai pengerusi, anda akan dilihat sebagai Ahli Parlimen yang paling dihormati dalam sejarah politik Malaysia. *Did I know, say that to you.* Tapi tak apalah, dia hebat saya tahu, dia layak untuk pegang jawatan saya tahu.

Tapi kadang-kadang maklumlah, jadi Menteri Kabinet ini, *Masya-Allah*, banyak kelebihan, banyak dia punya itu. Jadi, saya kira kalau dia kekal sebagai Pengerusi PAC tidaklah kita berbalah sampai terpaksa hendak gantungkan Yang Berhormat Gelang Patah ini walaupun anda bukan penyebab masalahnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gelang Patah bukan digantung kerana PAC, 1MDB, kerana anggapan kepada Speaker...

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Ya, saya tahu tapi *in light of that discussion. In the light of that discussion.* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. So, bila PAC sudah jalan elok...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Rompin bangun Yang Berhormat Parit Buntar.

**Beberapa Ahli: [Menyampuk]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Pengerusi PAC baru, Yang Berhormat.

**Dato' Hasan bin Arifin [Rompin]:** Adakah tuan, saya Ahli Parlimen baru. Bila ada Ahli Parlimen menyebut perkataan binatang, bodoh dan mengeluarkan perkataan yang tidak sesuai di Parlimen, saya tersentak. Saya tidak pernah terfikir, perkataan-perkataan seperti ini terkeluar daripada Ahli Parlimen sama ada pembangkang atau kerajaan.

Adakah Yang Berhormat setuju, adapun kita berat untuk menyatakan minta maaf, *sorry*. Berat mulut kita untuk mengeluarkan perkataan *doubtful words* daripada Ahli Parlimen yang saya kira dipilih sebagai wakil rakyat.

Saya tersentak dan tiga hari masih memikirkan bagaimana seorang Ahli Parlimen boleh menggunakan perkataan binatang dan bodoh. Saya menjadi Ahli Dewan Undangan selama lima penggal, tidak pernah mendengar perkataan-perkataan seperti ini di Dewan Negeri. Tetapi di Parlimen perkataan binatang, bodoh tidak mahu mengatakan minta maaf. Adakah Yang Berhormat Parit Buntar setuju ini adalah contoh-contoh yang tidak baik yang kita warisi.

**Beberapa Ahli: [Menyampuk]** Yang buruk...

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Terima kasih Pengerusi PAC yang baru. Saya ucapkan tahniah dan saya berjumpa dia di luar ketika bertembung, saya berkata saya mengharapkan sebagai pengerusi yang baru, dia dapat menjalankan tugasnya dengan bertanggungjawab, *insya-Allah*.

Ya, saya semua orang kenal selama ini saya tidak bersetuju pada apa-apa bentuk *unparliamentary words*. Sebab bagi saya, perkataan-perkataan itu lebih kepada emosi dan juga *triggered by event* dan sebagainya. Tapi itu tidak penting sebab ia tiada kena mengena dengan yang sedang saya cakap sekarang bahawa apa yang sedang saya sebut sekarang ialah rakyat mahukan mereka yang melakukan jenayah ini dengan segera dibawa ke pengadilan dan dihukum. Kerana, selagi ini tidak berlaku *justice delayed, justice denied*. PAC baru hendak buat, dia kena ulang balik, hendak panggil balik dan kita tengok macam mana 1MDB Tuan Yang di-Pertua.

Saya cuba melihat ini secara objektif sebab mungkin Tuan Yang di-Pertua pun tahu. Saya kalau berbahas pun saya tidak suka "*melarut-larut*", saya suka secara objektif.

## ■1900

Akan tetapi bila saya tengok 1MDB, saya merasakan bahawa ada di sana dalil-dalil yang menunjukkan *something is wrong somewhere. I do not know where*, dengan izin, *but something is wrong somewhere*. Satu, *everywhere maybe, I don't know*. Satu ialah kita tengok suruhanjaya yang sepatutnya membuat siasatan terhadap 1MDB. Di mana suruhanjaya itu Tuan Yang di-Pertua? *We do not know where it is*. Apa *conclusive* nya? Apa *conclusion* nya? Ia terdiri daripada Peguam Negara, ia terdiri daripada Pengarah SPRM, ia terdiri daripada Bank Negara, Gabenor Bank Negara, Ketua Polis Negara, semua yang 'negara-negara'. Di mana mereka sekarang? *I don't know. That begs me*, itu menuntut saya satu soalan, bukan saya ini bersangka buruk tidak, tetapi *that begs me*.

Kedua, kita dengar Peguam Negara tiba-tiba ditukar, direhatkan, dia pun tidak tahu dia sakit. Bila ditanya pada dia, adakah anda diberhentikan kerana sakit? Dia kata, "*Oh saya sakitkah? Saya pun tidak tahu*". Ini satu yang paling pelik berlaku, dia tidak tahu bahawa dia sakit. Okey tetapi saya timbul kenapa *at this moment* Tuan Yang di-Pertua, kenapa pada saat itu? Kenapa tidak pada saat lain?

Ketiga, apa yang berlaku pada PAC setelah empat orang dibawa, dinaikkan pangkat, *promoted* dan semua itu adalah sahabat-sahabat saya. Saya tahu mereka layak untuk duduk di kedudukan mereka. Akan tetapi kemudian hendak menghidupkan kembali PAC itu memakan masa yang panjang. Saya rasa kalau benda ini adalah kepentingan negara, mengapa tidak dipanggil satu *sitting* khas dan kami akan hadir. Oleh kerana ini adalah kepentingan negara, *this is a public interest*. Ini bukan kepentingan orang-orang tertentu dan sekali gus ia boleh menyelamatkan Yang Berhormat Pekan daripada andaian-andaian. Selagi tidak ada jawapan, maka dia diheret, diheret, diheret, *you cannot blame the people, you cannot blame the politician, because* tidak ada jawapan. Oleh kerana tidak ada jawapan itulah, maka kita kena kembali. Saya ingin merujuk bahawa kita sedang berhadapan dengan *deficit trust* sekarang ini Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Parit Buntar, sedikit.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Ya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Yang Berhormat Parit Buntar, separti. Saya ingin tanya Yang Berhormat Parit Buntar, minta pandangan Yang Berhormat. Kita tahu bahawa Bank Negara telah membatalkan tiga kebenaran di bawah *Control Exchange Act*, Akta Pertukaran Wang 1993 yang membatalkan kebenaran yang diberikan kepada 1MDB berkaitan dengan duit yang disimpan di Singapura itu berjumlah USD1.83 bilion ataupun RM7.52 bilion. Bank Negara juga di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 minta supaya wang itu dibawa balik ke Malaysia.

Sekarang ini, setujukah dengan saya, oleh kerana telah dibatalkan kebenaran itu atas alasan maklumat-maklumat yang diberikan oleh 1MDB itu tidak lengkap dan juga ada maklumat yang dianggap tidak betul. Jadi, setujukah dengan saya bahawa ini menunjukkan bahawa wang itu sekarang jadi wang yang haram. Oleh sebab *Exchange Control Act* itu sebagai contoh dalam

mahkamah kalau kita hendak fail saman itu mesti kita sebut dalam saman, Akta *Exchange Control* itu. Kalau tidak sebut benda itu, saman kita mungkin boleh dibatalkan.

Jadi, saya ingin bertanya, adakah Yang Berhormat Parit Buntar setuju wang ini sekarang jadi wang yang haram sebab tanpa kebenaran Bank Negara, masih disimpan lagi di Singapura. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, ada enam minit Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Enam minit, okey. Saya masukkanlah apa yang disebut oleh Yang Berhormat Sepang tadi dalam sebahagian dari ucapan saya, saya setuju sudah tentu.

Tuan Yang di-Pertua, *capital outflow* di dalam negara kita selama 14 minggu berturut-turut pada tahun ini telah meningkat RM11.7 bilion berbanding dengan RM6.9 bilion sepanjang tahun sudah. Bermakna, *within this 14 weeks*, satu amaun besar *capital flow exit* yang keluar daripada negara kita berbanding dengan setahun *last year* iaitu RM6.9 bilion. Ini membawa kepada isu yang saya sebut tadi *trust deficit*. Kita ada satu defisit di sini, bukan setakat defisit perbelanjaan tetapi defisit kepercayaan.

Apabila kepercayaan sudah tidak ada Tuan Yang di-Pertua dan perbuatan itu adalah perlakuan kita sendiri. Bukan sebab Dolar Amerika turun, bukan sebab China punya turun, *this is of our own doing*. Kita harus bertanggungjawab dan minta mereka yang bertanggungjawab menyebabkan krisis defisit keyakinan ini berlaku, mereka perlu dihukum supaya negara kita dapat diselamatkan.

Tuan Yang di-Pertua, trend perbelanjaan tidak berhema ini dalam bajet yang sedia ada terus diteruskan. Khususnya Jabatan Perdana Menteri daripada RM7 bilion tahun 2008 kepada RM16.5 bilion tahun 2014. Tahap keberhutangan meningkat pada nisbah 53.8% tidak termasuk *off budget liabilities*. Ketirisan aliran keluar secara haram, *illicit fund* yang keluar RM170.7 bilion pada tahun 2012 dan *accumulative* daripada tahun 2003 ialah RM1.388 trilion yang menyebabkan negara kita rugi dan ketirisan ini saya kira perlu ada satu kebertanggungjawaban. Inilah yang saya harapkan Ahli-ahli di Dewan ini berbincang, berbahas, bukan mengutuk sana, menjatuhkan sana, menjatuhkan sini tetapi kita ini bercakap tentang negara kita dalam keadaan yang kita hendak elak daripada berlakunya krisis.

Saya mencadangkan sebagai satu polisi Tuan Yang di-Pertua, nanti dikatakan pandai kritik sahaja tetapi tidak ada polisi. Saya mencadangkan polisi kita menyekat ketirisan kadar segera. Oleh kerana ketirisan disebabkan rasuah yang berleluasa dalam pentadbiran kerajaan dapat selamatkan 30 million dan ini termasuk dalam rangka iaitu menghapuskan perlindungan politik yang berleluasa, *political patronage*, dengan izin.

Kedua, kurangkan perbelanjaan operasi, khususnya pada *non-emolument* yang membengkak pada 75% antara tahun 2010 hingga 2015 daripada perkhidmatan dan bekalan. Dengan itu penggunaan subsidi bersasar dapat diselamatkan.

Ketiga, kurangkan pinjaman di luar bajet, yang tidak ada dalam bajet Tuan Yang di-Pertua tetapi dia *off the balance sheet* yang mana pinjamannya agak besar yang walaupun tidak ada dalam bajet, kerana kita hendak jaga defisit dan sebagainya tetapi ia tetap memberi kesan kepada perkembangan ekonomi negara.

*Structural reform* juga adalah perlu kerana saya selalu tengok di dalam bahas saya dah dua penggal di sini sejak daripada tahun 2008, benda itulah yang kita cakap. Ketirisan, duit pergi mana, skandal itu, skandal ini tetapi kita hendak selesai masalah, kita tidak buat satu *reform*. Maka, saya mencadangkan *structural reform* supaya kita tidak jadi seperti mana *doing the same thing, but expecting a different result is insane*.

Jadi, untuk itu saya mencadangkan, ini penting Tuan Yang di-Pertua ya. Kita kena pisahkan kuasa Perdana Menteri dan Menteri Kewangan. *This is really important* dan ini kita cadangkan dalam Pakatan Harapan punya bajet. Bahawa Perdana Menteri tidak boleh pegang jawatan Menteri Kewangan pada waktu yang sama bagi mengelakkan kuasa berlebihan pada seseorang individu. Kalau boleh kita praktikkan ini mungkin banyak kita dapat kurangkan kuasa Perdana Menteri yang ada pada hari ini.

Untuk pelaburan dana *sovereign, sovereign wealth fund* seperti 1MDB Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan Parlimen hendaklah dimaklumkan. Parlimen dirujuk supaya macam di Amerika Tuan Yang di-Pertua, kalau ada isu-isu yang melibatkan kepentingan negara dipanggil Presiden, dipanggil *State Secretary* untuk memberi penjelasan. Kalau bahagian tentera, dipanggil *expert* tentera, kalau bahagian ekonomi dipanggil *expert* ekonomi. Akan tetapi ini 1MDB, RM2.6 bilion hilang begitu sahaja. PAC tidak dapat buat rumusan, suruhanjaya tidak buat rumusan, di mana? *Where are we standing now? Standing in the eyes of the world* kah apa ini? *This is a very serious matter*, ini adalah satu yang cukup serius. Oleh itu Parlimen mesti diberi tanggungjawab supaya kita tidak mahu ulang lagi perkara ini.

#### ■1910

Ketiga, memperkukuhkan kebebasan, *independency* institusi pembuat dasar dalam Suruhanjaya SPRM, Pejabat Peguam Negara, Bank Negara dan kami dari Pakatan Harapan akan menyokong penerusan jawatan Gabenor Bank Negara, Dato' Sri Dr. Zeti kerana beliau merupakan orang yang paling sesuai untuk *over see* semua masalah ini dan dapat mencari ataupun jadi orang yang akan bagi jawapan kepada masalah yang sedang kita hadapi.

Tuan Yang di-Pertua, *last* sekali adalah penting bagi saya sebut bagi mewakili Parti Amanah Negara juga iaitu Agenda Bumiputera. Agenda Bumiputera sangat penting saya tengok di sini dan kita tahu dalam RMKe-11 disebut perkara yang sama, tiada benda yang baru di dalam Bajet 2016 kali ini. Cuma apa yang diperlukan oleh Agenda Bumiputera ini Tuan Yang di-Pertua adalah *efficiency and professionalism*. Bukan sangat bubuh duit banyak ini, banyak ini supaya orang bumiputera boleh beli *equines*, boleh beli ekuiti, bukan. Itu *this is not the issue*. Isunya ialah *efficiency and professionalism*. Saya bagi contoh Majlis Lembaga Pengarah, kebanyakannya adalah daripada orang politik.

Apabila orang politik yang *handle* agensi yang besar dan kerajaan bagi begitu amaun yang besar, macam mana mereka hendak efisien, macam mana mereka hendak profesional? Mereka akan terikat juga dengan isu-isu politik dan sebagainya. Sebab itu bagi saya, kalau ada mana-mana pengerusi Lembaga Pengarah baik Tabung Haji kah, baik MARA kah, kalau mereka tidak berperanan dan berfungsi, buang sahaja mereka ganti yang profesional. Apa salahnya? Takkan tidak ada orang yang profesional? Takkan tidak ada orang yang lebih baik hendak kendalikan Agenda Bumiputera yang lebih profesional dan efisien. Kalau kita masih dengan cara lama, saya rasa Agenda Bumiputera tidak akan ke mana Tuan Yang di-Pertua.

MRSM contohnya kita perlu MRSM diperkasakan di pedalaman, khususnya di Timur Malaysia supaya mereka di luar bandar dapat akses kepada pendidikan yang terbaik dan saya juga hairan kadang-kadang pelajar-pelajar ibu bapa pelajar dari MRSM ini terdiri daripada orang yang berpendapatan tinggi, kebanyakannya atau sebahagiannya tetapi mereka tidak membayar apa pun yuran kerana semua ditanggung oleh MARA. Apa kata kali ini kita buat satu cadangan, tengok siapa yang layak dari segi pendapatan dia, ibu bapa yang layak maka dia kena bayar satu token sum bulanan yuran kepada MARA. Barulah di sana rasa membantu sedikit MRSM bagi menanggung kos mereka walaupun tidak banyak.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya isu pekerja asing saya mencadangkan satu *tag line* dalam Parti Amanah iaitu memalaysiakan tenaga pekerja mahir. Kenapa saya kata memalaysiakan, sebab sekarang yang ada tenaga kerja bukan orang Malaysia, orang Bangla, orang Indonesia yang mereka ini membuat kerja-kerja yang kita panggil 3D *dirty, dangerous and difficult*. Kenapa kita tidak menganjak kemahiran ini yang lebih tinggi supaya rakyat Malaysia boleh duduk di tempat itu bagi kita *move the productivity forward* ke hadapan supaya pekerja-pekerja tidak *remain unskilled*. Apabila pekerja-pekerja *remain unskilled* Tuan Yang di-Pertua, maka gaji mereka rendah.

Apabila gaji mereka rendah, syarikat-syarikat mereka berlumba-lumba untuk mengambil yang terendah sehingga berlaku penindasan kerana itu kita rasa bagus, sokong kalau kerajaan telah memperkenalkan minimum *wages*. Itu sangat baik, itu tidak ada siapa yang hendak kata tidak baik sebab kita pun perjuangkan benda yang sama. Oleh itu kita minta memalaysiakan tenaga kerja. Dari mana sumber kaveat kita ada? Kolej-kolej kita ada, insentif yang lebih menarik. Janganlah bagi gaji yang rendah, bagi gaji yang menarik supaya dapat mengganti pekerja asing yang kita tengok hari ini telah mengambil sebahagian besar pasaran kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus menggalakkan pengecualian cukai bagi mereka yang mengambil. Ini adalah untuk OKU-OKU, supaya OKU-OKU apabila mereka diambil sesuai dengan kedudukan dan kelayakan mereka, kerja mereka maka syarikat itu diberikan pengecualian cukai. Begitu juga penduduk tempatan yang mereka ambil daripada mengambil pekerja asing, mereka juga diberikan pengecualian cukai kerana sasaran kita pada tahun 2020 ialah mengurangkan kebergantungan tenaga kerja asing 40% dengan menyelamatkan lebih kurang RM15 bilion hingga RM20 bilion duit yang *di-remitted* keluar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun]*

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar, sudah habis Yang Berhormat.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Parit Buntar, setengah minit.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Setengah minit, setengah minit. [Sambil menunjukkan ke arah Yang Berhormat Kapar dan Yang Berhormat Kuala Krai]

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Parit Buntar merasa cadangan untuk mengurangkan pengambilan pekerja asing ini melalui cadangan-cadangan yang disebut tadi boleh dilaksanakan dalam suasana tidak ada suatu kehendak politik, *politic will* kerana dalam urusan pengambilan pekerja-pekerja asing ini Yang Berhormat Parit Buntar, ianya bukan sekadar bercakap mengenai industri di mana mereka akan bekerja, tetapi pengambilan itu sendiri syarikat yang mengendalikan itu sendiri adalah satu industri yang didominasi oleh satu kelompok orang-orang yang rapat dengan pihak berkuasa. Jadi adakah boleh ini berjaya ditolak?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya melalui Yang Berhormat Parit Buntar kepada kementerian, berapa ramai OKU yang sedang bekerja di Jabatan Perdana Menteri dan setiap kementerian. Data dan statistik ini boleh diberi semasa setiap menteri dan Jabatan Perdana Menteri menjawab soalan. Soalan ini melalui Yang Berhormat Parit Buntar, terima kasih.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Ya Yang Berhormat Kuala Krai. Membawa masuk pekerja asing ini adalah satu perniagaan yang cukup mengayakan dan lumayan. Berniaga manusia ini. Sebab itu kami mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri kita tukar yang bagi permit itu bukan Kementerian Dalam Negeri, tetapi Kementerian Sumber Manusia. Sebab Kementerian Sumber Manusia lebih mengetahui keperluan pasaran kerja, Kementerian Dalam Negeri tidak ada kena mengena dengan pasaran kerja dan ini saya tengok lubuk yang telah mengayakan pihak-pihak yang tertentu kononnya hendak memberikan pembangunan negara ini kita tidak cukup orang tetapi yang kaya hanya sesetengah pihak di atas keringat mereka yang telah dieksploitasi. Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Boleh habiskan Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Kapar tadi....

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Ya Yang Berhormat Kapar, saya ucapkan dalam saya punya ucapan kerana ini amat penting untuk kita dapat jawapan. *Landing time*. Semoga bajet ini Tuan Yang di-Pertua mendedahkan realiti yang sedang dihadapi dan cara bagaimana kita menanganinya. Rakyat sedang memerhatikan kita. Jangan lupa, semua yang kita cakap di Dewan ini rakyat sedang melihat kita mengendalikan suasana sama ada kita benar-benar *people oriented* seperti yang dicadangkan dalam bajet kerajaan iaitu menyejahterakan rakyat atau pada hakikatnya kita hanya *power oriented* untuk kita kekal berkuasa selama-

lamanya. Saya rumuskan ucapan saya dengan pantun yang menjawab semua apa yang telah saya sebutkan secara ringkas tadi:

*Kata janji Tuan Yang di-Pertua hendaklah dikota;*

*Rakyat hidup susah-payah;*

*Tidak tahu apa hendak dikata;*

*Sama ada tahniah atau takziah.*

Oleh itu segala penjelasan perlulah meyakinkan kami di sini. Penjelasan 1MDB, Perdana Menteri bagi janji *I will tell everything*. Saya akan bagi tahu semuanya di Parlimen. Mana ada semuanya? Tidak ada apa-apa pun lagi. Sampai bila kena bagi tahu? Dia bagi tahu kata 1MDB kita akan selesaikan semuanya. Selesai apa? PAC baru ditubuhkan. Bergaduh kerana isu ini. Selagi Tuan Yang di-Pertua, kami tidak ada jawapan ini semua dan ini akan beri kesan teras defisit yang telah saya sebutkan tadi, dengan berat hati saya merasakan sukar bagi kami parti AMANAH untuk menerima bajet ini, sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lenggong.

**7.19 mlm.**

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana bagi peluang kepada saya untuk berbahas dalam pembentangan bajet kali ini dan saya pertamanya ucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah berjaya membentangkan satu bajet dalam keadaan yang kita tahu suasana yang sukar pada kali ini dan bukan mudah untuk kita merangka satu bajet yang benar-benar dapat memenuhi inspirasi dan kehendak rakyat walaupun berkali-kali Yang Berhormat Kapar tidak bersetuju, tetapi nikmatnya juga banyak diperolehi oleh rakyat di Kapar walaupun dia sebenarnya tidak tahu sekalian.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Kena bagi laluan sebab sudah sebut nama.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sekejap, nanti saya bagi. Bajet 2016 ini sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Pekan adalah pertama dalam rangkaian Bajet Rancangan Malaysia Kesebelas yang bertemakan 'Menyejahterakan Rakyat' yang kita tahu bahawa memberikan beberapa tumpuan berkaitan dengan perkara-perkara yang banyak tetapi yang tentunya menarik hati saya apabila tumpuan diberikan kepada soal-soal berkaitan dengan produktiviti, pembangunan modal insan, soal Agenda Bumiputera, kos sara hidup rakyat dan sebagainya yang tentunya bertemakan kepada *capital economy* dan *people economy* yang memang benar-benar diperlukan dan memperlihatkan kerajaan *respond* kepada segala permasalahan dan keinginan rakyat.

■1920

Ini yang saya lihat dalam bajet kali ini dan sebab itu kita secara terus menerus walaupun kita lihat dan dengar ada kritikan-kritikan tertentu yang kata BR1M tidak bagus dan sebagainya.



Akan tetapi saya percaya kerajaan punyai dapatan tersendiri, punyai kajian tersendiri dan kalau kita tanya kepada rakyat yang memerlukan, memang kepada sesetengah orang RM100 apalah sangat tetapi kalau pada sesetengah orang yang lain, ia amat besar nilainya.

Oleh sebab itu pemberian-pemberian seumpama ini saya percaya perlu diteruskan dan *alhamdulillah* kerajaan juga telah mengenal pasti beberapa masalah sebelum ini dan akhirnya meneruskan juga dan saya lihat ia memberi manfaat kepada lebih 4.7 juta isi rumah dan 2.1 juta orang individu bujang yang mana peruntukannya sekitar RM5.9 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu juga tumpuan kerajaan secara berterusan diberikan kepada kumpulan besar yang bergelar M40 yakni kelompok isi rumah yang berpendapatan RM3,800 sehingga RM8,000. Ini kelompok dan kumpulan yang memang perlu diberikan perhatian kerana kita tahu bahawa kalau pendapatan sekitar RM8,000 berada di bandar barangkali ia tidak selesa berbanding dengan pendapatan RM4,000 berada di luar bandar. Mengambil kira perkara ini dan kerajaan merangka beberapa strategi untuk memberi tumpuan kepada kumpulan M40 dan B40 sebagai mana biasa.

Sudah tentu juga banyak lagi perkara lain yang kalau saya hendak sebut di sini tetapi hakikatnya apa yang dibentangkan oleh kerajaan berasaskan kepada realiti kedudukan ekonomi hari ini. Data-data yang dibentangkan juga berasaskan realiti walaupun menerima kritikan tetapi itu angka yang diiktiraf oleh pelbagai badan penarafan antarabangsa. Soal pengangguran, bagaimana defisit fiskal misalnya, berkaitan data-data eksport dan import, kadar pengangguran yang dikurangkan kepada 2.9%, perwujudan peluang pekerjaan 1.8 juta. Ini semua angka yang punyai *capability*, punyai ketepatan yang sebenarnya tidak boleh dan tidak ada ruang untuk dikritik kerana ia ada kekuatan dan ada keresahan yang menunjukkan bahawa apa sahaja pendekatan yang dibuat oleh kerajaan sebelum ini walaupun perlu lagi banyak penambahbaikan tetapi hakikatnya kita dapat lihat angka-angka ini menampakkan ada peningkatan walaupun dalam keadaan ekonomi yang begitu sukar.

Saya hendak sebut di sini perkara ini supaya kita benar-benar jelas dan faham walaupun saya sebut sekali lagi berulang kali dikritik oleh Yang Berhormat Permatang Pauh yang kadangkala apa yang dia sebut pun saya tidak faham, diulang oleh Yang Berhormat Bagan dan rakan-rakan yang lain tetapi hakikatnya bajet yang dipersembahkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan memang tepat, sesuai dan realistik dalam keadaan masa hari ini dengan perbelanjaan sekitar RM267.2 bilion yang diumumkan Jumaat lalu.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga beberapa perkara yang disebut oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang yang disentuh berulang kali berkaitan dengan kenapa berlakunya peningkatan bajet kepada Jabatan Perdana Menteri? Saya nampak barangkali sengaja tidak faham, sengaja buat tidak faham atau dia hanya tidak ada maklumat dan kemudian hanya melihat bahawa di Pejabat Perdana Menteri. Apakah Yang Berhormat Permatang Pauh diulang oleh Yang Berhormat Bagan dan rakan-rakannya tidak tahu bahawa besar dan banyaknya agensi di Jabatan Perdana Menteri.

Kalau kita lihat... *[Disampuk]* Kalau mereka tahu, tentu tidak sebut. Saya ingat tidak tahu termasuk dia pun tidak tahu. Oleh sebab itu, kalau kita lihat di jabatan dan agensi-agensi yang berada di Jabatan Perdana Menteri tidak kurang daripada 46 buah jabatan. JPA, Parlimen sendiri di bawah Jabatan Perdana Menteri peruntukannya dan JAKIM pun di situ dan pelbagai jabatan lain. Kita tengok pula ada agensi-agensi misalnya ICU, Jabatan Perkhidmatan Awam, Unit Perancang Ekonomi, ada MAMPU, ada UKAS, PEMANDU dan pelbagai agensi.

Oleh sebab itu munasabah kalau kerajaan meningkatkan bajet di Jabatan Perdana Menteri kerana pelbagai agensi penting ada di situ. Oleh sebab itu tuduhan yang dibuat oleh Yang Berhormat Bagan dan Yang Berhormat Permatang Pauh itu tidak tepat dan sebenarnya mereka tidak tahu, malah sebahagian besar agensi dan jabatan yang ada di Jabatan Perdana Menteri juga wujud waktu Yang Berhormat Permatang Pauh yang dahulu, suami kepada Ketua Pembangkang sekarang. Oleh sebab itu tuduhan-tuduhan seumpama ini tidak tepat dan itulah gambaran sebenarnya apabila mereka menuduh berulang kali bahawa bajet ini tidak baik, tidak realistik. Sebenarnya kebanyakan tuduhan-tuduhan itu tidak tepat dan maklumat yang ada pada mereka sebenarnya tidak banyak mereka ketahui.

Memang bercakap itu sudah Yang Berhormat Bagan sebut soal tol, janji tidak tertunai. Apakah kita tidak ingat Yang Berhormat Sungai Petani waktu Yang Berhormat Bagan berkempen bermati-matian di Pulau Pinang, apa janjinya? Yang Berhormat Kapar, ini antara janji dia ialah hendak menghapuskan tol seluruh. Sampai sekarang tidak buat. Tidak tahu? Sengaja buat tidak tahu? Tidak buat pun. Memanglah buat tidak dengar, memekakkan telinga. Perkara-perkara yang tidak boleh ditunaikan. Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, bercakap memang mudah. Hendak laksana? Sudah jadi Ketua Menteri tahulah senang atau susah.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua saya percaya kalau kita berhujah dalam Dewan ini berasaskan fakta yang tepat, yang betul, banyak sebenarnya perkara yang terkandung dalam bajet ini tepat dan betul yang sebenarnya patut disokong oleh semua kita kerana sebahagian besar rakyat sama ada di Ampang, di Sepang, rakyat walaupun Ahli Parlimen mereka mengkritik tetapi nikmatnya banyak diperoleh oleh rakyat di Ampang yang juga mengundi Yang Berhormat.

Oleh sebab itu kita kena realistik. Janganlah kita hanya bercakap perkara-perkara yang sedap di mulut tetapi hakikatnya kita juga melebihi termasuklah Yang Berhormat Bagan tadi, Yang terhormat. Boleh bercakap, mengkritik kata bajet tidak bagus. Akhirnya boleh sebut dia tanya Yang Berhormat Pekan mana peruntukan yang sepatutnya diberi kepada Pulau Pinang. Hendak juga rupa-rupanya. Rupanya marah kawan tadi kerana tidak ada projek di Pulau Pinang.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sungai Petani bangun Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tidak mengapa, okey sila Yang Berhormat Sungai Petani.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Isu di depan kita Yang Berhormat Lenggong ialah membayar cukai

sama ada di Kedah, di Lenggong, di Pulau Pinang. Cukai itu bukan disimpan oleh kerajaan negeri. Cukai itu dikutip oleh Lembaga Hasil dan cukai itu ditadbir oleh Kerajaan Persekutuan.

Oleh sebab itu apabila kita sebut dalam pengagihan cukai-cukai, maka pengagihan itu mestilah saksama. Itu yang disebut tadi. Maknanya kalau kita kutip daripada satu kumpulan rakyat di satu negeri, oleh kerana rakyat itu tidak bersama kita dalam memilih kerajaan, maka rakyat di negeri itu dihukum. Hukum dalam erti kata bahawa sepatutnya projek-projek yang sepatutnya dapat tetapi Kerajaan Pusat kata, "*Oh kerana mereka ini tidak menyokong kita maka dengan sendirinya projek tidak boleh.*" Itu yang dipersoalkan.

Kedua boleh saya tanya Yang Berhormat Lenggong tentang tol?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Hendak habis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sambung esok Yang Berhormat.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sambung tanya esok.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Soalan dia boleh sambung?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukup waktu dan sambung esok.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah habis?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sambung esok Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sambung esok ya. Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 27 Oktober 2015.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 malam]***